

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Khamis, 27 Julai 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Zakaria bin Arshad** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah kerja-kerja menaikkan taraf dan peningkatan mutu permukaan rangkaian jalan raya utama di seluruh negara dapat dilaksanakan bagi menjamin keselamatan pengguna kerana buat masa ini kedapatan jalan raya yang sangat rendah mutu permukaannya jika dibandingkan dengan jalan bertol.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih jalan raya utama di seluruh negara sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa di dalam Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Walau bagaimanapun, memandangkan panjang keseluruhan jalan Persekutuan di seluruh negara adalah melebihi 14,000 kilometer, amatlah sukar bagi kerajaan untuk menaik taraf jalan-jalan tersebut secara serentak. Dalam setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun kerajaan telah meluluskan peruntukan untuk pelaksanaan beberapa projek menaik taraf. Sebagai contoh, bagi Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah meluluskan sejumlah RM1.67 bilion atau RM1,670 juta untuk projek-projek memperbaiki dan menaik taraf jalan di seluruh negara.

Di antara projek-projek yang terlibat adalah seperti projek baik pulih dan menaik taraf Jalan Persekutuan Lima, iaitu dari Klang ke Banting ke Sabak Bernam dan menaik taraf laluan satu Jalan Tanjung Malim, Bidor, Perak dan menaik taraf Jalan Benta, Jerantut, Maran dan Pahang.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita maklum bahawa kadar kemalangan di negara kita ini agak tinggi. Dalam masalah ini banyak berkait dengan keadaan jalan. Adakah

Kementerian Kerja Raya bercadang untuk melebarkan bahu-bahu jalan di mana terdapat keadaan-keadaan merbahaya seperti di selekoh-selekoh seperti dibuat sekarang diperhebatkan lagi, diperbanyakkan lagi supaya dapat mengurangkan kadar kemalangan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang menjalankan lebih dari 350 projek. Projek-projek itu membaik pulih laluan Persekutuan - ada juga tujuh projek; membaiki dan mengganti, menaik taraf jalan dan jambatan - 104 projek; menaik taraf jalan sahaja - 69 projek; memperelok jalan yang sedia ada - 37 projek; dan menaik taraf jalan raya dan laluan ada juga lebih dari 60 projek. Jadi, masalah dihadapi oleh kerajaan sekarang ialah bukan berkenaan dengan jalan sahaja tetapi kegunaan salah oleh pengguna-pengguna jalan.

Yang pertama, iaitu motosikal - mangsa-mangsa yang kita dapat daripada rekod kita iaitu semuanya lebih banyak peratusan dan lebih tinggi iaitu motosikal. Oleh kerana saya telah mencadangkan kepada Kerajaan Pusat di jalan-jalan lama iaitu Jalan Persekutuan I dan Persekutuan V dan jalan-jalan yang lain kita mencadangkan untuk mengadakan lorong khas untuk motosikal. Jadi, saya percaya jikalau kita selesai pembinaan lorong motosikal itu lebih banyak masalah kemalangan ini boleh diatasi.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengetahui daripada yang Menteri dan memohon izin untuk pihak Menteri menyatakan status Highway Karak ke Terengganu ini, dan saya hendak ucapkan tahniah kerana Yang Berhormat Menteri mengumumkan ianya akan bermula secepat mungkin daripada Karak untuk meneruskan ke Kuantan, saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan telah menyelesaikan masalah dengan Kerajaan Terengganu yang masih tergantung. Kalau sekiranya ianya tidak mempunyai masalah kita biar sahaja Terengganu dan teruskan jalan daripada Karak ke Kuantan dahulu. Jadi, saya minta status report. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, baru semalam sahaja saya telah menandatangani kuasa kepada Ketua Pengarah untuk menandatangani kontrak bagi pihak saya sebagai Menteri Kerja Raya, iaitu fasa pertama pembinaan daripada Karak ke Kuantan dan Kuantan ke sempadan negeri Pahang. Projek-projek yang kita cadang di dalam negeri Terengganu itu kita telah menerima beberapa kelulusan untuk mengambil balik tanah, tetapi keputusan belum dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan

Perdana Menteri. Saya percaya dalam tempoh dua bulan akan datang kerja-kerja akan dimula di negeri Pahang. Jadi, selepas kita selesai masalah-masalah dengan Kerajaan Negeri Terengganu berkenaan dengan pengambilan tanah dan juga keadaan kewangan kerajaan, kita akan menimbang permulaan kerja di negeri Terengganu.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Bagaimanakah kedudukan piawai (standard) jalan raya-jalan raya kita berbanding dengan mutu ataupun keadaan jalan raya-jalan raya di negara-negara lain terutamanya di ASEAN, dan mutakhir ini ada timbul beberapa perkara yang berkaitan dengan label ataupun papan tanda yang tidak begitu seragam khususnya di negeri Terengganu dan Kelantan kerana ada didakwa oleh setengah pemimpin-pemimpin masyarakat di Terengganu dan Kelantan seolah-olah projek Persekutuan ini menjadi sebahagian daripada projek kerajaan negeri. Ini timbul sedikit salah faham di antara rakyat. Jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri memberi sedikit penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, dari pihak JKR kita mengikut dengan taraf jalan iaitu standard yang dikenali oleh British Standard Specification pembinaan jalan dahulu. Sekarang kita ikuti dengan standard akan ditetapkan dan sedang ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya. Semua jalan, laluan-laluan yang saya bincang tadi iaitu mengikuti dengan taraf 0.5 iaitu taraf yang baik. Jikalau kita banding dengan jalan-jalan ini yang sedia ada di negara kita dengan jalan-jalan negara-negara berhampiran yang sedia ada, saya percaya taraf kita boleh dibanding dengan taraf antarabangsa.

Jadi, berkenaan dengan papan tanda, projek-projek sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, ada juga papan tanda menunjukkan projek-projek itu ialah Kerajaan Pusat Malaysia. Di mana-mana negeri pun kita ada juga papan tanda. Itu sudah ditetapkan beberapa lama dahulu.

2. **Tuan Jang Chow Thye** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kerajaan bercadang menaikkan kelayakan umur minimum penunggang motosikal daripada 16 tahun sekarang kepada umur 21 tahun memandangkan banyak kemalangan jalan raya melibatkan para remaja. Adakah kerajaan juga bercadang menambahkan waktu latihan memandu melebihi 16 jam.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan syarat kelayakan umur minimum menunggang bagi penunggang motosikal daripada 16 tahun kepada umur 21 tahun. Ini disebabkan kelayakan umur yang ditetapkan pada ketika ini adalah selaras dengan kelayakan umur bagi kebanyakan negara di dunia seperti Australia, New Zealand, Jepun, Singapura dan lain-lain negara.

Kemalangan jalan raya yang melibatkan penunggang dari golongan remaja - pendekatan yang diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan ialah dengan memantapkan program latihan memandu. Ini termasuklah mengubahsuai program latihan memandu kepada modul atau peringkat tertentu di mana seorang calon disyaratkan untuk mengikuti latihan berperingkat-peringkat sehingga calon tersebut menjadi mahir dan layak untuk diuji. Kurikulum pelajaran memandu juga menekankan sifat-sifat berhemah ketika memandu di jalan raya. Ini tidak termasuk kempen-kempen keselamatan jalan raya yang dijalankan di sekolah-sekolah dan pusat pengajian tinggi dari masa ke semasa.

Pada ketika ini, kerajaan tidak bercadang untuk menambah waktu latihan memandu melebihi 16 jam. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang menimbang untuk menambah waktu latihan di mana kajian terperinci sedang dibuat bagi mengenal pasti modul yang bersesuaian dan mantap ke arah memperkemas dan mempertingkatkan lagi kualiti sistem latihan dan pengajaran pemanduan di negara ini.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sangkaan orang ramai adalah bahawa para remaja itu khasnya orang lebih muda itu mengambil risiko yang lebih tinggi. Adakah sangkaan ini benar, adakah kementerian membuat sebarang kajian yang menjangkakan bahawa orang pada umur 16 tahun mengambil lebih risiko daripada orang yang berumur 20 tahun dan adakah statistik itu menunjukkan bilangan kemalangan yang melibatkan remaja berumur 16 tahun lebih daripada mereka yang berumur 21 tahun. Terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memanglah remaja di antara umur 16 hingga 25, peratusan yang mati dalam kemalangan jalan raya adalah tinggi. Untuk tahun 1998 dari umur 16 hingga 20, kematian adalah 829. Untuk umur 21 hingga 25 - 611 kematian. Kalau dibanding dengan

2,849 orang yang mati dalam tahun 1998 adalah 50%. Memang ini adalah sikap remaja. Oleh itu, kementerian pun ada buat kajian, kita ingin buat satu jawatankuasa supaya boleh bincang sama Kementerian Pendidikan supaya kita boleh menukar sikap dan kesedaran tentang remaja.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tumpang bertanya, penjelasan sebagai soalan tambahan saya kepada kementerian. Adakah kerajaan membuat beberapa kategori, oleh kerana sekarang ini banyak di antara jenis motosikal kita ber'c.c.' besar, ada satu kaedah supaya remaja kita yang berumur 21 tahun hanya dibenarkan ke satu tahap c.c. sahaja, dan apakah bentuk-bentuk pelesenan untuk penunggang ini supaya motosikal yang besar-besar itu tidak dibenarkan kepada penunggang-penunggang 21 tahun ke bawah umpamanya. Terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini lesen yang kita beri untuk pemandu yang baru hanya kelas B. Ini adalah untuk motosikal yang ber'c.c.' 250 ke bawah. Untuk 250c.c. dan ke atas, ujian yang terperinci akan diadakan.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kementerian telah membuat kajian bagaimana dari segi penggunaan motosikal ini kebanyakan yang digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah yang berumur bawah pada 21 tahun, dengan dimaklumkan bagaimana pihak kementerian tidak bercadang untuk menaikkan kelayakan umur minimum. Jadi, bagaimanakah penyelesaian pihak kementerian dalam menyelesaikan masalah pelajar-pelajar sekolah yang menggunakan motosikal ke sekolah sebagai kenderaan mereka. Terima kasih.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa pastilah apa Yang Berhormat cadangkan. Boleh ulangkan sekali lagi.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Saya bertanya bagaimanakah penyelesaian bagi pihak kementerian dalam menyelesaikan pelajar-pelajar sekolah yang kebanyakannya menunggang motosikal ke sekolah, sedangkan kita tahu mereka ini berumur bawah daripada 21 tahun, sedangkan kelayakan minimum untuk mendapat kelayakan lesen ini berumur 21 tahun. Jadi, apa pandangan pihak kementerian dalam menyelesaikan masalah ini.

**Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, umur untuk mengambil lesen atau mendapat lesen motosikal adalah 16 tahun. Ini adalah selaras dengan kelayakan umur bagi kelayakan negara di dunia. Oleh itu, kalau umur 21 dan ke bawah yang memandu motosikal ke sekolah atau tempat lain, ini terpulang kepada pemandu sendiri. Walau bagaimanapun, kementerian pun ada meningkatkan penguatkuasaan khususnya ke atas pemandu yang mengambil risiko dengan tidak memahui peraturan-peraturan jalan raya. Tetapi remaja ini memang sikap yang mereka ada memang bukan senang kita hendak tukar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Melanie Chia Chu Ket.

3. **Dato' Dr. Chin Fook Weng [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan apakah kesannya kenaikan tambang sebanyak 50% yang dicadangkan oleh Sistem Penerbangan Malaysia terhadap pelancongan dalam negeri di negara Malaysia amnya dan negeri Sabah dan Sarawak khasnya.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak boleh menafikan iaitu kenaikan tambang penerangan boleh mempengaruhi industri pelancongan Malaysia atau di mana-mana negara pun hanya dari segi magnitud. Di negara kita kesan ini lebih ternampak untuk negeri Sabah dan Sarawak kerana menaiki kapal terbang ialah cara tunggal buat masa kini untuk orang awam mengunjungi kedua-dua negeri ini. Kenaikan ini akan memberi kesan yang ketara ke atas harga pakej yang melibatkan Semenanjung dan Sabah dan Sarawak sekiranya menggunakan MAS.

Adalah difahamkan bahawa kenaikan 50% tambang ini akan mengakibatkan kenaikan harga pakej antara 20% dengan 35% bagi pakej dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Namun begitu, dari kajian yang dijalankan kebanyakan pakej yang ditawarkan adalah menggunakan pengangkutan udara selain dari MAS seperti Transmile, Air Asia yang menawarkan tambang penerbangan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, isu ini masih dalam kajian di kementerian yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Pengangkutan. Saya pasti kementerian ini akan meneliti semua aspek dan ambil berat semua aspek yang berkaitan sebelum sesuatu keputusan terakhir diputuskan. Sekian.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau sekiranya pihak syarikat penerbangan domestik yang disebutkan tadi selain daripada MAS yang boleh memberikan dari segi tambang lebih murah untuk perjalanan domestik, kenapa tidak pihak kerajaan membuat satu dasar di mana MAS ditumpukan untuk penerbangan antarabangsa, selepas itu untuk domestik ini kita berilah syarikat-syarikat yang kini menjalankan usaha domestik dengan tambang yang murah. Jadi, saya minta dikaji semula perkara ini sebagai dasar kerana kita hendak mengintegrasikan Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung sebagai satu negara yang penuh perpaduan. Kalau sekiranya dahulunya feri tak berjaya daripada Kuantan ke Sabah dan Sarawak - saya ingat lagi semasa saya di Pahang dahulu ada feri untuk bawa orang pergi ke sana-sini, tetapi itu pun sudah tidak ada. Jadi, penerbangan domestik ini mesti dipertingkatkan dengan harga yang berpatutan dan berkemampuan oleh pengguna dengan menggunakan syarikat-syarikat yang berasaskan kepada domestik, MAS antarabangsa. Terima kasih.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang itu satu cadangan yang kita boleh bawa kepada Kementerian Pengangkutan. Tetapi pada masa sekarang jika kita tinggal industri ini, ia boleh ikut tekanan pasaran (*market force*). Jika kita tengok tambang penerbangan MAS ke Sabah, *one way* RM437. Tetapi jika guna Transmile - RM299. Jadi, kita ikut *market force*lah. Jika ramai orang hendak guna Transmile, MAS tidak ada business ia sendiri tak akan beroperasi. Kita tengok tambang penerbangan MAS return ke Sabah - RM437, itu tidak terlalu tinggi. Jika kita tengok MAS ke Sarawak *one way* - RM262, Transmile - RM179. Jadi, memang cadangan itu kita akan timbangkan, tetapi pada pandangan kita, kita bahagikanlah tekanan pasaran untuk memastikan mana *airline* yang lagi kompetitif. Sekian.

4. **To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan sejak wujudnya Mahkamah Syariah:

- (a) berapa ramaikah bilangan hakim-hakim di mahkamah tersebut di seluruh negara dan bilangan mengikut negeri; dan
- (b) berapa ramai bilangan pegawai di jabatan tersebut.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bilangan hakim-hakim di Mahkamah Syariah seluruh negara ialah seramai 100 orang dan bilangan mengikut negeri ialah seperti berikut:

(a)	?	Wilayah Persekutuan	-	9
	?	Selangor	-	8
	?	Pulau Pinang	-	6
	?	Perlis	-	1
	?	Melaka	-	2
	?	Negeri Sembilan	-	5
	?	Kedah	-	9
	?	Perak	-	9
	?	Johor	-	10
	?	Kelantan	-	9
	?	Terengganu	-	8
	?	Pahang	-	8
	?	Sarawak	-	10
	?	Sabah	-	6

- (b) Bilangan pegawai syariah di jabatan-jabatan tersebut ialah seramai 113 orang yang melibatkan jawatan Ketua Hakim, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Rendah, Ketua Pendaftar dan Pendaftar.

Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan ini kerana ianya ada kaitan dengan masalah sosial. Saya hendak Tuan Yang di-Pertua, berasaskan kepada jumlah yang sedia ada ini dan dikaitkan dengan jumlah tunggakan kes-kes perceraian terutamanya kerana saya perhatikan dalam surat khabar-surat khabar ramai sangat wanita yang merana kerana hendak menunggu keputusan perceraian begitu lama, sehinggakan mereka tergantung tanpa tali dan sebagainya, tanpa apa.... segala tanpalah.

Jadi, apakah sekarang kajian dibuat, jumlah kes-kes tunggakan dari segi kes penceraian sahaja kerana saya bimbang sangat wanita ini, mengikut dua tahun ke atas, satu tahun ke atas dan sebagainya, berapa jumlahnya?

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya keluar daripada soalan asal oleh itu saya minta notis tetapi secara kasarnya kita telah banyak kali jawab di Dewan Rakyat dan Dewan Negara mengenai fakta-fakta perangkaan mengenai kes-kes yang didakwa tertunggak di Mahkamah Syariah.

Saya masih ingat kita telah nyatakan bahawa kes penceraian sebenarnya kita telah dapat selesaikan sebanyak 70% daripada seluruh negara, hanya tinggal 30% kerana kes-kes cerai ini banyak jenis cerai. Dan kita telah nyatakan juga bahawa kes-kes ini tertangguh ialah kerana pemohon-pemohon tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dan apabila disebut di mahkamah, ianya akan mengakibatkan pelbagai pihak termasuk hakim, pendakwa, pembela, saksi dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) akan berusaha untuk mempercepatkan kes-kes yang tertangguh sebab itu kita telah cuba mengatasi masalah ini dengan mengambil beberapa langkah bagi mengatasi kes-kes tertangguh yang akan kita juga JKSM akan mengeluarkan peraturan-peraturan dan arahan-arahan amalan dalam pengendalian kes-kes seperti kes yang perlu diberikan keutamaan, peraturan had maksimum untuk sebutan dan perbicaraan kes, peraturan-peraturan lain untuk mempercepatkan penyelesaian kes, manakala kekosongan hakim di Wilayah Persekutuan akan kita atasi. Terima kasih.

**To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Mengikut statistik yang diberi oleh Yang Berhormat tadi, terima kasih. Terengganu ada lapan dan saya hendak tahu adakah ini termasuk dengan Ketua Hakim Mahkamah Syariah di Terengganu? Sebab saya dapat tahu bahawasanya Hakim Mahkamah Syariah di Terengganu belum lagi diisi dan saya rasa soalan saya juga berkaitan.

Daripada kenyataan Yang Berhormat tadi mengatakan kes-kes yang tertunggak itu tidak banyak tetapi saya dapati bahawasanya banyak kes yang tergendala ialah dengan

sebab wanita itu hadir tetapi malangnya lelaki ini sepi. Dia tidak hadir, dia *make don't know*. [Ketawa]

Jadi, apa tindakan, *make don't know* sahaja. Dia buat tidak tahu sahaja. Jadi, ini yang melemahkan dan ini yang menjadikan wanita teraniaya dan apakah langkah-langkah kementerian untuk melicinkan perkara ini supaya kes-kes yang seumpama ini dapat diselesaikan dengan secara praktikal dan baik. Terima kasih.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Terutama sekali saya hendak nyatakan bahawa kerajaan telah pun mengambil satu keputusan yang bijak pada tahun 1988 apabila kita meminda Perlembagaan, di mana di bawah Perkara 121 (1A) telah mengatakan bahawa segala keputusan Mahkamah Syariah tidak boleh *dioverruled* ataupun di mana-mana Mahkamah Sivil. Apabila pindaan Perlembagaan ini diberi kuasa kepada Mahkamah Syariah, dengan sendirinya taraf Mahkamah Syariah telah dapat ditingkatkan.

Dengan itu kita lihat hari ini kes-kes seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi, kita tidak nafikan berlaku sebab itu tindakan Mahkamah Syariah ialah dengan cara kita mengeluarkan waran. Dahulu kita jarang dengar Mahkamah Syariah mengeluarkan waran tangkap, dahulu pun apabila dengar Mahkamah Syariah ini pun orang tidak berapa endahkan sangat. Tetapi hari ini kita sudah pisahkan jabatan agama lain, Mahkamah Syariah lain dan waran daripada Mahkamah Syariah ini membolehkan seseorang itu ditangkap dan dibawa ke mahkamah.

Mengenai Ketua Hakim Terengganu, saya ingin menyatakan bahawa pelantikan Hakim ini sebenarnya adalah terletak kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu sendiri kerana saya ingin jelaskan bahawa Hakim Mahkamah Syariah ini adalah dilantik oleh SPA negeri masing-masing.

Jadi, kalau ada kekosongan yang saya nyatakan tadi, ianya bukanlah tugas, tanggungjawab JKSM tetapi sebaliknya ialah tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri untuk mengisi kekosongan tersebut melainkan negeri Wilayah Persekutuan, Melaka dan Pulau Pinang, ianya diisi oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Dan apabila SPN membuat pengisian kekosongan ini, maka tauliah untuk melaksanakan tugas dan kuasa sebagai hakim pula diberikan oleh sultan atau raja bagi negeri yang berkenaan. Tetapi

kekosongan yang saya nyatakan tadi, yang 100 orang tadi adalah termasuk jawatan Ketua Hakim di negeri Terengganu. Terima kasih.

5. **Tuan Haji Gapar bin Gurrohu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan perkembangan isu berhubung tuduhan Angkatan Tentera Darat Malaysia terlibat dengan sindiket mencuri kayu balak jati sejak 10 tahun lalu di Kalimantan Timur berdekatan Sarawak oleh Setiausaha Agong Kem. Perhutanan dan Perkebunan Indonesia.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mohon kebenaran untuk menjawab bagi pihak Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab secara bersekali soalan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu pada 27Julai 2000; Dato' Ting Check Sii pada 27 Julai 2000; dan Tuan Benedict Bujang Tembak pada 1 Ogos 2000 mengenai isu tuduhan pembalakan haram di Kalimantan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kementerian ulangi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dakwaan pihak berkuasa Indonesia mengenai penglibatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam kegiatan pembalakan haram di sempadan Kalimantan adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali. Angkatan Tentera Malaysia memiliki tahap profesionalisme yang tinggi dan tiada alasan untuk ATM terlibat dalam kegiatan pembalakan haram kerana kehadiran mereka di sempadan adalah untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

Tuduhan penglibatan syarikat Malaysia dalam kegiatan pembalakan haram di Kalimantan adalah juga tidak benar berdasarkan siasatan rapi yang telah dijalankan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara dan Polis Diraja Malaysia dengan menggunakan peta sempadan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua negara pada tahun 1976. Hasil penyiasatan jelas menunjukkan bahawa pembalakan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat ini adalah di dalam kawasan Malaysia.

Kedua-dua negara telah memersetujui bahawa sebarang masalah atau perselisihan faham yang melibatkan hubungan dua hala haruslah diselesaikan melalui mekanisme yang sedia ada iaitu Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) dan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Indonesia bagi menjamin keutuhan hubungan antara kedua-dua negara. Terima kasih.

6. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah kementerian mempunyai rancangan untuk mengurangkan umur untuk memasuki sekolah dari 7 tahun kepada 6 tahun.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendidikan 1996 menetapkan bahawa umur kemasukan murid untuk Tahun Satu sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan dan sekolah swasta ialah dari usia 6 tahun ke atas, iaitu selepas mereka mengikuti pendidikan prasekolah.

Kementerian Pendidikan tidak bercadang mengubah tahap umur berkenaan dan memastikan peraturan ini dipatuhi.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, baru-baru Yang Berhormat Menteri Pendidikan ada mengumumkan bahawa satu kajian berkenaan dengan anak-anak kita yang berumur 6 tahun yang berada dari prasekolah ataupun tadika akan diurus oleh Kementerian Pendidikan. Oleh kerana apa yang berlaku sekarang ini tidak ada satu penyeragaman dalam modul pembelajaran yang diatur oleh beberapa kementerian dan juga oleh beberapa parti politik, yang mana adalah wajar untuk diseragamkan dari segi pengurusan anak-anak kita di peringkat prasekolah. Setakat ini, apakah perkembangan dan pendirian kementerian dan kerajaan berkenaan dengan prasekolah ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita baru sahaja mencadangkan supaya apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi mengenai penyeragaman itu tetap hendak kita lakukan. Tetapi kini hanya masa sahaja sebab kita perlu membuat penelitian yang lebih lanjut. Oleh kerana sekarang ini, walaupun kita kata adanya berjenis-jenis prasekolah, misalnya kita sebut di sini sekolah-sekolah *annex* prasekolah di sekolah kebangsaan yang sedia ada misalnya bilangan sekolah 1,131 buah sekolah. Bilangan pelajar ialah 28,275 orang. Manakala prasekolah-prasekolah yang lain adalah dikendalikan oleh pihak swasta dan juga pihak KEMAS.

Jadi, dengan yang demikian kita rasa perlu kita adakan prasekolah tetapi apa yang penting sekarang ini ialah kita dikehendaki untuk meminda Akta Pendidikan itu terlebih dahulu sebab kita hanya mewajibkan kemasukan sekolah itu daripada Tahap I sehinggalah ke menengah atas. Jadi, dalam hal kita kira kita perlukan perancangan yang lebih mantap dan lebih teliti sebelum kita melaksanakan sesuatu.

Ingin saya beritahu juga kepada Yang Berhormat di sini, ramai orang yang tidak memahami antara perbezaan *kindergarten* dan prasekolah. *Kindergarten* adalah berasal daripada perkataan German, yang bermaksud ataupun bahasa asalnya ialah “*kindergahden*” iaitu ‘taman asuhan kanak-kanak’ di mana kita merasakan di Germany terutama sekali, anak-anak yang berumur empat tahun sehingga lima tahun, ataupun enam tahun dihantar ke taman asuhan. Manakala di Britain dan juga di Amerika mereka gunakan prasekolah iaitu kelas persediaan untuk menghadapi alam persekolahan nanti.

Jadi, kita juga memandang berat terutama sekali di peringkat ini banyak, ada di antara kita telah menyalahgunakan taman asuhan tadi. Dan kita dapat bermacam-macam laporan, ada diantaranya menanam bibit-bibit kebencian terhadap kerajaan, itu yang kita sedang meninjau dan memantau keadaan ini sejauh manakah ia akan memudaratkan pelajar-pelajar yang umurnya yang begitu kecil sudah mereka (*diindoctrinatekan*) dengan segala macam fahaman kebencian terhadap pihak kerajaan. Ini kita memang mengambil berat dan kita akan terus memantau keadaan ini.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah kerajaan masih lagi memberi dengan izin, *double promotion* kepada penuntut-penuntut dalam sekolah rendah dan jika ada, apakah kriteria untuk *double promotion* ini dengan izin, diberi selain daripada pencapaian akademik?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya tidak perlu mengawab soalan itu kerana perbincangan kita ialah mengenai dengan prasekolah. Terima kasih.

**Tuan Tan Ek Huat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa kurikulum yang digunakan oleh tadika ataupun kerja-kerja yang diberi oleh tadika pada masa kini adalah kerja-kerja yang

bertindih dengan kerja-kerja sekolah yang diberi kepada Tahun I. Apakah pandangan kementerian terhadap perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang sebenarnya ada dua perkara di sini Yang Berhormat, satu, ialah kaedah penyampaian bahan-bahan pendidikan, itu kaedah. Satu lagi mengenai dengan kurikulum. Kurikulum kita telah pun menggunakan kurikulum yang disediakan oleh pendidikan yang sama oleh Kementerian Pendidikan. Ini sebagai memenuhi segala macam syarat yang dipohon oleh pihak yang hendak mengendalikan kelas-kelas prasekolah tersebut.

Jadi, saya faham maksud Yang Berhormat tadi, apakah setengah sekolah menekankan soal bacaan ataupun setengah sekolah yang menekankan hal-hal mengenai dengan kemahiran hidup umpamanya, seperti memakai baju, memakai kasut dan sebagainya. Itu ada kaedah masing-masing dan masing-masing ini menjadi bahan ataupun modal tarikan supaya ibu bapa menghantar kepada *kindergarten* mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya minta izin, Tuan Yang di-Pertua, kerana soalan saya belum lagi – soalan nombor tujuh (*seven*) .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Oh, maaf ya.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Jadi, saya ingin mengemukakan soalan nombor tujuh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan nombor tujuh. Ya, ya. Silakan nombor tujuh. Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman ya.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengingati soalan nombor tujuh. Jadi, saya kemukakanlah soalan nombor tujuh.

7. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pendatang haram yang telah dihantar pulang mengikut negara dan yang masih bekerja mengikut jenis pekerjaan dan apakah program bagi mengurangkan jumlah ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian.

Dari Januari 2000 hingga Jun 2000, seramai 50,527 pendatang tanpa izin (PTI) telah dihantar pulang ke negara asal mereka. Pecahan mengikut kewarganegaraan ialah:

	<b>Negara</b>		<b>Jumlah(orang)</b>
(i)	Indonesia	-	43,050;
(ii)	Myanmar	-	2,684;
(iii)	Thailand	-	1,559;
(iv)	India	-	994;
(v)	Bangladesh	-	747;
(vi)	Pakistan	-	705;
(vii)	Republik Rakyat China	-	51; dan
(viii)	Lain-lain negara	-	737.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah sebenar pendatang tanpa izin (PTI) yang masih berada dan juga bekerja di negara ini adalah tidak diketahui kerana kehadiran mereka adalah secara tidak teratur dan sentiasa bersembunyi daripada pihak berkuasa.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi membendung kemasukan PTI ini ialah dengan meningkatkan kawalan di tempat-tempat yang dikenal pasti menjadi pintu masuk haram seperti di pesisiran pantai dan juga kawasan-kawasan sempadan antarabangsa iaitu seperti Malaysia dan Thailand.

Selain dari itu tindakan penguatkuasaan yang berterusan juga dilakukan dengan membuat pemeriksaan di tempat-tempat yang dikenal pasti menjadi tumpuan PTI seperti di kilang-kilang, kawasan pembinaan, ladang, restoran dan juga pusat-pusat hiburan.

PTI yang ditangkap akan ditahan di depot-depot imigresen dan seterusnya diusir ke negara asal mereka, manakala mereka yang dikenal pasti bertanggungjawab memberi perlindungan dan membawa masuk PTI ini, akan diambil tindakan undang-undang termasuk mendakwa mereka di mahkamah atau diambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Kediaman Terhad 1933 dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Terima kasih.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu apabila kita memperkatakan soalan pendatang haram ini amat sukar bagi pihak

kerajaan untuk mengawalinya dengan 100%. Walau bagaimanapun, saya rasa kementerian juga faham bahawa keperluan pekerja-pekerja ini di setiap sektor sama ada industri ladang dan sebagainya amat perlu kerana dalam negara kita memang kekurangan tenaga kerja. Sebagai contoh saya nampak dan saya buat siasatan dan juga *homework* terdapat ladang-ladang ternakan juga menggunakan pekerja dari luar, padahal ladang-ladang ternakan ini tidak berorientasikan eksport. Tetapi mereka terpaksa menggunakan pendatang-pendatang haram ini untuk bekerja kerana seperti daging-daging ayam, itik dan sebagainya perlu untuk negara kita.

Soalan saya apakah kementerian akan menimbangkan selain daripada kilang-kilang yang berorientasikan eksport atau ladang-ladang kelapa sawit, getah adakah sektor lain yang tidak berorientasikan eksport diberi kelonggaran untuk mengambil pekerja asing bagi menghindarkan pekerja tanpa izin ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan seboleh-bolehnya tidak menggalakkan pekerja-pekerja asing untuk bekerja di negara kita dan oleh itu selalunya kita ambil tindakan-tindakan ini supaya dapat memberi peluang pekerjaan pada anak-anak tempatan kita. Tetapi memandangkan sebagaimana pandangan daripada Yang Berhormat Senator tadi, memanglah kerajaan kita dari masa ke semasa memberi pertimbangan terhadap kepentingan pekerja asing ini dan jika perlu akan memberikan syarat-syarat kelonggaran yang sesuai untuk permohonan itu. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat selain daripada kawalan di adakan di pintu-pintu masuk dan di tempat-tempat yang disebutkan tadi seperti pusat hiburan dan sebagainya, apakah kementerian sedar bahawa kedatangan pendatang tanpa izin ini juga membawa masalah sosial yang besar di kawasan-kawasan perumahan khususnya, sebagai contoh di sebelah Seberang Prai, Taman Nagasari disebut Mini Hadyaai. Adakah kementerian juga boleh membuat rondaan di tempat-tempat seperti yang saya sebutkan. Terima kasih.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya katakan tadi kawalan-kawalan memang kita selalu adakan dan rondaan-rondaan sentiasa dilakukan untuk cuba mengatasi masalah-masalah yang didatangkan oleh pendatang tanpa izin

ataupun pekerja-pekerja luar. Tetapi kita pun mesti faham bahawa manusia ini adalah manusia dan saya rasa segala masalah-masalah seperti ini tidak akan berlaku tetapi jika kita penduduk-penduduk tempatan tidak menggalakkan mereka ini berada di dalam keadaan itu. Tetapi walau bagaimanapun, sebagai pandangan daripada Yang Berhormat Senator tadi, kerajaan memang memantau dari masa ke semasa dan keadaan sosial yang berlaku di tempat-tempat yang disebutkan tadi, kita memang memberikan perhatian yang serius terhadap ini. Terima kasih.

8. **Dato' Zainal bin Rampak** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah pegawai dagang asing atau *expatriate* (dengan izin) yang bekerja di dalam bank-bank asing di negara ini dan adakah kerajaan mengeluarkan garis panduan yang harus dipatuhi oleh bank-bank asing di mana jumlah pegawai dagang asing dikurangkan dari setahun ke setahun.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat 31 Mac 2000, 42 orang pegawai dagang asing yang bekerja di dalam bank-bank asing di Malaysia.

Pengambilan pegawai dagang asing oleh institusi perbankan adalah berpandukan kepada garis panduan penggajian pegawai dagang yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bertarikh 29 September 1995 untuk memastikan bahawa wujudnya pemindahan kepakaran yang tidak terdapat di Malaysia daripada pegawai dagang asing kepada pegawai tempatan.

Di bawah garis panduan ini, institusi perbankan hanya boleh mengupah pegawai dagang asing di bawah keadaan-keadaan tertentu sahaja seperti di mana institusi perbankan yang berkenaan mempunyai keperluan spesifik untuk perkhidmatan pakar yang khas. Pegawai dagang boleh dilantik di bawah program latihan atau pertukaran kakitangan dari cawangan luar negeri mengenai operasi perbankan tempatan dan kakitangan tempatan juga akan dilatih dan mendapat pengalaman di luar negeri. Memandangkan garis panduan yang sedia ada adalah ketat, kerajaan tiada rancangan untuk mengeluarkan garis panduan baru untuk mengurangkan jumlah pegawai dagang asing.

9. **Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah pihaknya tidak bercadang bagi mewujudkan mata pelajaran teknik & vokasional di semua peringkat sekolah menengah di negara ini.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan jawapan baru saya teringat semalam ada Yang Berhormat ada sebutkan gambar-gambar kita, pemimpin dipijak. Tadi pagi saya cuba *check* dengan lori-lori sampah, adakah tidak pekerja Dewan Bandaraya pijak gambar-gambar pemimpin, nampaknya tidak ada. Mungkin Yang Berhormat semalam bercakap mengenai dengan musim pilihan raya lepas kita buang poster, agaknya. Tetapi kita tidak menggunakan taman asuhan untuk membenci pemimpin, itu maksud kita iaitu gambar-gambar diguna untuk dibencikan, itu maksud kita, yang itulah pagi tadi, itu cerita komersial sikit.

Pada dasarnya bagi menjawab soalan Yang Berhormat Puan Hajah Puizah, pada dasarnya Kementerian Pendidikan sememangnya berhasrat untuk memperkembangkan pendidikan teknikal dan vokasional di sekolah-sekolah menengah di negara ini. Pada masa ini pelajaran Kemahiran Hidup telah dilaksanakan di Peringkat Menengah Rendah bagi memberi galakan dan pendedahan kepada pelajar mengenai asas-asas kemahiran. Di samping itu mata pelajaran teknikal seperti Lukisan Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan ditawarkan di sekolah-sekolah menengah agama terpilih.

Sebagai maklumat tambahan kepada Yang Berhormat tadi, kita ada juga di Peringkat Menengah Atas iaitu kita adakan Sekolah Menengah Teknik dan juga yang kita panggil Sekolah Menengah Vokasional (SMV) sebanyak 84 buah sekolah semuanya, ini pun diikuti oleh pelajar-pelajar selepas PMR. Dalam perancangan jangka panjang 4 mata pelajaran baru akan diperkenalkan dalam aliran teknikal di SMT/SMV pada tahun 2003 iaitu pengajian Agroteknologi, Pengajian Pakaian, Pengurusan Makanan dan keusahawanan. Buat masa ini juga terdapat sebanyak 1,106 Sekolah Menengah Agama di seluruh negara yang telah dipilih untuk ditawarkan mata pelajaran teknikal seperti Lukisan, Kejuruteraan dan Teknologi Kejuruteraan.

Di sini kita pihak kerajaan begitu terbuka bukan sahaja tumpuan kita kepada pelajaran agama, kita juga menumpukan perhatian di bidang-bidang teknikal dan ini saya anggap lebih *Islamic*.

10. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah deposit yang telah dimasukkan kepada bank-bank Islam di Malaysia. Adakah peratus deposit ini bertambah berbanding dengan deposit sistem bank berfaedah. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menggalakkan lagi sistem perbankan Islam di Malaysia.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir tahun 1999, jumlah deposit dalam sistem perbankan Islam (SPI) di Malaysia ialah sebanyak RM23.6 bilion, iaitu 5.2% daripada keseluruhan deposit dalam sistem perbankan negara. Daripada jumlah ini, deposit dalam bank-bank Islam iaitu Bank Islam Malaysia Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad adalah sebanyak RM9.7 bilion.

Peratusan deposit perbankan Islam berbanding dengan jumlah keseluruhan deposit sistem perbankan adalah menggalakkan iaitu meningkat daripada hanya 2% daripada keseluruhan deposit pada tahun 1996 kepada 2.4% pada 1997 dan seterusnya kepada 3.8% dalam tahun 1998 dan 5.2% dalam tahun 1999.

Antara langkah-langkah yang dijalankan untuk menggalakkan lagi sistem perbankan Islam adalah penyediaan pelan induk bagi perbankan Islam dalam tempoh 10 tahun akan datang dan penyediaan infrastruktur yang lengkap supaya sistem perbankan Islam dapat beroperasi dengan lancar. Ini termasuklah keperluan peruntukan undang-undang, rangka kerja pengawakseliaan, penzahiran penyata kewangan mengenai perbankan Islam dalam kunci kira-kira dan akaun untung rugi bank-bank sistem perbankan Islam (SPI), sistem pembayaran yang mantap serta penubuhan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Dewan ini diberitahu ada tidak berlaku peningkatan dari segi penggunaan dan sebagainya, orang-orang bukan Islam terhadap Bank Islam ini.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya memang berlaku peningkatan penyertaan golongan bukan Islam dalam sistem perbankan Islam ini dan lebih-lebih lagi dalam kegiatan meminjam. Misalannya selepas kegawatan dahulu, mereka lebih tertarik dengan sistem perbankan Islam kerana kadar faedah yang

dikenakan adalah tetap dan ini menarik perhatian mereka. Dan dari segi deposit juga kita dapati dari tahun ke tahun ada peningkatan penyertaan golongan bukan Islam. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk menukar semua sistem bank yang berfaedah kepada sistem Islam memandangkan sambutan yang begitu menggalakkan daripada semua kaum dan kita melihat bagaimana operasi Bank Islam ini memandangkan keuntungan kepada semua pihak. Adakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan semua sistem Islam dalam perbankan negara kita.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi dan sistem ekonomi terbuka maka saya rasa adalah tidak wajar kita menghalang sistem-sistem perbankan yang lain untuk bergerak cergas di negara kita. Jadi, kerana itu maka sistem perbankan konvensional yang ada akan kita teruskan di samping itu kita akan menggalakkan sistem perbankan Islam untuk disertai oleh bukan sahaja golongan Islam malah juga oleh bukan Islam. Terima kasih.

11. **Tuan Benedict Bujang Tembak** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) memandangkan kejadian membakar sekolah, bilik darjah dan rumah bekas guru disiplin serta masalah disiplin dan sebagainya di seluruh negara baru-baru ini apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut; dan
- (b) adakah ini bermakna kurikulum pendidikan negara gagal berfungsi sewajarnya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada pandangan saya soalan ini telah pun dijawab bersama-sama soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdillah bin Haji Abdul Rahim pada 24 Julai 2000. Kementerian Pendidikan tidak lagi sebarang maklumat tambahan untuk dimaklumkan. Walau bagaimanapun, saya ambil kesempatan ini bahawa banyaknya soalan-soalan mengenai dengan sekolah terbakar dan sebagainya. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat begitu mengambil berat terhadap disiplin di sekolah.

Walau bagaimanapun, saya tetap untuk menyatakan bagi jawapan (b) ini bahawa kurikulum pendidikan negara kita tetap berfungsi dan kita berharap sekarang ini adalah kerjasama dari semua lapisan masyarakat terutama sekali ibu bapa untuk tentukan disiplin anak-anak kita tetap berjalan lancar dan baik. Jadi, harapan kita di Kementerian Pendidikan ialah supaya disiplin di sekolah bukan hanya jatuh 100% tanggungan pihak sekolah tetapi ia hendaklah dimainkan bersama oleh ibu bapa dan masyarakat sekeliling. Terima kasih.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan tambahan saya, jika ianya tidak bercanggah dengan peraturan dan prosedur dewan, saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi jawapan kepada soalan tambahan saya, pada soalan pokok nombor 6 tadi secara bertulis.

Soalan tambahan saya ialah bagi soalan pokok nombor 11 iaitu dari angka ataupun jumlah pelajar-pelajar yang telah didapati membuat salah laku, saya ingin tahu apakah pencapaian akademik mereka ini. Itu sahaja, kerana saya ingin tahu sama ada mereka ini lemah ataupun ada juga yang mungkin mempunyai pencapaian akademik yang tinggi tetapi telah terlibat dalam membuat salah laku. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi saya jawapan yang telah kita beri kepada Dewan yang mulia ini, saya rasa sudah memadai kepada soalan-soalan yang dikemukakan. Pada anggapan kita soalan-soalan yang disampaikan kepada kita boleh dikatakan hampir sama, jadi sebab itu kita beri jawapan yang sama kepada semua pihak. Walau bagaimanapun, ekoran daripada jawapan yang telah saya berikan saya buat masa ini saya tidak dapat berikan angka-angka yang jelas dan tetap kepada Yang Berhormat.

Walaupun bagaimanapun, kita akan usaha perkara ini dan kita akan sampaikan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Walaupun bagaimanapun, secara amnya saya boleh katakan bahawa semalam pun juga kita telah bincangkan di mana terdapat murid-murid yang begitu lemah dalam mata pelajaran mereka dan inilah salah satu daripada faktor yang mengakibatkan mereka juga turut terlibat dalam hal-hal salah laku.

Sekali lagi saya tegaskan di dalam Dewan yang mulia ini, kita tidak mahu menggunakan istilah gangsterisme di sekolah, ini adalah tidak sama sekali menepati konsep yang kita bincangkan kerana pada pandangan kementerian bahawa gangsterisme ini tidak wujud sama sekali di sekolah, hanya apa yang wujud ialah salah laku murid-murid di sekolah. Gangsterisme dalam hal ini maksud kita ialah satu kumpulan geng di mana mereka adanya ritual-ritual yang tertentu dan boleh kita katakan ialah “sebagai kumpulan yang boleh dikatakan tetap”.

Dalam hal ini kita tidak ada dan juga salah laku ini termasuk macam-macam hal mengenai dengan salah laku, rambut panjang, tidak berpakaian kemas dan suka mengganggu kawan dan sebagainya, ini semuanya dilaporkan oleh pihak sekolah dan kita dari masa ke semasa tetap memantau keadaan ini supaya ia tidak di tahap yang tinggi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 61 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2000) 2000

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, “Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[26 Julai 2000]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Yang Berhormat Datuk Ghazi.

**11.07 pagi**

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bangun mengambil bahagian menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000) 2000.

Bismillahir-Rahmanir-Rahim. *[Membaca Surah Al-Insyirah – Ayat 5 hingga Ayat 8]* yang bermaksud: “Oleh itu tetapkanlah kepercayaanmu bahawa sesungguhnya setiap kesukaran disertai kemudahan, bahawa sesungguhnya setiap kesukaran disertai

*kemudahan. Kemudian apabila engkau telah selesai mengerjakan sesuatu pekerjaan maka bersusah payahlah mengerjakan yang lain dan kepada Tuhanmu sahaja hendaklah engkau bermohon.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya membaca ayat ini sebagai mukadimah perbahasan saya kerana saya telah mengikuti perbahasan yang telah diambil oleh rakan-rakan sahabat Dewan Negara dengan begitu baik sekali mengupas hujah demi hujah dan saya bercadang untuk cuba berikhtiar dengan penuh rendah diri untuk mengambil dari sudut yang agak lain sedikit, walaupun tajuk yang sama.

Umpamanya atas tajuk tragedi Sauk – 2 Julai 2000. Saya melihat perkara ini dalam bentuk soal imej dan persepsi. Imej dan persepsi yang berkait dengan keyakinan rakyat. Saya rasa sudah hampir 25 hari kita melihat, mengupas, membincang kes tragedi Sauk – 2 Julai, akhbar mengambil bahagian dengan hebat, media elektronik mengambil bahagian dengan hebat, perbahasan Dewan Rakyat mengambil bahagian dengan hebat, perbahasan Dewan Negara juga tidak kurang hebatnya, malah amat kagum sekali membuat hujah-hujah.

Pada saya, mungkin sampai masanya untuk kita melihat sejenak dalam bentuk yang lain. Kita telah mengatakan permasalahan ini kalau dilanjutkan nanti kebenarannya itu akan hilang fokus, ibarat kalau kita membakar dalam suasana masak panggang ikan, kalau *over*, kalau lebih, makanan yang dihajati hendak makan sedap pun akan menjadi tak dapat makan. Oleh kerana itu, mesej saya ialah kalau kita lanjutkan dalam bentuk ini mungkin hajat sebenarnya tak sampai.

Oleh kerana itu, apa yang saya ingin berkongsi pendapat dengan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, ialah mungkin sudah memadai perkara kita untuk menyatakan masalah, mungkin sekarang sampai masanya kita melihat dalam bentuk tindakan untuk menyelesaikan masalah, dalam bentuk untuk mendidik rakyat keseluruhannya, yang muda, yang tua, yang dewasa, supaya melihat kes ini sebagai satu kes yang boleh kita mengambil pengajaran. Apa kesimpulan kita tentang kes ini? Senaraikan lima, sepuluh, lima belas, dua puluh.

Kesimpulan itu boleh dijadikan sebagai pengalaman masa depan. Apa pula kalau kita memahami tentang permasalahan ini, jawapan kita tentang masa depan, umpamanya

ada ahli menyebut, kita patut menyenaraikan 80 organisasi yang mengajar ajaran sesat umpamanya, kita hendak tahu sebenarnya, senaraikan yang 80, berikan hujah di mana benarnya di mana salahnya.

Saya bersetuju benar dengan ini. Tetapi siapa pula yang menjadi badan yang akan menyelaraskan semua usaha ini. Dan kalau tidak, hanya hangat sekarang kemudian tidak akan dilaksanakan, kemudian kita akan menunggu satu kes yang lain, baharulah ianya akan diperhangat kemudian.

Oleh kerana itulah, bila berlaku tragedi Sauk pada saya, kita menempuh kesukaran tetapi hikmahnya ada. Hikmahnya ialah kita dapat membongkar segala kedudukan keadaan sebenarnya tentang pertubuhan-pertubuhan yang sesat ini dan kalau kita proaktif dengan memberi perancangan-perancangan yang ke arah untuk menyelesaikan masalah masa depan, jadikan yang telah berlaku ini sebagai landasan untuk kita membuat rancangan masa depan, pada saya masyarakat akan lebih memahami kes ini.

Maka di di sinilah kita meletakkan satu pentas untuk pelbagai bilangan masyarakat, kelompok-kelompok mengambil peranannya masing-masing. Seperti seorang *script writer*, penulis skrip, membuat skrip hanya kalau sudah didedahkan skrip perancangannya terpulung kepada peranan seniman dan seniwati untuk berlakon. Kalau badan NGO, apa peranan NGO; kalau badan kerajaan, apa peranan kerajaan; kalau badan pertubuhan politik, apa peranan pertubuhan politik. Dengan langkah proaktif begini kita dapat melihat keseluruhan masyarakat mengambil bahagian bersama-sama dengan kerajaan untuk menyelesaikan masalah. Dan bila masalah diperkatakan sekali dengan *solution*, dengan jawapan, pada saya ini lebih realistik, bukan setakat apa yang telah berlaku sekarang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu sebagai permulaan ya. Kita berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000) 2000. Itu saya peringatkan.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan sebab saya kata imej yang telah dibincangkan banyak, Tuan Yang di-Pertua, tentang kes Al-Ma'unah. Saya akan pergi kepada Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Di sini, saya rasa peranan akhbar dan media juga boleh mengambil peranan yang penting untuk mendidik seperti akhbar *Utusan Malaysia* - “penyebarkan fikiran rakyat”, *Berita Harian* – “ilmu dan maklumat” dan perkara-perkara ini boleh kita laksanakan apabila perkara-perkara ini diambil pendekatan cara itu. Malah akhirnya kita patut mengeluarkan bukan setakat Kertas Putih di peringkat Dewan Rakyat, malah untuk orang umum boleh dikeluarkan *booklet* yang khas, boleh dikeluarkan *CD-Rom*, *video tape*, kaset dan sebagainya tentang kes ini, baharulah kita dapat kesimpulan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Butiran B.42 – Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Ada di antara ahli Dewan telah menyebut tentang peruntukan yang kecil, saya bersetuju, cuma saya katakan keseluruhan nampaknya pendekatan kerajaan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini seolah-olah diberi taraf yang kedua status. Pada saya, mungkin pada masa pembentangan belanjawan yang akan datang mungkin kita mempunyai peluang untuk menukarkan imej Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini kepada satu tahap yang berimej yang lebih mustahak kerana sekarang ini seolah-olah inilah imej persepsinya, seolah-olah inilah kementerian yang paling tidak mustahak, sedangkan yang menaikkan nama Malaysia ialah kekuatan politiknya, ialah perpaduan masyarakatnya dan perpaduan masyarakat ini tergugat dengan kes AlMa’unah juga.

Jadi, cuba kita *relate*kan ini dan naikkan status dan peri mustahaknya kementerian ini pada saya, peluang ini boleh kita ambil dalam belanjawan yang akan datang dan saya harap pihak kementerian akan mengambil catatan tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bab B.49 – Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, saya ingin menyebut tentang projek *Internet* desa. Baik, saya ucap tahniah kepada pihak kementerian kerana menjalankan program ini. Tetapi setakat yang diumumkan dalam masa menjawab salah satu soalan, wakil dari kementerian yang berkenaan menyebut dalam lima, enam pusat *Internet* desa. Saya ingin mencadangkan oleh kerana kita ingin menyeimbangkan pendedahan *Internet* di bandar dan di desa, boleh kita perhebatkan dengan menggunakan kemudahan yang saya dapat tahu satu badan yang dinamakan World Trade, basenya di Geneva yang mempunyai peruntukan beratus-ratus juta ringgit untuk mewujudkan pusat *Internet* di merata-rata.

Malah saya tahu sekarang ini di negara India banyak beratus-ratus juta dibelanjakan bersama-sama dengan sokongan *private sector*, syarikat-syarikat antarabangsa untuk mewujudkan *Internet* desa di kawasan India dan kita boleh faham mengapa India aktif dalam hal ini kerana memang India terkenal dengan kawasan Banglorenya yang berbilion-bilion ringgit pendapatan yang telah pun didapati, diperolehi melalui teknologi ini.

Oleh kerana itu saya rasa pihak kementerian, pihak kerajaan patut juga mengambil pendekatan ini supaya boleh di'*accelerate*'kan dengan izin, penubuhan pusat-pusat *Internet* desa.

Keduanya, mengenai Mobile Internet Centres. Saya ucap tahniah kepada MIMOS kerana mewujudkan bas dengan kemudahan komputer dan telah membuat percubaan, saya difahamkan usaha yang baik ini telah pun mendatangkan hasil yang baik, alhamdulillah dan terima kasih.

Saya ingin lanjutkan usaha kejayaan MIMOS dengan cadangan mengatakan bahawa mungkin sampai masanya pihak kerajaan memberi cadangan kepada sektor swasta, kepada badan-badan keutamaan terutamanya badan-badan yang dipunyai oleh kerajaan seperti Petronas, Telekom, Tenaga Nasional dan juga *multinational company* yang lain supaya mewujudkan dua, tiga bas satu syarikat. Kalaulah satu syarikat besar mewujudkan lima bas *Internet* bergerak, boleh dilabelkan nama syarikat Petronas, Telekom dan sebagainya sekali gus yang mendedahkan kepada media bahawa mereka mengambil peranan dan memberi manfaat kepada masyarakat.

Saya rasa modelnya sudah ada, kejayaannya telah terbukti, kita perhebatkan dengan penglibatan syarikat-syarikat besar begini. Jadi, tidaklah hanya syarikat-syarikat membuat bantuan secara *stereotype* yang tradisi dengan memberi kemudahan biasiswa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menambah, mungkin .....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Ghazi kerana telah memberi terima kasih atas sumbangan MIMOS dalam desa *Internet*, tetapi Yang Berhormat mesti tahu juga, ini sebagai makluman kepada Yang Berhormat, kita juga di Kementerian Pendidikan telah usaha perkara ini dan

telah dilakukan dan sedang dijalankan oleh pihak Perpustakaan Negara dan ini sedang berjalan, ini sebagai makluman kepada Yang Berhormat, jadi berilah terima kasih juga kepada kementerian kami yang telah mengambil usaha yang pertama ini.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya terbaca yang itu, tetapi saya tak ingat bila saya bercakap tadi. Saya ucap terima kasih juga kepada Kementerian Pendidikan, Perpustakaan Negara dan badan-badan lain yang telah secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian menyumbang untuk membudayakan IT atau ICT.

Saya ingin menambah dari segi konsep bergerak ini, dalam *Internet* banyak kita bercakap tentang permainan yang kanak-kanak remaja ingin mengambil bahagian, dalam *Internet* terdapat banyak muzik dan hiburan. Dalam *Internet* terdapat banyak wayang gambar, cerita dan sebagainya. Di sinilah saluran yang boleh dijadikan sebagai satu bahan yang boleh kanak-kanak melihat dan menggunakan *Internet* dengan baik. Ini satu salurannya, ini seolah-olah kalau dijalankan dengan baik, seolah-olah kita mewujudkan panggung wayang bergerak dan *entertainment centre*, pusat hiburan yang bergerak melalui kaedah teknologi *Internet*, cuma yang mustahaknya ialah kawalannya dan pemantauannya supaya tidak disalahgunakan seperti biasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut tentang Tenaga Nasional Berhad. Perkaranya sedikit tetapi implikasinya besar yang saya nampak. Baru-baru ini saya terbaca dalam akhbar ada satu kes *high tension wire*, dengan izin, putus dan jatuh di tengah jalan mendatangkan bahaya. Satu hari saya balik dari KLIA dan saya cuba bilang berapa *high tension wire* dalam perjalanan hendak datang ke Kuala Lumpur, hampir tujuh atau lapan. Dan ada yang setengahnya terlalu amat rendah sehingga menakutkan.

Pada saya kalau kita fikir dengan kecanggihan KLIA, dengan tarikan untuk para pengunjung luar negara datang melawat untuk melancong, kalaulah ini dibiarkan takdirilah berlaku, akan musnah jatuh imej negara dan sepuluh tahun lagi baru hendak *recover* dari segi imej. Oleh kerana itu, benda ini kecil dan tidak begitu banyak, kalau kita hendak buat *safety net*, *wire netting* atau sebagainya, saya sebagai orang biasa cakap begitulah, mungkin Tenaga boleh bercakap tentang teknologi yang sebenarnya, untuk

mewujudkan keselamatan bukan hanya orang luar negara dan juga kita rakyat di Malaysia.

Bayangkan kalau rakyat Malaysia kena lima orang mati kerana kita dedah sahaja, *is a live wire*, dengan izin, pada saya ini amat mustahak kita perhatikan dan di banyak-banyak tempat lagi, saya hanya *quote* yang saya bilang betul, banyak lagi tempat di *highway* dan kawasan perumahan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada di sini. Keseluruhannya baik, terutama sekali yang akhir-akhir ini diumumkan tentang Sekolah Wawasan. Saya terpegun dengan Sekolah Wawasan, sebenarnya saya pun *miss out* dahulu, katanya ini sebagai tambahan sebelum hendak buat dengan konsep begitu dan begini. Cuma sedikit saya hendak komen, kalau dalam satu kawasan pentadbirannya berasingan, tiga jenis jurusan, pentadbiran asing, yang samanya ialah *facilities* sahaja. Saya agak curiga kerana kalau *management* pengurusan itu berpusat mungkin kekesanannya lebih. Ini hanya sekadar menegur, tetapi pada saya hajatnya baik dan ini perancangan masa depan – baik, bagus.

Mungkin saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian Pendidikan ialah tentang masalah masa kini sekarang. Universiti umpamanya, saya tahu Yang Berhormat datang dari universiti dan lama di universiti, faham benar dan saya juga menyedari bahawa bukan senang, tetapi kalau masalah itu besar, *challengenya* lebih hebat dan percubaannya mesti dibuat walaupun sedikit. Percubaan satu – lihat jawab, percubaan dua dan sebagainya.

Pada saya, pihak Kementerian Pendidikan mempunyai kebolehan dan keyakinan setakat saya tidak mengetahui apakah usaha-usahanya. Pada saya elok dicuba pada sesi yang akan datang umpamanya, walaupun dalam bentuk *trial*, percubaan. Percubaannya boleh dikontrolkan kerana percubaan satu – Universiti Malaya, percubaan dua – Universiti Teknologi, percubaan tiga - Universiti Utara. Semuanya bertukar dan kita kaji kesannya dan kita melihat bahawa kita memang proaktif menyelesaikan masalah. Sebab perpaduan negara terlalu amat mustahak. AFMa'unah menyebutkan ini, tragedi kes, ini kita hendak *refer case*. Cukup dah cerita ini! Apa yang kita hendak buat gunakan kes itu

dan *relatekan*, integrasikan isu-isu lain yang boleh dimanfaatkan bersama kerana keseluruhannya kita mesti melihat secara total, secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh tentang Kolej Komuniti – pun baik. Saya ucap tahniah kerana mewujudkan Kolej Komuniti kerana hajatnya baik. Cuma pada saya awal-awal, kalau tidak salah sayalah, saya ada akhbar menyebut, bila Menteri menyebut terus bercakap tentang kanak-kanak lemah dan tewas dan tidak lulus periksa. Pada saya ini imej, ini persepsi. Kalau konsep Kolej Komuniti itu baik hendaklah kita perkenalkan, *promotekan* itu dengan cara positif, tidak boleh awal-awal lagi bila sebut negatif. Negatif ini diletakkan blok minda kita dan kemudian bila kita blok minda kita cuba hendak hapuskan kekusutan itu. Jadi, mungkin ini tidak dijalankan secara sedari tetapi saya rasa bertanggungjawab untuk mengatakan ini sebab isunya baik, *dipromotekan* secara positif, *it is nothing wrong with it, it is just...*...maaf saya. Ini hanya sebagai satu alternatif, satu pendekatan. Ini jurusan buat begini, begini, pergi ke situ. Ini jurusan yang lain, kita berkehendakkan pemikiran, kemahiran, dunia berada asalkan ilmu tidak lagi hanya mengharapkan kertas sebagai lulusan umpamanya, dan sebagainya. Saya percaya Yang Berhormat sendiri boleh sambung bila saya sebut ini secara ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit juga ingatan tentang Kolej Komuniti, gunakanlah masalah pusat-pusat matrikulasi untuk manfaat. Saya tidak mahu kaji kes ini. Kes ini saya sendiri pun sudah pernah bincang dengan Yang Berhormat sendiri dahulu bila saya jemput Yang Berhormat untuk berinteraksi dalam tajuk ini kerana saya ingin memahami lebih tentang penempatan tempat, jenis bangunan, cara pentadbiran dan sebagainya. Saya cuma ingin ingatkan pusat komoditi, konsepnya baik, pendekatannya bagus, cubalah elak masalah-masalah pusat matrikulasi dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap pula tentang Universiti Multimedia. Saya juga ingin mengucapkan tahniah, saya ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada pengurusan Universiti Multimedia kerana baru-baru ini saya terbaca dalam akhbar, mereka telah mula menganjurkan satu kursus baru yang dinamakan pengurusan ilmu (*knowledge management*). Dalam Dewan ini saya pernah menyebut tentang perkara ini dan saya rasa sama ada secara *accident* atau tidak, sekurang-kurangnya saya rasa alhamdulillah, sekarang Universiti Multimedia kita yang baru dalam dunia ini dan

melambangkan simbol yang baik tentang kemajuan kita – *leadership role* kita dalam dunia IT atau ICT, Universiti Multimedia telah menjalankan program ini dan saya berharap program ini berpusatkan, bertapakkan Universiti Multimedia. Pihak Kementerian Pendidikan kalau dapat dimanfaatkan juga ke universiti-universiti yang lain dan juga ke kolej-kolej kerana inilah pokoknya pengajaran dan pendidikan. Kita *leverage*, dengan izin, atas kekuatan Universiti Multimedia supaya kita sama-sama bermanfaat sebagai warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang penyediaan sebagai seorang yang bermaklumat, pelajar yang mempunyai kebolehan ini, saya ingin memetik pemikiran oleh Alvin Toffler, seorang penulis yang agak terkenal dengan *future shopnya*, dengan *third wavenya* dan dengan *powershipnya*. Yang relevan di sini yang ingin saya sebut, dengan izin, *the third wave person – third wave* ini ke-ekonomi berteraskan ilmu, dipanggil *third wave* dia punya *style*. “*The third wave person is one way computer and media literate who could understand when they see something on television that has been manipulated who is sending a message to who*”. Pada saya ini satu ayat yang amat strategik. Yang kita hendak didik ialah minda ini. Ia boleh melihat kalau *news, television*, apa pun dia boleh memilih menggunakan minda, pilih antara baik dan buruk, antara kaca dan permata, antara intan dan baiduri dan sebagainya.

Pada saya Alvin Toffler amat tepat dan ini boleh dijadikan garis panduan dalam kita mewujudkan *knowledge personality* dalam masyarakat kita, malah telah pun disebut oleh Alvin Toffler sendiri. Saya amat tertarik bila kita bercakap tentang *illiterate, illiterate* ini buta huruf. Dalam dunia ekonomi baru ini zaman 21, kata Alvin Toffler yang saya amat tertarik, katanya, dengan izin, “*The real illiterate of the 21st. century won't be he or she who can't read or write...*”, bukan lagi kepada mereka yang tidak boleh menulis dan membaca, “*but he or she who cannot learn, unlearned and relearn*”. Ertinya mewujudkan suasana belajar sekali lagi, buang pelajaran lama dan terus membuka minda untuk *learning*, belajar *all the time*. Yang maksud kita, saya tahu Kementerian Pendidikan bercakap tentang *life long learning* dan sebagainya. Pada saya amat tepat sekali.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut tentang B.29 Kementerian Kewangan. Saya difahamkan Kementerian Kewangan menyediakan *master plan* tentang ekonomi minta ISIS buat. Saya harap *progressnya* baik sekarang dan kita harap perkara-perkara yang dikaji oleh ISIS ini akan dapat dimanfaatkan dalam Belanjawan tahun akan datang – 2001 kerana masyarakat menunggu tentang pengumuman k-ekonomi ini, masyarakat mesti melihat bahawa kajian dimanfaatkan melalui insentif galakan dan sebagainya yang boleh dirasai oleh golongan masyarakat, sama ada individu, keluarga, syarikat dan sebagainya. Malah saya ingin membuat cadangan di sini dalam masa kerajaan menggalakkan, membina rumah kos rendah, rumah kos sederhana dan rumah kos mewah patut dalam bidang ini pihak kementerian juga memberi galakan bersama-sama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya semua rumah baru akan dilengkapi sekali dengan PC dan kemudahan *Internet*. Jadi, bila kita bercakap tentang perancangan rumah *part and parcel*, macam dengan elektrik, air, gas dan sekarang PC dan kemudahan *Internet*. Pada saya ini melambangkan kesungguhan kita untuk masyarakat mengambil bahagian dalam k-ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebut tentang Jabatan Perdana Menteri tentang fokus kepada bab wanita. Saya ingat amat baik sekali peruntukan yang telah dibuat, fokus kepada IT, ibu tunggal pun baik, malah saya ingin masukkan isu yang telah diumumkan tentang fokus remaja di bawah umur 30 tahun. Kalau badan politik sedang mengambil usaha untuk memberi fokus kepada remaja wanita yang berumur kurang 30 tahun, saya rasa Jabatan Perdana Menteri mengikut bahagian-bahagian yang tertentu juga patut memberi fokus kepada golongan ini dan kalau sekiranya sekali gus menampakkan bahawa melalui badan NGO yang bawah 30 tahun selain daripada hanya badan politik mungkin tarikannya lebih dan ruang dan peluangnya banyak, ada pilihan. Kadang-kadang kalau mendadak terus hanya hendak menyekat, hendak menarik dari segi badan politik sahaja mungkin tidak kecapaian.

Akhir sekali yang saya hendak sebut, Tuan Yang di-Pertua, ialah gejala sosial. Banyak telah diperkatakan tetapi kita sedar di antara gejala sosial, unsur sumbernya ialah benda-benda teknologi yang kita galakan sendiri. Cabang televisyen, media elektronik umpamanya. Dahulu tiga, empat, lima *channel*, sekarang sudah hampir 30 *channels*.

Dahulu hanya pendedahan di antara sekian masa sampai lewat malam, sekarang hampir 24 jam. Kalau dalam masa semua ini terdedah dengan muzik, dengan hiburan, dengan dakyah songsang, dengan keganasan dan sebagainya, sebenarnya inilah untuk kita sedar, selain daripada media elektronik juga media cetak – majalahnya, akhbarnya dan sebagainya. Inilah sebenarnya sumber-sumber yang mewujudkan segala gejala sosial yang berlaku.

Soalnya apakah kita sebagai masyarakat, sebagai kerajaan atau badan-badan yang lain, ingin menangani perkara ini. Banyak diperkatakan tetapi jawapannya mungkin tidak begitu menyeluruh lagi. Kalau saya ambil contoh dalam bidang budaya dan seni, dalam bidang seni hiburan kerana pernah dikatakan oleh seorang penulis bahawa dunia sekarang, *business* sekarang *is entertainment business*. Saya berhadapan dengan Yang Berhormat Menteri Pertanian yang memang faham dengan dunia *entertainment*, dia boleh betulkan saya kalau salah, tetapi kita hendak senang dan hendak menghibur hati, i.e dia punya teknologi sekarang. Hendak senang sahaja, hendak beri senang, dia buat bagi susah sedikit bagi senang lagi, lagi susah, lagi senang lagi. Jadi, dalam keadaan begini, kalau kita biar, lagi senanglah sampai benda-benda negatif.

Yang saya hendak tanya soalan strategiknya, kita tahu benda ini hendak datang, *there is no choice*, kita tahu, malah kita juga *participant*, ahli untuk meningkatkan penggunaan teknologi tetapi dalam masa yang sama apa jawapannya. Mungkin sekadar untuk *share*, berkongsi pendapat, saya ingin menyebut sedikit, kalau tidak dikatakan “Oh, Datuk Ghazi bercakap, bercakap, bercakap, dia diam saja, jadi apa jawabnya?” Biasanya begitu tetapi insya-Allah, saya cuba juga memberi sedikit pandangan saya untuk pemikiran.

Saya teringat dalam awal tahun 1990 umpamanya, dalam Musabaqah Al-Quranul Karim yang dibuat di PWTC, ada satu persembahan ala *broadway* tetapi berlandaskan agama, berteraskan nasyid. Ini yang saya tertarik, umpamanya saya masih ingat di antara lagu nasyid yang dimainkan ialah “*Tola ‘albadrul ‘alaina*” hendak buat lagu pun boleh ini tetapi tidak payahlah, memadai sekadar menyebut bahawa saya boleh, kalau tidak percaya kita buat di luar. Yang tertariknya ialah pementasan ala *Brodway*, yang menjadi artisnya ialah bukan hanya orang yang biasa, yang tidak terkenal, yang bertudung, tetapi

orang personaliti terkenal seperti Syarifah Aini....siapa lagi yang saya ingat...Fauziah Latiff, kita kenal juga *star* ini sedikit-sedikit dan yang paling sensasi sekarang, *belief or not*, dengan izin, Ning Baizura. Saya ada video tape itu, jadi boleh *challenge* saya kalau tidak betul. Ning Baizura pun termasuk pakai tudung dan menyanyi bersama-sama dalam persembahan ala-*broadway* ini dan ada banyak lagu lagilah, saya hanya sebut “*Tola ‘albadrul ‘alaina*” sebab ada mesej.

Pada saya kalau itu boleh dipentaskan, dipersembahkan awal tahun 90, dalam persembahan penutup, kalau tidak salah saya, Musabaqah peringkat antarabangsa, orang luar negeri kagum melihat. Saya mendapat maklumat, kata, “Wah, hebat!”, inilah pokoknya. Pada saya gunakan ini sebagai *one model, model one*. Mari kita jemput segala bidang, para budaya dan para seni ahli muzik dan sebagainya. Minta sokongan media cetak, minta sokongan media elektronik – yang komersial lagi senang bercakap, yang tidak komersial susah sedikit bercakap – fahamlah itu kan, dan minta sokongan. Jadikan sebagai satu gagasan, mari kita wujudkan dalam Malaysia umpamanya *alternative international music and sound*. *Alternative*, bukan yang “Alternatif” yang satu lagi ini. *Music and sound* pun nak ada alternatif – termasuk satu gagasan persembahan.

Kalau kita jadikan ini sebagai satu usaha kreativiti sebenarnya, pada saya adalah satu yang manfaat. Betul pakej satu tidak begitu elok, kita *improved*, pakej tiga tidak elok kita *improved*, kita dengar kritik-kritik sebab pakarnya banyak. Kalau setakat bacaan saya dalam bidang budaya dan seni ini, dia punya persatuan sahaja hampir 20 tetapi bertelagah tentang isu yang *non-strategic*, dengan izin, saya tidak mahulah sebut.....

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat ini saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat, apakah pandangan Yang Berhormat terhadap usaha untuk memecahkan suatu budaya, tradisi dan yang sudah konvensional kepada rakyat Malaysia untuk melihat *Berita* televisyen pada jam 8.00 malam tetapi telah cuba dipecahkan untuk mengalirkan pandangan orang ramai, bukan kepada maklumat tetapi kepada suatu hiburan yang bermatlamat untuk menjadi ‘*millionaire*’. Itu adalah merosakkan budaya, merosakkan tradisi, merosakkan suatu kesatuan rakyat dalam mendapatkan *information* pada jam 8.00 malam pada setiap malam. Apakah ini tidak

satu usaha yang merbahaya, yang akan menghancurkan satu budaya yang telah kita tegaskan dari awal?

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Zainudin. Tuan Yang di-Pertua, saya secara spontan, saya bukan seorang Menteri yang pandai menjawab, cuma saya ikhtiar hendak jawab sebab Yang Berhormat Datuk Zainudin tanya. Saya melihat ini agak dalam bentuk yang lain, mungkin, saya tidak tahulah ya, mungkin ada baiknya juga diadakan *Berita* pada pukul 7.30 atau pada masa yang lain kerana pukul 8.00 itu *traffic jammed* semua orang hendak tengok, semua pukul 8.00. Mari kita lihat dari sudut itu. Jadi, kalau tercungap-cungap, ini hendak tengok, ini hendak tengok, tetapi kalau masa lain sempat juga saya dengar kemudian. Kalau tidak, semua kena buat rakaman sebab pendekatan *Berita* ini lain-lain tekanannya. Jadi, saya melihat agak berlainan, secara positif tetapi yang diganti dengan *millionaire* itu tidak apalah, itu dia punya *commercial element* tetapi yang baiknya saya melihat. Itu jawapan saya Datuk Zainudin, mungkin.....ya...

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau saya katakan gambar-gambar tayangan Hindustan hari ini mempersonakan dan gambar-gambar Cina yang melalaikan boleh membuang masa dan menjadikan anak-anak kita di bangku sekolah dengan di hadapan mereka PMR, SPM dan STPM terbuang bagi prestasi peningkatan pendidikan dengan kelalaian ini. Terima kasih.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan Yang Berhormat tadi. Saya bersetuju – lalai, mengasyikkan tetapi saya juga ingin realistik di sini bahawa kalau tidak ada pilihan lain, itu sahaja yang didedahkan, dihiburkan, hiburan kita kena tengok. Saya pun tengok filem Hindustan. ShahRukh Khan saya pun fan juga, apa ini lagu..... tak apa...tidak ingat. Untuk dalam kursus saya belajar tentang budaya seni dan saya pernah pergi Bollywood, saya pernah tengok umpamanya dalam Bollywood enam shooting yang spontan, umpamanya. Ini pelajaran saya, saya belajar diri sendiri untuk memahami dunia ini dan pada saya soalan Yang Berhormat walaupun betul tetapi oleh kerana tidak ada pilihan menguatkan lagi bahawa sebab tidak ada pilihan dia tengok yang itu tetapi di samping itu saya hendak sebut juga, tidaklah semua filem

Hindustan ini tidak baik, sebab ada juga yang mempunyai nilai-nilai pendidikan yang baik. Saya masih ingat kalau dahulu masa muda – Datuk Zainudin senyum – kita ada Panggung Royal dan Panggung Empire di Alor Setar, kalau masa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan ini pun dari situ. Saya masih ingat bila kita tengok punya khusuk filem Hindustan...[Mengajukkan beberapa dialog dan aksi dalam filem Hindustan] ‘Hei....Oh, My Lord....’ Ha, macam itu. Dia punya sedap bercakap macam bersyarah dalam *court* seolah-olah kita faham dan kita baca pun bukan main cepat sebab emosinya tertarik dengan kita, realiti persembahan dia itu macam kita dengar ayat dia sebut dalam bahasa Melayu. Ini pengalaman saya sendirilah dan Datuk Zainudin pun mengangguk dengan saya. Kita sama sezaman nampak dia bersetuju.

Jadi, maksud saya ada baiknya juga kalau *court case*, nilai tentang berhujah, rasional dan sebagainya ada baik dan pada saya keseluruhannya nampak selain daripada yang lawan-lawan sedikit adegan, ada juga adegan nilai cinta. Saya nampak, saya pun studi juga ini gambar Hindustan – banyak berkisar cinta. Cinta ini baik, Tuan Yang di-Pertua. Memang disuruh cinta di antara makhluk insan dan saya boleh panjang ceritalah tetapi memadai setakat itu. Cuma, setakat mana yang dibawa. Kalau sudah kita mempunyai pendidikan baik, pendidikan agama yang hendak dikuatkan dalam dada sendiri, sekurang-kurangnya bila didedahkan dengan wayang ada seriusnya, ada lawannya sedikit, ada cintanya, ada ilmiahnya sedikit, jadi kita pilihlah, yang itu kita tolaklah sebelah. Ini dia pada saya pendedahan yang realiti yang mesti kita melihat.

Oleh kerana itulah saya cukup menekan berkali-kali dalam angle dan bentuk yang lain, ilmu! “*Iqra’ bismirabbikal lazi khalaq*” – ilmu, Tuhan sudah cakap, baca, baca, ‘*Iqra*’. Tuntutlah ilmu sampai ke negeri China dan sebagainya. Ini semua saya sudah bercakap dahulu, jadi ini pokok pangkalnya. Kementerian Pendidikan bukan sahaja dia yang bertanggungjawab, cuma dia jadi *manager, manage!* Dia jadi macam integrasi yang lain dan mewujudkan suasana yang baik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyoal tadi menunjukkan yang mereka prihatin dan memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan pendapat tadi.

Alternatif yang saya sebut, kalau dijadikan satu projek sebenarnya menjadi satu daya tarik untuk ahli kreatif kita memikir. Dia bila tidak *challenge* mana kita tahu, dia kena beri *challenge*. *Okay, you come out*. Baru kita tahu, dan saya amat berminat dalam hal ini...., dalam hal ini pada saya macam saya sebut unit IT bergerak tadilah. Kalau satu projek gagasan baik untuk negara, berilah kementerian mana atas dapat *mileage* kerajaan yang memelopori ini dan dapatkan sokongan syarikat-syarikat yang berjaya. Saya baru-baru ini hadir dalam majlis makan malam sempena ulang tahun ke 25 Syarikat Sapura yang begitu berjaya, syarikat kepunyaan bumiputera dan dia menghulurkan bantuan sebanyak RM2 juta untuk mewujudkan *chair*, Kerusi dari segi pendidikan IT dalam UiTM, maka terbayang oleh saya kalaulah projek yang saya sebutkan ini kita bercakap dengan Sapura umpamanya, ia ada sedikit dia punya bentuk kemelayuannya, seninya dan budayanya mungkin mereka boleh sokong.

Apakah Petronas tidak boleh membelanjakan sebahagian kecil daripada untung berbilion itu untuk satu pendekatan baru yang sebenarnya memberi produk kepada *e-village*, ini baru teringat, tadi tidak terkeluar. Sebenarnya produk kepada *e-village*. Saya pernah bercakap tentang *e-village* ini tetapi sekarang *angle* saya selain daripada menyediakan studio yang hendak siap dalam bulan September selaras dengan mesyuarat IAP (International Advisory Panel) pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, projek yang saya sebut ini boleh menjadikan satu produk yang boleh diketengahkan dalam *e-village*. Bayangkan kalau keseluruhannya kita mewujudkan macam dengan budaya baru. Kalau dahulu kita tengok sejarah tarian *twist*, tetapi dia datang mendadak, semua ambil *twist* kemudian R&B, ada R&B. Kenapa tidak dalam Melayunya, Islamnya, tadi saya sebut *alternative international music and sound* tetapi boleh juga disebut *alternative islamic music and sound*, kalau hendak *Islamic* pun boleh, saya perhati Yang Berhormat Haji Hassan saya nampak *Islamic*.

Jadi 'I' ini boleh, tetapi kalau ia universal, ia tidak mengapa, berbilang kaum, berbilang agama semua boleh terima. Oleh kerana itulah, bila budaya Barat datang pakai *jeans* pun dia berani pakai. Kalau *faded color* pun dia *fade*, dia *produced* bagi *fade color*, punya kebolehan komersial dan dikoyak-rabak sedikit. Ini kita tahu, saya hendak katakan

itu lebih hebat, yang saya sebut ini lebih hebat daripada jeans yang koyak rabak dan sebagainya.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengganggu Datuk Ghazi ini sebab kami ini se kampung. Bagaimana pandangan Datuk Ghazi bila melihat seorang gadis ceria dengan tudung dengan seorang gadis yang 'robek-rebak' dengan *jeansnya* dari segi penilaian, pandangan Datuk Ghazi. Terima kasih.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan berat. Saya cukup susah hendak jawab di khalayak yang ramai ini. Saya rasa kita bolehlah beredar di Dewan yang sebelah ini untuk menjawab secara terperinci sebab saya teringat nama Ning Baizura. Ning Baizura diinterview oleh sebuah akhbar ditanya tentang fantasinya dan kemudian fantasinya itu dijadikan sebagai satu bahan, ini pun media bawa-bawa cerita.

Jadi, ini saya tidak mahu cerita di Dewanlah tetapi ada kaitannya, sebab kalau saya jawab yang itu dia boleh masuk dalam bidang-bidang yang lain. Tetapi pada sayalah secara kasarnya - macam mana hendak jawab, hendak cuba jawab juga, saya ingat saya tidak payah jawablah [*Disampuk*] Baiklah, secara *knowledge* kena jawab - Yang Berhormat ini minta saya jawab juga. Kalau di antara yang ini dan ini, saya kata yang ini, pemahaman dia mengikut pendidikan yang dia terdedah, yang ini dia masih belum sampai kepada tahap pendidikan yang dia boleh berubah, yang dia boleh berhijrah, *a case in point* dengan izin, Ogy Ahmad Daud. Fauziah Ahmad Daud mempunyai sejarahnya yang tersendiri, saya tidak payah huraikan sejarahnya, Sampai pada masa dan ketika dia mengalami satu *experience*, satu pengalaman dan dia mengatakan saya sekarang sampai masa untuk berhijrah. Insyallah setiap individu yang saya lihat berjeans dan berpakaian seperti ini hanya menunggu masa dan pendidikan, saat dan ketika untuk dia berhijrah, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** [*Bangun*]

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Ha, ada lagi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan sahaja daripada Yang Berhormat. Pihak kerajaan telah pun melakukan perkara-perkara untuk membina masyarakat. Segala-galanya boleh kita katakan untuk

menerap nilai-nilai baik di kalangan masyarakat dan pada perkiraan kita, kita tidak mengambil kira tentang soal-soal untuk dijadikan propaganda politik. Tetapi masih ada di dalam masyarakat kita, ada parti-parti tertentu yang cuba kadangkala tidak mahu mengiktiraf ini semua. Seolah-olah apa datangnya daripada kerajaan pimpinan Barisan Nasional semuanya tidak baik. Macam tadi, program-program yang telah diadakan di dalam televisyen boleh dikatakan ada bahagian-bahagian yang kita rasa kalau kita hendak tengok, kita tengok, kalau kita tidak hendak tengok, kita tidak tengok. Begitu juga saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Datuk Zam semalam, soalnya kalau iman kita itu kuat, kita tidak peduli apa sahaja datang, kita dapat pertahankan. Ini soal moral dan *immoral*, itu soalnya.

Jadi, dalam hal ini, kita dari segi Kementerian Pendidikan telah memperkenalkan bermacam-macam kaedah dan teknik serta juga teknologi-teknologi yang bersesuaian pada masa ini. Misalnya dari segi teknologi maklumat boleh kita katakan ialah untuk kebaikan bersama. Tetapi ada pihak-pihak menyalahgunakan teknologi tadi, misalnya menyebarkan segala macam fitnah, menyebarkan untuk membencikan pihak-pihak tertentu, ini dilakukan oleh pihak-pihak tertentu daripada sebuah parti. Ini persoalan kita. Kadangkala yang memalukan kita itu ialah sebuah parti Islam namanya. Itu yang memalukan kita.

Jadi, apa pandangan Yang Berhormat sekarang kita buat benda-benda yang baik mengapa tidak kita semua pihak tidak kisahlah PASKah, DAPkah harus menyokong seperti mana apa yang disarankan oleh Yang Berhormat, kita amat bersetuju dan semua pihak harus beri sokongan. Kalau ini dikira baik, tetapi memang kita boleh terima segala macam kritikan tetapi kritikan itu tidak disusuli dengan apa macam cadangan. Ini masalah sesetengah kumpulan parti-parti politik dalam negara kita.

Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat, bagaimanakah kita hendak buat sekarang apabila ada kumpulan yang mahu mempolitikkan keadaan sehingga melupakan segala tanggungjawabnya untuk membina generasi kita pada masa yang akan datang.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba menjawab beginilah, dalam suasana politik ada yang dalam kerajaan, ada pembangkang.

Kerja pembangkang memang itulah kerja dia. Jadi, oleh kerana itu kita ambil iktibar, ambil nota tentang *attack* dia kepada kita, tetapi macam dengan Al-Ma'unah tadilah. Jangan *over* hanya ambil iktibar tetapi kita katakan apa program kita untuk yang proaktif untuk umpamanya program kalau dia program benci pemimpin apa pula program untuk menunjukkan kesyukuran terhadap perbuatan yang baik. Program untuk berterima kasih kepada ini, program nilai-nilai murni umpamanya dijadikan gagasan. Saya pernah cakap lapan nilai murni dalam budaya murni dan bersih umpamanya, itu berlandaskan Islam.

Jadi, dalam kita mengupas dan membuat program, pelbagai media, *multi focal attack* dalam satu-satu tajuk, sambil itu boleh kita tunjuk, ini parti pembangkang buat. Jadi, pada saya, saya ambil pendekatan yang begitu kerana kita telah *make our point*, kalau dalam law dia kata, *I rest my case*, dengan izin,.....

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita sedang membincangkan masalah akademik dalam pengisian kejiwaan sebagai *platform* dan taman semaian kita kepada generasi muda tetapi dicelahkan merasai pembangkang sentiasa membangkang. Saya tidak boleh menerima dengan ayat pembangkang sentiasa membangkang kerana kami dianggap pembangkang tetapi sebenarnya kami membawa mesej risalah Allah Ilahi iaitu [*Yakmuru nabilmakruf wayan hauna anil mungkar*] menjadi pokok dasar manusia hidup dalam dunia ini dianjurkan supaya manusia insan dibina menjadi insan yang mengerti, memahami diri mengenal Allah dan mengenal persekitaran.

Jadi, itulah dasar perjuangan kami untuk mengajak dan memanggil manusia tidak kira bangsa, tidak kira kaum di mana tempat kita pun, bumi kita pijak hendak panggil manusia balik kepada makruf dan kalau ada kemungkaran yang tidak menyenangkan kita hendak basmikan. Sebab itu kami tidak terlibat dengan Al-Ma'unah. Minta maaf. Terima kasih.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih banyak kepada rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia ini kerana mengambil bahagian semasa saya membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya mendapat manfaat juga daripada soalan-soalan itu.

Saya ingin akhiri tentang bab budaya dan seni yang saya pertahankan ini, yang saya cuba berkongsi pendapat ini dengan petikan daripada seorang pemikir Islam yang terkenal Profesor Dr. Yusof Al-Qardhawi yang bercakap tentang ciri-ciri unggul masyarakat Islam yang kita idamkan dalam bukunya. Katanya begini, saya ingin simpulkan perbahasan saya, kata Profesor Dr. Yusof, “Jikalau riadah itu menjadi santapan jasmani, ibadah.” Kita prihatin juga dengan rakan Dewan yang ingin masuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya ulang balikkah, “Jikalau riadah itu menjadi santapan jasmani, ibadah menjadi santapan rohani, ilmu menjadi santapan akal maka seni dan budaya pula menjadi santapan perasaan”. Sebenarnya seni yang kita maksudkan ialah seni yang mengangkat martabat manusia bukan yang menjatuhkannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekalian berusaha untuk mengisi perasaan insan...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** [*Bangun*]

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Hendak *ending* tidak boleh juga, tidak apalah.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, tadi apa pandangan Yang Berhormat. Jadi, tadi ada Yang Berhormat mengatakan bahawa parti PAS ini dapat mesej daripada Allah untuk menyebarkan segala kebaikan. Apakah kita dalam UMNO juga tidak menyebarkan kebaikan? Apakah tidak Al-Quran itu menjadi panduan kita ataupun dalam bahasa Inggerisnya, *guidance*, dari segi apa yang kita lakukan? Tetapi kita lebih praktikal. Soalnya bukan kita *berrhetorical* sahaja, kita mahu praktikal sebab itu segala nilai-nilai baik iaitu untuk membangun masyarakat dapat kita lakukan kerana untuk mewujudkan kestabilan politik adalah sebagai untuk memperkukuhkan kerajaan untuk mentadbir.

Tetapi adalah tidak baik kalau mengatakan seolah-olah parti PAS sahaja yang melaksanakan segala apa yang dikatakan Islam. Apakah segala apa yang kita lakukan ini tidak berasaskan kepada Islam? Islam ialah kepada soal-soal nilai-nilai baik. Segala apa sahaja nilai-nilai baik. Bagi orang yang melakukan kemungkaran, itu jangan katakan kita yang bertanggungjawab. Siapa-siapa sahaja mereka itu melakukan perkara-perkara seperti Al-Ma'unah misalnya. Apa yang disebutkan oleh kita ialah boleh dikatakan, laporan yang kita dapat – ahli-ahli Al-Ma'unah itu adalah terdiri daripada ahli-ahli PAS.

Kita tidak sebut pun kata PAS merancang. Kita tidak pernah sebut tetapi kita kata ahli-ahli Al-Ma'unah itu daripada ahli-ahli PAS dan juga untuk menyertai Al-Ma'unah terdapat *advertisementnya* dalam *Harakah*. Jadi, ini yang memeningkan kita. Satu, katakan kita ikut ajaran Allah. Mana satu ajaran yang membenarkan kita membunuh manusia yang lain walaupun tidak seagama dengan kita? Apa hak kita untuk mengambil nyawa orang lain yang tidak berdosa, walaupun dia bukan Islam? Apakah ini ajaran Islam? Ini yang membimbangkan kita apabila tadi Yang Berhormat bercakap bahawa kita ini seolah-olah *overdo*. Bagi saya bukan *overdo*.

Kita harus mengingatkan masyarakat dari masa ke semasa. Macam juga, ingatkah Yang Berhormat pada masa zaman darurat dahulu? Bagaimana kita pada masa itu berhadapan dengan komunisme laknat ini? Bagaimana komunisme itu menyerap di kalangan masyarakat, walaupun mereka tidak berdosa – menyerap di merata-rata tempat. Kadang kala bukan disebut komunisme, menggunakan sosialisme. Dan hari ini ada pula yang hak Islam boleh berkawan dengan geng sosialisme. Boleh pula, itu yang memeningkan kepala kita. Dahulu tidak boleh. Malah UMNO ini dia kata kafir. Tetapi bagaimana pula yang sekarang ini kita bukan itu sudah, kita belajar pula Islam, ada pula boleh bergaul dengan sosialisme. Pening kepala kita untuk memikirkannya.

Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat. Apa yang saya katakan, apakah tadi ada Yang Berhormat menyebut seolah-olah PAS sahajalah yang mendukung cita-cita Islam? Apakah kami juga dalam UMNO ini tidak mendukung cita-cita Islam? Apa yang kita buat, yang kita bangunkan negara kita hari ini daripada tidak ada apa jadi sesuatu. Dari dahulu orang tidak kenal Malaysia, hari ini orang kenal Malaysia. Dari dahulu orang tengok orang Melayu, orang yang paling daif, orang yang paling rendah sekali dalam dunia ini. Hari ini bagaimana kedudukan orang Melayu? Malah orang Melayu yang beragama Islam, bagaimanakah kedudukannya di dalam negara-negara Islam? Apakah ini tidak *Islamic*, apa yang kita buat?

Jadi, bagi orang yang hendak melakukan kemungkaran, tetap melakukan kemungkaran. Apakah itu hendak dipertanggungjawabkan kepada kami? Kalau orang hendak minum arakkah, orang hendak buat apakah, memang kita sudah ada peraturan. Kalau orang hendak merasuahkah, kalau kita lapor orang itu rasuah, laporlah. Ini tidak,

pelik betul. Kadang-kadang ada yang hak kemungkaran pun, ada pihak-pihak yang menyokong. Yang ini kita tidak faham. Kita betul-betul tidak faham. Jadi, saya minta penjelasan Yang Berhormat, apakah sekarang ini apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan, apakah yang dilakukan oleh UMNO, tidakkah ia dianggap Islamic? Terima kasih.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, hujah-hujah dan huraian Yang Berhormat tadi amat tepat dan sepatutnya diberi begitu, saya tidak payah mengulang, sekadar menyimpulkan bahawa memang segala amalan kita sejak kerajaan memperkenalkan penerapan nilai Islam dalam awal tahun 1980-an, kalau tidak silap saya, amat betul-betul berlandaskan Islam. Cuma apabila kita mengamalkan begitu, mungkin kekurangannya ialah kita tidak *publicize*kan sekuat mungkin sehingga terlekat di dalam kepala bahawa kita ini memang berlandaskan Islam.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** [*Bangun*]

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Jadi, promosi kita, *advertising* kita, dengan izin, mungkin tidak sekuat. Kita mesti mengakui kerana walaupun pihak parti pembangkang hanya memainkan lagu yang sama, berulang kali dalam bentuk yang lain tetapi mereka masih dapat jual, sedangkan kita, penerapan nilai Islam yang begitu hebat, banyak bukti yang kita buat memang berlaku berlandaskan Islam. Cuma *packaging* kita mungkin tidak sebaik. Promosi kita mungkin tidak sehebat. *Advertising* kita mungkin tidak begitu efektif. Kalau ini kita akui, hakikatnya ada, cuma yang kekurangan itu kita anggap sebagai kelemahan dan sekarang di antara jawapan.....

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Saya hendak *ending, landing* ini sudah lama sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi tidak apalah, saya suka juga ini.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya tertarik dengan perbincangan Dewan kita yang semakin panas dengan suasana Islam yang kita tertarik sangat. Jadi, apa yang kita hendak menarik perhatian Dewan yang mulia pada pagi ini ialah sebagaimana kita semua tahu, kita sebagai seorang Islam, kita berpegang kepada Al-Quran dan sunnah dan dalam hadis Rasulullah S.A.W bersabda, saya bacakan maksudnya, “Barangsiapa yang melihat kemungkaran, maka hendaklah

dicegah dengan kuasanya, dengan tangannya. Jika dia tidak kuasa, hendaklah dicegah dengan mulutnya dan jika dia tidak kuasa, dia cegah dengan hatinya”.

Persoalan di depan kita sekarang, bukan masalah kita melihat kemungkaran orang yang buat, kita tidak buat, bukan masalah. Sekarang kita yang menjadi kerajaan, orang yang menjadi kerajaan bertanggungjawab terhadap rakyat yang dipimpinnya. Sebab itulah Allah S.W.T berfirman dalam Al-Quran, Bismillahir Rahmanir Rahim, dengan izin [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Ini tanggungjawab setiap pemimpin akan disoal sebab kita semua sedar, kita bukan hidup di dunia, kita akan berdepan dengan Allah di akhirat.

Jadi, mesej yang kita hendak bawa, walaupun kita selalu dituduh selalu membangkang, bukan kita membangkang kebaikan. Segala kebaikan yang dibuat oleh pihak kerajaan, kita terima. Apa yang kita tentang ialah bagaimana kemungkaran itu tidak dicegah dengan kuasa yang ada pada kerajaan, kenapa tidak menggunakan kuasa itu mencegah segala kemungkaran yang menyebabkan kita lihat masyarakat kita semakin parah. Kita telah merdeka berapa puluh tahun? Lebih 40 tahun kita merdeka. Sepatutnya kita telah beres dari segi mentarbiahkan rakyat kita tetapi semakin lama kita merdeka, kita lihat apa jadi pada bangsa kita? Berapa ribu umat Melayu telah masuk Kristian? Ini bukan yang kita hendak melihat suatu perkara yang sempit tetapi Islam itu suatu perkara yang baik.

Sebab itulah kalau kita kembali kepada Islam, kita tidak akan timbul masalah pening kepala sebab kita tengok dalam Daulah Islamiah yang telah ditegakkan oleh Rasulullah S.A.W di Madinah, bagaimana lebih daripada 12 kaum etnik, bukan bangsa – bangsa Arab itu sahaja, pelbagai kumpulan yang terdapat disatukan di bawah Daulah Islamiah yang dibawah pemerintahan Rasulullah S.A.W di Madinah. Ini yang kita hendak tegaskan, hendak bawa kepada Islam bahawa Islam itu turun untuk seluruh manusia. Allah S.W.T turunkan Islam ini bukan untuk bangsa Melayu sahaja, semua manusia.

Inilah yang kita hendak tegaskan dan kita harap supaya kita semua dapat memahami perkara ini dengan sejelas-jelasnya. Jangan kita nampak perkara ini satu perkara yang negatif. Wallahu’alam.

**To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad:** *[Bangun]*

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua....

**To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad:** Saya rasa satu perkara saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat. Sejak PAS memerintah di Kelantan, berapa banyak kemungkaran yang diperkatakan, yang telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional sejak 50 tahun ini, dapat diperbetulkan dan apakah jenis-jenis yang Yang Berhormat sebutkan tadi kemungkaran yang telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional hari ini, saya kira 80%, 70% adalah perkara '*yak muru nabilmakruf wayan hauna anil munkar*'.

Buktinya ialah tumbuhnya pusat-pusat pengajian tinggi, pusat-pusat dakwah dan berbagai-bagai dakwah lagi dan salah satu yang saya rasa amat *Islamic* ialah sedarkah puan, sedarkah Ahli Dewan bahawasanya, Tuan Yang di-Pertua, kita dahulu satu bangsa yang hina, satu bangsa yang menjadi abdi kepada British, kepada penjajah, kafir laknatullah. Hari ini, siapakah yang memerdekakan kita dan dengan kemerdekaan dan kebebasan ini, kita telah mencorakkan negara kita ini ke arah satu bangsa yang bermaruah dan bermoral tetapi kita mesti ingat, ini dunia.

Rasulullah pernah mengingatkan kita bahawasanya hamba-hamba ku ini, aku bimbang kepada dua perkara iaitu mengikut hawa nafsu dan bercita-cita untuk hidup lama. Apabila berpegang kepada hawa nafsu, beraja kepada hawa nafsu, maka berlakulah gila kuasa, gila pangkat dan butalah hati dan matanya, tidak nampak benda-benda yang baik. Ingat, kita manusia sampai bila kita hendak bertekak ini sehingga Allah turunkan *[Membaca beberapa potong ayat Al-Quran]*. Sehingga Allah goncangkan langit dan bumi dan mengeluarkan isi yang ada dalam bumi ini, maka manusia berkata, "Apa ini, Allah?".

Hari ini kita nikmatilah apa yang disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional ini, walaupun saya kata tidak 100% tetapi 60%, 70% lebih baik daripada kita menjadi bangsa yang hina yang diperintah oleh penjajah British dahulu. Syukurlah puan-puan, syukurlah Ahli-ahli Dewan yang ada dalam Dewan ini bahawasanya sudahlah kita bertengkar, sudahlah kita bertikam lidah sehingga memporak-perandakan bangsa kita, agama kita dan memalukan bangsa kita dan agama kita. Kita ini manusia. Malu kepada anak cucu kita. Kalau hendak kira iman, orang PAS, orang UMNO, sama-sama bertaburan imannya

melainkan sesiapa yang istiqamah dengan Allah s.w.t, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Maka ini sahaja.

Kita cuba perbetul mana yang kita dapat perbetulkan dan kerajaan hari ini saya fikir, bukan lalai daripada memperbetulkan keadaan ini tetapi banyak “duri dalam daging”, banyak racun yang ditabur oleh orang-orang kita juga. Ini yang terjadi dan berlaku perkara-perkara ini. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung sedikit sahaja. Saya teringat kepada satu kisah. Saidina Ali R.A pernah disoal oleh satu puak. Katanya, ”Wahai Saidina Ali R.A, mengapakah zaman kamu ini agaknya huru-hara sedikit dan zaman Rasulullah begitu baik dan tenang?” Saidina Ali R.A menjawab, kata dia, “Zaman Rasulullah, Abu Bakar, Omar, Osman dan aku membantu Rasulullah tetapi zaman aku yang ada orang-orang seperti kau, mana tidak huru-hara?” Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato’ Haji Azmi bin Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu ini boleh saya minta penjelasankah atau bagi ucapan tetapi saya dengar wakil Yang Berhormat dari, minta maaf, nama tidak dapat.

Saya tertarik apa yang disebutkan tadi mengenai tanggungjawab kerajaan. Kita juga orang Islam. Kita tahu ayat-ayatnya. Antara hadisnya [*Mmembaca sepotong Hadis*] yang bermaksud, “Kefakiran membawa kepada kekufuran”. Kalau miskin membawa orang itu menjadi kufur, berapa juta orang sudah terkufur yang datang daripada Indonesia sebagai pendatang haram – ada yang bekerja di ladang babi dan yang mati pun ada. Kita tidak tahu, sudah mati baru kita tahu.

Di Kelantan, ada pemimpin mengatakan miskin itu takdir. Miskin di dunia tidak apa, kita kaya di akhirat. Inikah tanggungjawab kita sebagai ummah? Ini yang kita perjuangkan sejak selepas kita merdeka – 50% lebih dalam masyarakat kita miskin. Hari ini tinggal 6.8% yang miskin. Tetapi kalau kita lihat pula di sebuah negeri yang telah diperintah 10 tahun oleh PAS, saya pergi tengok, tidak ada bezanya manusia dengan Islam, caranya..., banyak lagi yang kaki main judi. Negeri saya tidak ada orang bersabung ayam, orang Kelantan banyak bersabung ayam, pergi seberang Siam. [*Tepuk*]

Banyak yang mungkar. Tetapi apakah kita patut melihat bandingan dahulu dengan sekarang. Bukan sekarang dengan sekarang. Sekarang dengan sekarang kita tidak boleh hendak banding.

Di manakah negara Islam yang lebih kuat? Saya ingin memaklumkan bukalah *Asiaweek*, *Asiaweek* minggu ini. Selain daripada kita menjadi negara yang 15 terbesar peniaga dunia saya terbaca di ruang *reservednya*, *reserved* bermakna simpanan negara. Kalau kita banding dua orang, seorang naik basikal seorang naik Mercedes – di Pulau Pinang orang yang naik basikal ada yang jutawan. Banyak juga yang Mercedes yang pinjam duit banyak di bank tidak ada simpanan. Jadi kekayaan seseorang itu dinilai dengan hartanya sama ada wang atau harta, rumah dan tanahnya dan sebagainya. Tahukah Yang Berhormat dalam *Asiaweek* hari ini bacalah *reservednya*. *Reserved* kita lebih besar daripada Britain. *Reserved* kita lebih besar daripada Itali. *Reserved* kita lebih besar daripada Kanada. *Reserved* kita lebih besar daripada Mexico dengan Australia dan sebagainya. Tidak ada negara Islam lain yang besar *reserved*. Sebab itu kita boleh membeli Lotus ke mari. Sebab itu kita binalah bangunan bercakar langit, Putrajaya kita buat walaupun kita belanja besar tetapi *reserved* masih besar.

Bermaknanya pengurusan kita, kita mengeluarkan masyarakat daripada kemiskinan. Yang saya tahu menegur kepada yang makruf, menegak yang makruf menentang yang mungkar. Kita pun tahu – [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]- saya tidak payah terjemah. Kak Wan ya. Saya bukan orang Arab. Ulama pun bukan. Tetapi saya hendak beritahu dalam itu terjemahlah – “*Hendaklah ada di antara kamu yang menegur kepada kebaikan, menegak yang makruf menentang yang mungkar*”. Tetapi lima ayat sebelum itu dalam surah yang sama [*Membacakan sepotong ayat al-Quran*] – “*Berpeganglah kamu kepada tali Allah, jangan kamu bercerai-berai*”. Tetapi siapakah yang membuat masjid dua imam di Kelantan, di merata-rata. Kalau imam ini imam UMNO tidak boleh jadi makmum. Kalau kahwin wajar diceraikan. Kalau mati jangan pergi situ. Kalau kenduri jangan pergi. Siapa yang memecahkan? Adakah ini Islam? Ini yang kita kata kemungkaran berlaku di kalangan kepimpinan parti yang kononnya berlandaskan Islam tetapi perbuatan tidak. Cakap tidak serupa bikin. Yang kita buat lebih besar daripada yang kononnya. Saya bersetuju dengan Kak Wan tadi yang

mengatakan kita buat lebih besar. Perjuangan kita adalah lebih besar. Tahukah tuan-tuan dan puan-puan, orang Melayu kita masuk Islam, raja Melaka menjadi Islam tahun 1436. Raja Melayu Melaka masuk Islam bukan kerana dia mimpi masuk Islam. Pada masa itu tahun 1400 Islam berjaya menjadi kuasa besar dunia – *the biggest trader in the world*. Sebelum itu Melayu menjadi pedagang besar dunia membawa segala barangan daripada kurun ke-6 ke kurun kita, tujuh daripada China ke Timur Tengah. Bacalah sejarah, bukunya bernama W.O Wolters, pengarangnya *The Fall of Sriwijaya in the Malay History*, tahun 1970 ditulis. Siapa hendak pergi, pergi Universiti Malaya, salinkan buku itu dengan tebalnya tebal juga. Ada Batu Bersurat, yang ditulis di Canton. Ada Batu Bersurat dan ada bukti-bukti sejarah. Sebelum itu Melayu menjadi satu negara kaya, agamanya Hindu. Kaya macam mana? Dalam tahun 1079, Raja Sriwijaya memberi sumbangan kepada raja China kerana Canton jatuh kerana gempa bumi, memberi sumbangan apa? 600,000 keping emas disumbang oleh raja Sriwijaya. Ini tertulis di Batu Bersurat *The Canton Inscription*. Bacalah buku W.O Wolters. Kalau tidak baca pergi cari baca. Saya ada salinan di pejabat. Kalau hendak tengok saya boleh tunjuk. Hari ini tidak boleh.

Kita sebuah negara yang satu bangsa yang kuat. Apabila jatuh perdagangan Melayu Melaka kerana Islam sudah masuk, naiknya Islam kurun mulai 1400 Masihi. Pedagang Islam terus ke negeri China bawa barang terus kerana *trade route* di sebelah utara China sudah ditutup. Maka raja China lebih cenderung berdagang dengan Islam kerana Islam lebih hebat. Maka anak cucu Sriwijaya pergi berjumpa membuka tempat di Melaka. Mula-mula dia cuba buka di Singapura tetapi diserang oleh Siam maka dia datang ke Melaka. Raja Melaka yang ketiga, bapa yang tidak dapat anak, tidak dapat anak yang ketiga membuka Melaka gagal selama beberapa puluh tahun. Melaka dibuka 1402 sampai 1432 masih gagal hendak jadikan Melaka sebagai pusat. Maka raja Melaka tahun 1435 pergi ke negeri China meminta China iktirafkan Melaka. Raja China tidak mahu mengiktiraf. Raja Melaka tidak boleh balik selama dua tahun tinggal di China kerana tidak ada kapal. Hanya pada 28 April tahun 1433 dia balik 1435, 28 April. Ada sejarah. Saya ingat. Balik itu raja Melaka kata aku tidak mahu lagi berbincang dengan raja China kerana itu kali yang kelima dia pergi ke China untuk meminta raja China

mengiktiraf Melaka. Dia balik dia kata aku mesti bincang dengan raja Islam. Maka raja Melaka pergi ke Pasai. Oleh kerana Pasai itu sudah jadi negeri Islam tempat singgah kapal-kapal Islam di Pasai. Raja Melaka pergi ke Pasai meminta Islam mengiktiraf Melaka. Raja Pasai kata okay dengan syarat kamu jadi Islam. Maka baliklah raja Melaka tahun 1436 dia menjadi Islam dia kahwin dengan anak raja Pasai.

Cerita saya panjang. Hendak cerita ini yang mengislamkan kita Melayu yang dahulu Hindu ini bukan geng-geng yang pakai jubah buruk, selipar buruk pergi dekat Sultan – ini kamu ini kafir kena turun jadi Islam, ini syirik ini boleh tidak boleh. Tidak ada. Selama kita jadi Islam tidak pernah pun kita tahu menyembah patung itu buat tok keramat itu semua syirik. Kita tidak tahu pun. Baru sahaja kita sedar dalam dua puluh tiga puluh tahun dahulu bahawa sembah datuk keramat itu syirik. Bahawa syirik itu dikutuk Allah, tidak diampunkan dalam Quran.

Bila kita buang segala tok keramat ini hari ini pun ada lagi orang Melayu menyembah datuk keramat. Saya tidak tahu di Kelantan, Terengganu ada. Tetapi ada tempat-tempat masih ada. Kita baru hendak mengenalkan. Bermacam-macam kita buat. Apakah ini tidak bertanggungjawab, kononnya kerajaan ini kena bertanggungjawab. Ya, kita pun tahu ada anak-anak Melayu yang masuk Kristian dan sebagainya. Kita tidak tahu pun kemudian baru kita tahu. Khasnya orang-orang India Muslim kahwin dengan Hindu menjadi Hindu. Kerana apa? Kerana pembawa kita. Kalau kita jadi bangsa yang kuat kita boleh tunjuk contoh. Minta maaf. Kalau kita masih miskin yang hina siapa pun tidak mahu dengar apa yang kita cakap. *There is no Muslim in the world that the world listen, only Dr. Mahathir being the Muslim leader that the world listen.* Ini contoh kita. Ini perjuangan kita. Inilah jihad kita. Bukan jihad al-Ma'unah yang dipapar iklannya dalam *Harakah* dan sebagainya. Ini Islam. Islam sekarang yang dibawa oleh UMNO adalah Islam *the advance* Muslim, bukan Muslim yang terkebelakang.

Siapa kata bahawa dalam Quran itu ada Tuhan mencarut. Ini menghinakan Islam sendiri. [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] – saya kata cuba baca terjemahannya. Binasalah Abu Lahab. Ada terjemahan mengatakan celakalah Abu Lahab. Adakah itu maki? Adakah maki *shit*lah Abu Lahab. Tidak ada. Tetapi perbuatan ini dikongkong

oleh orang PAS boleh semua. Kalau depa buat semua harus orang lain buat semua haram.

Tuan-tuan sekalian yang belakang saya, depan saya, *we are now ahead of everybody*. Kita ke depan daripada orang lain. *We are the advance Muslim* yang dibawa sekarang ini yang sedang ditonton tarik ke belakang kita ini ialah yang di sebelah timur, Pantai Timur, *the backwards Muslim*. Inilah pendapat kami inilah jihad kita supaya kita menjadi satu Muslim yang advance bukan Muslim yang terkebelakang. Kalau Muslim yang terkebelakang dahulu, Melayu masih jadi agama Hindu. Minta maaf saya tidak merendahkan agama Hindu tetapi sebagai bangsa Muslim kerana *advance Muslim*lah yang kita menjadi Islam hari ini. Sekian terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi Yang Berhormat Puizah.

**Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidaklah kita letakkan Islam sebagai agama rasmi belum tentu parti pembangkang boleh memperkatakan hal Islam dengan sewenang-wenangnya. Kita lihat apa yang berlaku di Indonesia sekarang ini. 90 peratus Islam tetapi masih mengamalkan Pancasila. Dalam 'kepala' kita Islam di Malaysia tidak begitu. Rasulullah menekankan [*Membacakan sepotong hadis*]. Maksudnya buat kerja, cari apa kewangan juga untuk kemajuan ibarat kamu akan hidup selama-lama dan buatlah amal ibadah ibarat kamu akan mati esok. Sekian terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih kerana beri laluan Dato'. Saya pun duduk di luar tadi. Saya rasa tidak berapa betul Yang Berhormat sebut tadi dan bersetuju dengan pandangan rakan-rakan yang lain. Sebelum ini pun kita ada sebagai contohnya supaya perkataan Islam itu lebih mulia daripada pertubuhan-pertubuhan. Pada 26 Jun 1999 di Dewan yang mulia ini saya utarakan sebagaimana diceritakan oleh Dato' Abdul Aziz dan rakan-rakan yang lain supaya perkataan Islam ini dikaji dalam badan-badan politik. Tetapi diheret oleh pemimpin-pemimpin PAS seolah-olah kita semua ini tidak mahu ikut Islam. Dan beberapa kali saya sudah bersumpah di Dewan ini, sekali lagi saya ingin bersumpah pada hari ini, kalau tidak kita tidak akan berada dalam UMNO dan perjuangan untuk mengangkat bangsa dan agama kita. Demi Allah pada hari ini

UMNOlah yang pertama berjihad untuk agama Islam. Dengan mendaulatkan sebagaimana Kak Wan katakan tadi meletakkan daripada orang Melayu dan rakyat Malaya ketika itu dalam keadaan papa kedana kita heret untuk bangunkan mereka sebagaimana Dato' Menteri jelaskan tadi.

Kedua apabila meletakkan Islam di dalam Perlembagaan itu adalah merupakan jihad yang maha agung yang telah terlaksana dipikul oleh pimpinan ketika itu. Sebab itulah kita semua dapat membicarakan masalah Islam dan dengan kebijaksanaan, keberanian pemimpin-pemimpin daripada Barisan Nasional dengan pakatan yang strategis di antara kaum untuk menyelamatkan perpaduan dan sebagainya kita dapat membina negara kita.

Saya bersetuju sangat dengan pandangan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa *the Muslim advance, the advancement of Muslim* di dunia kita boleh dikategorikan sebagai salah satu daripada negeri yang terbaik. Dan dalam hal-hal ini saya ingin menasihati pada hari ini kadang-kadang kita oleh kerana hendakkan Islam rakyat kampung dalam pilihan raya yang lalu kita mengaku seperti Kelantan dan Terengganu apabila datang ke Dewan yang mulia ini khususnya di Dewan Rakyat, di Dewan Negara pemimpin-pemimpin PAS sentiasa bercakap berlandaskan kepada ayat Quran dan sebagainya. Kita pun ada benda-benda itu sebagaimana Dato' katakan tadi. Tetapi realitinya sebahagian besar daripada masyarakat kampung kita terutama sekali di luar bandar memang mahu kepada Islam, memang mahu masuk syurga. Tetapi kadang-kadang dipolitikkan dengan sebegitu rupa sama ada ini pemimpin yang ajar ataupun tidak tetapi pemimpin-pemimpin PAS mesti bertanggungjawab di atas perpecahan umat di negara kita ini.

Dan sebab itulah kita sarankan kalau boleh, sarankan saya harap pemimpin-pemimpin PAS pun boleh bersetuju supaya kita sekarang ini kalau dulu ada menghalalkan darah orang Islam kita pemimpin-pemimpin UMNO tidak kata kasar-kasar kepada pemimpin PAS tetapi kalau kita hendak beritahu kebanyakan pemimpin yang kurang ajar ini memang pemimpin-pemimpin PAS. Dia bersalutkan model dan pakaian Islam sedangkan perbuatannya tidak Islamic sebagai contoh saya sudah sebut tiga hari yang lalu bahawa macam AlMa'unah, pemimpin PAS tidak buat satu *stand* ataupun

pendirian berkaitan dengan AlMa'unah seolah-olah *associate* dengan jenayah yang dilaksanakan oleh kumpulan AlMa'unah di Sauk baru-baru ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu berlawan panjang tetapi yang akhirnya rugi bangsa kita. Kita pun tahu ahli-ahli pemimpin PAS kebetulan Ahli Dewan Rakyat sebahagiannya dididik melalui program yang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional dan ada pegawai-pegawai kerajaan yang sentimen, yang hendakkan agama tetapi jahil terpaksa terima model dan pendekatan yang difitnahkan oleh pemimpin-pemimpin PAS dan KeADILan zaman ini. Sebab itu pilihan raya baru ini adalah satu ujian yang besar kepada bangsa kita, kita menerima hakikat ini tetapi apakah kita harus mati di sini sebagai sebuah bangsa yang meneroka lebih jauh daripada ini. Jadi kita mintalah rakan-rakan kita sama agama, sebangsa dan se tanah air supaya menilai perkara-perkara ini dengan lebih bijaksana. Kita senang, macam saya di Terengganu kalau saya hendak bangkang apa perbuatan pemimpin-pemimpin PAS, memang daripada A sampai Z kita boleh bangkang kerana kerja membangkang senang tetapi kita pemimpin dari UMNO dan Barisan Nasional tidak dididik begitu.

Macam di Terengganu saya sudah dedahkan beberapa perkara, politik dendam umpamanya dendam. Saya ulang sekali lagi, baru terima surat pekeliling, JKK tidak benarkan kakitangan awam duduk di dalam JKK tetapi kita dalam JKK, kita membenarkan guru yang bekerja di Kementerian Pendidikan, kakitangan hospital di bawah kementerian kerajaan pusat, Kementerian Kesihatan kita benar dia duduk kerana kita melihat pembangunan sebuah kampung melalui satu organisasi yang dibuat oleh sebuah kerajaan negeri harus disokong oleh rakyat kampung tetapi pemimpin PAS, ahli Exco, Menteri Besar, bercakap tidak serupa bikin seperti serupalah juga apabila menang, menubuhkan Kerajaan Terengganu saya terpaksa ulang sekali lagi. Selepas menang dalam pilihan raya di Terengganu menubuhkan kerajaan, mengumumkan supaya cukai pintu tidak dikenakan. Baru minggu lepas ratusan, ribuan surat-surat sampai kepada saya, majlis-majlis daerah supaya cukai pintu dibayar oleh rakyat. Jadi saya tidak taulah terserah kepada rakyat untuk menilai sama ada ini tipu atau tidak tipu. Ini bukan saya hendak kata tetapi senario yang berlaku melihat kepada manifesto memang cantik sungguh manifesto PAS baru ini tetapi apa yang terlaksana sebenarnya memang susah.

Jadi membina sebuah negeri, membina sebuah kerajaan, membina sebuah negara seperti kita ini harus dilihat dalam bentuk keberanian dan kebijaksanaan. Kalau kita tidak hendak bangsa dan agama kita hancur saya menasihati pemimpin-pemimpin PAS, okay, oleh kerana kita mengamalkan demokrasi tetapi saya mengingatkan pemimpin-pemimpin kerajaan hari ini khususnya pusat supaya menilai semula sama ada PAS ini adalah satu parti yang menggambarkan perjuangan Islam ataupun sebuah parti yang menggambarkan sebuah parti yang menggambarkan sebuah ajaran sesat kepada bangsanya. Kalau ini didapati betul dan benar bolehlah tubuh panelkah atau apa. Majlis Ulama buat apa? Kita haramkan saja PAS ini. Kemudian ajaklah kawan-kawan kita diperbetulkan kita yang dilihat oleh pemimpin-pemimpin PAS yang tidak Islamic dan sebagainya. Tetapi kita yakin demi Allah S.W.T kita berada di dalam parti ini adalah kerana kita percaya bahawa inilah kaedah pendekatan dan cara kita berjuang untuk mengangkat kedudukan bangsa dan kedudukan negara kita.

Dalam negara Islam hampir 50 lebih dari segi negara Islam dia tidak kata negeri kafir kita tetapi yang mengkafirkan ialah PAS kepada kita. Di perjumpaan OIC umpamanya, 53 negara Islam. Dia menganggap Dr. Mahathir sebagai pemimpin negara Islam. Dia tidak kata kafir, yang kata kafir ini puak-puak yang ramailah dia kata kafirkanlah, tidak Islamic dan sebagainya. Perkara-perkara ini senang dituduh oleh pemimpin PAS, saya mintalah profesional khususnya Melayu yang ada kerana masalah yang kita hadapi ialah agak terhakis ini adalah kerana fitnah yang jahat, fitnah yang tidak tepat, fitnah semata-mata untuk mendapatkan kuasa. Kalau kita tengok perundangan di negeri Kelantan dan Terengganu serupa sahaja, serupa sahaja dan kita tengok masjid dan surau sepatutnya apabila kita hendak memperjuangkan Islam satu gerakan Islam mesti diperintahkan oleh kerajaan negeri yang diperintahkan oleh PAS. Makmumnya serupa, tidak ada. Kalau hendak kereta dahulu kita pakai kereta, berebut kereta sesama Exco Kerajaan Barisan Nasional, kroni dan sebagainya. Saya tengok pun dia berebut. Selepas pilihan raya, kebetulan sahabat-sahabat saya yang jadi wakil rakyat PAS di negeri Terengganu, dia pun berebut yang senior boleh Mercedes, yang kurang senior Proton serupa macam menteri, dia berebut juga sama dia. Rupa-rupanya perkara ini sama manusia serupa. Jadi saya berharaplah kita jangan menuding jari sewenang-wenangnya

kerana kita adalah kumpulan manusia yang dipilih oleh Allah S.W.T untuk menjalankan tugas sama ada kita berada di dalam Barisan Nasional ataupun di dalam PAS tetapi kita adalah orang Islam.

Sebagai contoh semalam, saya tidak tahu siapa yang sebut kepada saya dituntut oleh PAS ini hendak menjalankan secara total Islam apakah ini satu perkataan atau pun keadaan yang praktikal. Satu ketika PAS mendorong ahli-ahlinya meletak Ayatollah Khomeini, di rumah-rumah mereka saya tidak ingat tahun berapa. Saya ingat 80-an selepas Haji Hadi balik, masa Datuk Asri ke bawah pula tak ada, tidak ada model international tetapi selepas Haji Hadi balik ke Malaysia dan mengetuai PAS Ayatollah Khomeini, saya ingat pemimpin PAS pun boleh *endorse* perkara ini, tiap-tiap rumah ada Ayatollah Khomeini seolah-olah gerakan Islam di Iran itu bermodelkan Ayatollah Khomeini itulah sepatutnya menjadi ikutan kepada pemimpin-pemimpin PAS yang hendakkan Islam untuk negara ini. Ini tidak dapat nafi, ini semua tahu, orang hidup lebih daripada 15 tahun, boleh tahu cerita ini melainkan takut Ahli-ahli Yang Berhormat baru lahir, tidak tahu. Lepas itu sekarang tidak ada, Ayatollah Khomeini sekarang sudah naik, Nik Aziz, Haji Hadi, Fadzil Noor dan sebagainya. Serupa juga kadang-kadang kita dok didik, dok kutuk Dr. Mahathir apabila kita melawat ke luar negara, tahukah saudara-saudara, pemimpin-pemimpin PAS, saya ingat kena ajak seorang dua Yang Berhormat menteri pemimpin PAS, bawa ulama seorang dua yang tidak berapa faham. Kalau Perdana Menteri ikut bawalah ikut tengok macam mana negara-negara membangun lain seperti di Kirgizstan saya secara kebetulan ikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, cuti tiga hari kerana menghormati seorang pemimpin yang agung, bukan pemimpin Islam tetapi pemimpin agung yang boleh membina sebuah negara yang begini daif menjadi sebuah negara yang terhormat di seluruh negara-negara membangun. Cuti askar dia berdiri tengok ke kiri ke kanan fasal dia ala komunis dulu, kita pernah ikut, cuti dan bila melawat negara-negara membangun lain seperti Kirgizstan mengumumkan Dasar Ekonomi Baru Kirgizstan dinamakan Mahathir Economic Plan. Kita rakyat Malaysia bila dengar Perdana Menteri Kirgizstan berucap dalam satu majlis menyatakan pelan ekonomi ini adalah idea, pendapat dan pandangan Kerajaan Malaysia yang dipimpin oleh Dr. Mahathir sebab itulah kabinet kami tidak teragak-agak untuk menamakan plan

ekonomi 20 tahun untuk rakyatnya sebagai Pelan Ekonomi Mahathir di negara yang kita kata orientasi komunis dulunya sekarang ini sudah amal demokrasi.

Jadi banyak perkara-perkara begini. Jadi kita tidak hendak balah panjang benda-benda ini, kita akan berdepan dengan masalah rakyat tetapi sama ada kita memenangi pilihan raya ataupun tidak tetapi pokok dan tunjang kepada perjuangan pemimpin-pemimpin seperti kita ialah pertamanya ialah menjaga perpaduan. Keduanya *survival* bangsa kita. Yang kita tahu ialah kita sedang berdepan dengan satu perkara yang amat menakutkan sebenarnya. Amerika bila suka kita?

Sekarang kalau kita tengok di Indonesia, macam mana hendak suruh Reformasi, hendak suruh Islamisasi secara Indonesia. Indonesia menjalankan reformasi oleh rakyatnya kerana dia tidak mampu dari segi pembangunan ekonomi, pembangunan rakyat dan sebagainya. Reformasi yang dilaksanakan oleh Indonesia memang hendak tiru kita tetapi kita hendak reformasi jenis apa lagi sebenarnya. Tetapi kita mengaku ada *loophole*, kaedah-kaedah cara mana kita hendak mengangkat lagi kedudukan kita.

Jadi banyak lagi sebenarnya, kita boleh ceramah 10 jam. Orang-orang UMNO ni pun hero semua kalau hendak bantai tetapi bukan jenis kita bantai tetapi pokoknya dalam hati kita, dalam perjuangan kita bertunjangkan kepada melihat *survival* bangsa kita. Ni Yang Berhormat, saya pun tahu kawan-kawan saya semua junior saya pun ada ITM dahulu. Bagaimana diasaskan ITM? Daripada RIDA, kemudian dengan kerjasama MCA Datuk masa tu Yang di-Pertua jadi Setiausaha Parlimen ke apa masa tu, kaum Cina buat TAR College, kita buat ITM kerana orang Melayu ini tidak boleh sekolah masa tu selepas kita bergaduh tahun 1969 di antara Cina dan India kerana perbezaan ekonomi yang jauh melalui DEB kita melaksanakan satu gerakan supaya orang Melayu mesti beri pendidikan dan kemudian kita. Jadi banyak lagilah kita cari kaedah lain saya terima kasih. Cuma saya terima kasih kepada Datuk kerana beri dan Datuk Ghazi kerana kadang-kadang kita orang politik ni kalau panas sangat balik tidak makan. Jadi saya ingat lepas ni saya hendak makan, saya harap hari ini kita semua tenang dan saya ucap terima kasih kerana diberi laluan . Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Bagi laluan sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okay Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi *chance* kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya tidak hendak menjawab perkara-perkara yang hendak dibangkitkan kerana saya lihat hujah-hujah yang diberikan bertentangan di antara satu dengan yang lain. Memang pun kalau diberikan peluang saya jawab saya ingat sampai pagi besok pun saya boleh jawab. Saya bersyukur dan mengucapkan syabas kepada semua orang yang berucap dan memukul PAS habis-habisan pada tengah hari yang mulia ini. Nampaknya begitulah Dewan kita yang mulia ini, bila petang dan tengah hari, dia panas. Dan saya rasa semua orang sudah boleh membuat penilaian sama ada yang ada dalam Dewan ini mahupun yang di tepi-tepi Dewan ini. Bagi pihak kerajaan mempunyai alat yang cukup, alat propaganda yang banyak untuk menjelaskan segala apa jua dasar rancangan yang dijalankan. Saya rasa sahabat-sahabat daripada Barisan Nasional tidak usahlah terlalu banyak menuding PAS dalam banyak hal yang berlaku dalam negara kita ini. Ma'unah misalnya, kita sudah menafikan berkali-kali bahawa kita tidak campur tangan dan kita tidak tahu wujudnya Ma'unah itu, dan yang kita tahu ia hanyalah sebagai sebuah pertubuhan yang berdaftar.

Semalam saya jumpa Timbalan Menteri Dalam Negeri dan beliau mengakui bahawa Al-Ma'unah adalah sebuah pertubuhan yang berdaftar. Kenyataan polis pun begitu bahawa ia adalah sebuah pertubuhan yang berdaftar. Kalau hendak kira ajaran sesat, apa jua bentuk silat yang membuka gelanggangnya ada sembelih kambing hitam, ayam hitam kemudian darahnya dipercikkan, itu bagi saya, saya tidak hendak kata sesat kerana saya bukan mufti kerana ajaran sesat ini hanya boleh difatwakan oleh mufti dalam Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Syariah. Saya harap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat juga faham kerana peraturan-peraturan itu diperbuat oleh kerajaan dan kerajaan hanya mengiktiraf. Fatwa itu mesti yang diperbuat oleh seorang mufti dalam Majlis Mesyuarat Majlis Fatwa. Ini pengalaman saya yang pernah menjadi ahli Majlis Fatwa Wilayah ini lebih kurang lima tahun. Adapun kenyataan-kenyataan walaupun dia seorang mufti tetapi bukan dibuat atas keputusan Majlis, ia bukan fatwa, itu pendapat sepertilah juga pendapat Yang Berhormat Rosli Hassan.

Tuan-tuan boleh memberikan pendapat dan boleh melemparkan apa jua tuduhan kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan saya juga kalau saya hendak buat tuduhan boleh tetapi saya tidak mahu membuat tuduhan. Saya rasa saya sangat bersyukur kerana saya boleh duduk di Dewan ini, kalau saya lemah jantung barangkali saya *collapse* tetapi saya ucap terima kasih banyak dan saya harap semua orang yang hadir ini boleh berfikir dan tentulah kalau dikatakan fitnah. Saya kira takkanlah orang yang cerdik pandai yang mempunyai Ijazah, Ph.D dalam pelbagai bidang ia boleh menyertai PAS kerana fitnah PAS. Saya rasa ini satu tuduhan yang tidak masuk akal, bagi saya memang tidak masuk akal. Oleh yang sedemikian semalam saya sudah berucap di mana saya setuju dengan Datuk Ghazi walaupun daripada Barisan Nasional supaya suasana yang ada sekarang ini kita cuba redakan. Jangan terlalu banyak cakap akhirnya orang jemu lalu orang tidak percaya lagi. Saya bimbang akan timbul suatu suasana dan keadaan apa juga yang kita buat rakyat tidak akan percaya kerana terlalu berlebihan. Macam kata Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi, kalau sudah masak ikan, bakar ikan lebih hingga hangus tidak boleh dimakan lagi.

Ini yang saya bimbang. Sepatutnya kita sebagai pemimpin-pemimpin ataupun sebagai ahli Dewan ini memikirkan bagaimana cara untuk mewujudkan satu suasana yang baik. Saya mempunyai pengalaman 13 Mei, kita turut serta mengamankan suasana di negara kita ini. Barangkali ada yang belum lahir 13 Mei 1969 walaupun ada masih kecil lagi. Kita memberikan sumbangan apabila suasana dan keadaan memerlukan kita memberikan sumbangan, tenaga, fikiran, pandangan supaya negara kita ini menjadi baik dan kita harus menilai misalnya Islam sebagai agama rasmi. Saya harap Yang Berhormat baca memorandum yang dihantarkan oleh Parti Islam SeMalaya pada waktu itu kepada Suruhanjaya Lord Reid. Kita turut mencadangkan supaya Islam dijadikan sebagai agama rasmi, itu cadangan kita tetapi jawatankuasa itu setelah menimbangkan mereka tidak mahu perkataan rasmi, lalu dijadikan perkataan Islam sebagai agama Persekutuan.

Jadi janganlah kita menidakkan sama sekali apa yang pernah kita sumbangkan dalam negara ini dan kita pun tidak pernah membantah semua projek yang baik, kita tidak pernah menyatakan semuanya tidak baik, sekolah tidak baik, universiti tidak baik,

itu adalah suatu pembohongan yang besar sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat beranggapan sedemikian.

Sejak semalam dibangkitkan persoalan Al Ma'unah. Kita tengah menunggu, saya ingat lebih baik kita tunggu kertas putih yang disediakan oleh dua buah jawatankuasa yang telah ditubuhkan atau dua buah lembaga yang telah ditubuhkan. Kita dengar, kita tengok dan kemudian kita bahaskan. Kalau sekarang ini kita bahaskan sebenarnya ia akan menimbulkan lagi kekeliruan di kalangan rakyat. Semalam juga saya sebutkan, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Rais Yatim yang meminta supaya perkara ini jangan dibangkitkan lagi buat sementara waktu.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** *[Bangun]*

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Sedikit sahaja Yang Berhormat, saya pun hendak keluar.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Saya minta sedikit sahaja laluan. Yang Berhormat ada menyebutkan tadi kita riuh sesama Islam. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat kalau bolehlah, kalau hendak hilangkan keriuhan kita, kita mintalah PAS, kita sudah habis pun pilihan raya. Nampak kempen-kempen PAS tidak selesai-selesai lagi, walaupun ianya kadang-kadang merisaukan jiran-jiran yang berdekatan. Kempen ini berjalan terus macam pilihan raya tidak berhenti-henti. Jadi, inilah yang menyebabkan kita terus berbalah. Kalau kita pergi ke negara-negara lain ia tidak berlaku begini. Sebenarnya benda ini terlebih sangat. Kalau kita pergi di Arafah pun apa kurangnya di Padang Arafah itu orang-orang Islam dari seluruh dunia, tetapi tidak ada satu parti daripada negara-negara Islam angkat bendera. Tetapi di Malaysia ada. Agaknya orang Arab tidak tahu bendera 'hijau dan bulan' itu parti. Dia ingat negara Islam mana. Itu sebab dia benarkan.

Saya percaya kalau dia tahu bahawa itu adalah bendera parti dia pun tidak benarkan. Jadi, saya rasa benda ini jangan kita keterlaluan, ada limit. Kita terima macam Yang Berhormat kata tadi berhujah dengan baik, kita terima dengan baik. Tetapi di luar suasana tidak begini Yang Berhormat. Dia betul-betul mencabar, semuanya tidak betul. Dia teropong semuanya tidak betul. Gajah depan mata tidak nampak tetapi kuman di seberang lautan nampak.

Satu lagi, tadi kalau kita cerita tentang sabar, tahukah Yang Berhormat bahawa negara kita 400 tahun lebih dijajah oleh orang kafar. Empat ratus tahun, kita belum pun sampai 50 tahun merdeka. Kita mahu kembali perlahan-perlahan bersama rakan-rakan kita dengan pelbagai bangsa dan pelbagai agama. Sensitiviti ini kita ambil kira, itu sebab kita dengar, kita perkenalkan perbankan Islam.

Orang Islam nampak keindahan Islam itu sendiri. Kita dengar daripada kerajaan tadi, mereka terima. Sebab Islam itu indah, Islam itu cantik. Tetapi sekarang mana keindahannya, di mana seninya. Jadi, oleh itulah saya rasa kita minta bersabar, 400 tahun lebih kita dijajah, baru 47 tahun belum pun sampai setengah abad. Apa yang telah kita buat, kalau dahulu kita lihat askar kita kaya dengan arak. Askar kita sekarang sudah pergi baca Yassin, bertahlil. Masjid, surau, sekolah agama di negeri Johor untuk makluman Yang Berhormat baru-baru ini ini kita bukan sahaja adakan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Johor, kita sudah punya makmal sains untuk budak-budak sekolah agama ini, harga RM6 juta, kita buat.

Jadi, janganlah kita seolah-olah bila kita dengar kita berhujah, kita rasa pelik, kawan-kawan kita rasa pelik. Sebenarnya, kerana kita bercakap benda yang kecil-kecil. Yang besar-besar seolah-olahnya tidak ada, kita masih hendak perang. Jadi, kalau itulah kita minta, kita terima. Kita duduk berhujah dengan cara yang sihat, idea yang baik. Sebab saya kata di zaman Saiyidina Ali R.A tadi saya sebut, sahabat ini bertanya begitu sinis, mengapa jadi begitu, Saiyidina Ali R.A menjawab pun dengan begitu sinis juga. Jadi, oleh itulah masalah ini telah berlaku di zaman dahulu. Kalau kita lihat apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, cara yang berkesan ialah melalui dakwah.

Saya hendak cerita satu cerita bagaimana Hamka ditanya dalam satu cerita bagaimana dia menerapkan Islam. Ini dia cara yang cukup molek. Dr. Hamka selepas sembahyang Asar dia suka duduk di anjung masjid. Kemudian ada seorang wanita Islam memakai seluar pendek hendak bermain tenis, di Indonesialah. Di sini barang kali tidak ada. Sampai berbulan-bulan wanita ini berbual dengan Dr. Hamka di anjung masjid dengan keadaan berseluar pendek sebelum bermain tenis. Saya rasa kalau orang kita sudah tentu dia kata ini kafir ini tidak Islam. Tetapi Pak Hamka tidak, akhirnya setelah bertanya fasal Islam lama kelamaan wanita itu rasa sedar, kalau begitu tuan saya

ini salahlah memakai seluar pendek ini. Kata dia kalau awak rasa begitu, begitulah. Setelah berbulan-bulan, itu namanya berdakwah dengan hikmah, bijaksana. Tidak ada apa-apa pun, itulah keindahannya bil hikmah, hendak cakap Arab sedikit ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah keadaannya. Bukanlah kita bangun kita tuduh segala-galanya tidak Islam. Selepas itu disebut perpecahan masyarakat. Islam mengajar kita bersatu padu, sembahyang daripada seorang lebih baik berdua, empat orang lebih baik daripada tiga orang, akhirnya jemaah yang lebih besar, itu dia perpaduan, konsep falsafah Islam perpaduan. Seminggu sekali kita pergi ke masjid, lebih ramai, konsepnya apa, perpaduan. Ada duit kita berangkat ke Mekah seluruh dunia apa konsepnya, perpaduan. Tetapi kalau kita di sini bercakaran. Di mana keindahan Islam ini itu, ini soalnya sama-sama kita bertanggungjawab dalam perkara ini. Kerana kita menganuti agama Islam agama yang syumul, agama yang diiktiraf oleh Allah S.W.T. Kita sebagai hambanya yang rasa malu. Kita harus rasa malu kalau Islam menjadi kucar-kacir berpecah-belah. Sama-sama kita bertanggungjawab sebagai orang yang kita gelarkan diri kita sebagai penganut Islam, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Hassan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya sebenarnya hendak menghabiskan jawapan hendak mendengar Datuk Ghazi menjawab tetapi kerana diganggu, saya sedikit sahaja lagi mohon waktu

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Minta jalan sedikit boleh tak.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya baru hendak mula.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Tidak apa sedikit sahaja.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Baru hendak mula, saya tidak beri jalan.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Ambil point sedikit sahaja.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tidak beri jalan.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Itu tidak baguslah.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Sekejap lagi saya beri jalan.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Sebab Yang Berhormat kata tadi, mencabarkan segala apa yang kita buat ini tidak kena. Jadi, saya hendak sebut, siapa yang mengatakan 'Badawi' di Malaysia menjaga babi, 'Badawi', sedangkan di negara Arab, Badwi

membela kambing dan unta, siapa yang kata. Saya hendak tanya, jawab dahulu. [*Tepuk*] Siapa yang menggunakan masjid-masjid menghentam kerajaan, menghentam pemerintah, rata-rata sampai kita kata tidak usahlah buat macam itu. Ini dalam masjid jangan digunakan untuk itu. Siapa yang buat. Saya hendak mencabar Yang Berhormat yang ketiga, beranikah Yang Berhormat secara rasmi meminta pemimpin PAS menarik balik amanat Haji Hadi iaitu "*berlawan dengan UMNO ini kalau mati, mati syahid dan darah orang UMNO adalah halal.*" Ini adalah amanat yang dibuat dalam awal-awal tahun 70'an dahulu. Beranikah Yang Berhormat memberitahu di sini bahawa ini adalah satu perkara yang tidak betul.

Ketiga, Yang Berhormat kata semua yang dibuat oleh kerajaan dahulu disokong. Tetapi saya ingat lagi semasa Bank Islam ditubuhkan dahulu, banyak orang-orang PAS mengatakan ini masih bukan Islam. Itu dikatakan bukan Islam, ditentang oleh kerana perbuatan itu tidak sebenarnya Islam dan sebagainya. Jadi, bermaknanya apa Yang Berhormat sebut di sini tidak seperti mana yang dibuat di bawah, bermakna cakap tidak serupa bikin. Terima kasih. Saya hendak tanya yang itu.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Sepatutnya Datuk Ghazi jawab, bukan saya. Tuan Yang di-Pertua, pertama macam tadilah saya katakan bahawa apa juga yang dikatakan oleh sesiapa pun sama ada dia ulamakah cerdik pandaikah, kalau dia bukan dikeluarkan dalam suatu majlis Fatwa, maka ia bukan fatwa macam sahabat pun dia kata ijmak sahabat, kita pakai ijmak sahabat ini, selepas itu baharulah ijmak tabiin. Jadi, kalau hanya sekadar pendapat, kita perlu timbangkan sama ada pendapat seseorang itu betul atau pun tidak. Itu pendapatnya, bukan satu keputusan parti.

Kalau macam parti kita katakan, kalau orang tuduh PAS ganas, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian perlu melihat bukti selama sekian tahun. Tahun 1951 PAS ditubuhkan, pernahkah atas nama PAS kita telah membunuh seorang Cina, orang India, orang Kristian, pernahkah? Sepanjang yang saya ingat, laporan-laporan yang saya terima tidak ada yang menunjukkan atas nama PAS, atas arahan PAS kita membunuh orang, tidak ada. Tidak ada sama sekali kita suruh bunuh orang kerana parti kita bukan parti bunuh orang. Parti kita ialah sebuah parti yang cuba mengajak rakyat memahami Islam tanpa paksaan. Kita tahu '*la ikraha fiddin*'. Saya rasa waktu kita pun tidak banyak

lagi, demi menghormati Dewan ini kerana perbahasan ini perbahasan Perbekalan Tambahan, jangan jadi perbahasan lain. [Disampuk] Jadi, Dewan kita ini kita hormati supaya perbahasan yang seperti ini tidaklah berpanjangan. Kita kembali supaya perbahasan ini kita bawa balik kepada perbahasan Perbekalan Tambahan 2000. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Azmi bin Khalid:** Kerana *point* yang dibawa tadi adakah atas nama PAS, memang atas nama PAS tidak. Tetapi PAS mengapi-apikan kemarahan rakyat, kemarahan masyarakat yang tidak erti apa ini di kampung-kampung dan di luar bandar. Mengapi-apikan semangat membenci sehinggakan saya pernah melihat sendiri masa pilihan raya tahun 1999, pilihan raya kecil Arau. Kami berarak hendak masuk dalam dewan, berhimpun di kiri kanan penyokong-penyokong, tetapi sekumpulan tang *corner* itu kumpulan PAS, anak-anak berumur 8-9 tahun pakai jubah, pakai serban semua menuding tangan 'kafir, kafir', yang tua-tua di belakang itu senyum, tanya Ustaz Karim dia ada di sini, bekas wakil rakyat Arau. Ini sudah ditanam sifat membenci daripada kecil-kecil. Adakah ini ajaran yang disuruh, yang disunahkan atau ada ajaran dalam Al Quran mengatakan begini.

Inilah yang kita tidak mahu. Saya dengar cara Yang Berhormat bercakap, saya rasa Yang Berhormat orang baik, dan kalau ini sudah kita kata perkara ini sudah menjadi mungkar, yang kita kata kita hendak mencegah yang mungkar, inilah antara kemungkar. Mintalah. Baru-baru ini KEMAS di Terengganu, sebelum Barisan Nasional memerintah tidak ada berlaku. Mereka membakar tadika KEMAS. Bangunan yang baru sedang naik dimusnahkan. Satu lagi bangunan mereka buang habis makanan anak-anak, bukan makanan orang tua-tua, makanan untuk anak-anak kecil, anak-anak orang miskin. Dicurahkan beras, gula dan dicampur dengan najis dan sebagainya. Ini tidak berlaku di masa Barisan Nasional memerintah. Jadi, semangat untuk hendak memarak-marakkan, di api-apikan bukan sahaja berlaku semasa pilihan raya, selepas pilihan raya, bahkan hari ini pun berlaku dalam masjid-masjid.

Jadi atas apa yang berlaku kepada Amin saya difahamkan, dia membunuh orang itu selepas sembahyang subuh, masih dalam air sembahyang. Orang tanya kononnya, saya tidak tahu ini berita yang keluar kepada saya, tengoklah dari segi apa yang dapat

keluar daripada kertas putih. Apabila ditanya kenapa awak membubuh dia selepas subuh, kerana dia kristian. Ini adalah satu perkara yang dalam Al Quran sendiri ada disebut jangan kamu menghinakan agama orang lain, kerana orang lain akan menghinakan agama kamu. Itu dalam surah..banyak lagi perkara. Hadis sendiri pun mengatakan Rasulullah bangun untuk menghormati jenazah orang bukan Islam lalu di hadapannya. Apabila sahabat bertanya "Kenapa Rasulullah bangun, adakah kerana menghormati dia bukan Islam" Ataupun apa yang disebut "Bukankah dia seorang yang bukan Islam?" Rasulullah S.A.W. kata "Ya, saya tahu tetapi bukankah dia juga sebagai seorang manusia. Menghormati manusia dengan manusia." Tetapi inilah ajaran sehinggakan selepas Subuh masih ada wuduk, membunuh. Siapa dia orang itu dan di manakah datangnya asal usulnya. Saya tidak mahu bincang oleh kerana ada Kertas Putih. Saya percaya Al Ma'unah tidak menjadi yang dikatakan suruhan PAS, tetapi penggunaan semangat, sikap untuk menentang, bermusuhan-musuhan dan juga untuk memarahkan kerajaan adalah sifat yang ditanam oleh pemimpin PAS dan sifat ini yang di api-apikan telah mencetuskan Memali dan mencetuskan apa yang berlaku di Sauk.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah?

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, panjang sedikit, jadi kalau boleh, saya selepas ini....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sambung selepas makan.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Selepas makan.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Selepas makan, okay.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat majlis ini ditempokkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

***Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli, sila sambung.

**2.31 ptg.**

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menggulung sekadar lima, enam minit sahaja.

Pertama sekali saya menadah tangan bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana cadangan akhir saya yang berteraskan budaya seni sebagai usaha untuk menangani gejala sosial yang besar termasuk perkara-perkara negatif yang lain yang ada kaitannya telah pun menarik minat ramai Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian dalam perdebatan tadi.

Saya berterima kasih khasnya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, kerana beliauah yang mula-mula membuat pertanyaan dan terima kasih kepada rakan-rakan sahabat yang lain, yang turut membantu menyokong saya, memberi pendapat yang begitu bernas dan baik khususnya Yang Berhormat Dato' Haji Azmi bin Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan juga rakan-rakan ahli senator yang lain.

Saya percaya kita semua telah mendapat manfaat, mendapat penerangan yang lebih jelas daripada mereka dan bila ada kelelasan berehat semasa makan tengah hari tadi, terpanggil oleh saya memikirkan bahawa kalau disemak rekod mungkin inilah, mungkin, setakat yang saya ada dalam Dewan yang mulia ini satu perbahasan yang terpanjang, diambil bahagian oleh ramai orang dengan begitu hangat dan aktif sekali. Malah juga terfikir kepada saya untuk membukukan perdebatan ini kerana hasil perdebatan itu mengeluarkan banyak perkara baru yang saya sendiri mendapat ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, kebetulan saya terbaca akhbar juga pada hari ini [*Menunjukkan senaskah surat khabar*] yang ada kaitan dengan perbahasan, saya ingin memetik *Berita Harian*, Khamis 27 Julai atas tajuk besar yang amat relevan tentang perbahasan kita iaitu '*Benci, Marah Petaka Paling Besar*' dan ungkapan lain yang diringkaskan, yang ditekankan, dihighlightkan ialah '*Benci, marah dan dendam kesumat akan melenyapkan akal fikiran yang waras dan budi mulia yang dikurniakan Allah*

*sebagai panduan kehidupan ummah*'. Dalam menghadapi sesuatu masalah, Islam menganjurkan mencari jalan penyelesaian berpandukan akal fikiran dan bukannya emosi.

Tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengunjurkan tentang budaya seni satu pakej produk *alternatif international music dan sound* termasuk persembahannya sekali *ala Broadway*. Oleh kerana perbahasan ini mencatat sejarah, saya harap pihak kementerian mana-mana yang berkenaan untuk mengambil kira ini kerana amat relevan sekali melihat kepada masalah-masalah yang kita hadapi.

Perkara ketiga dan terakhir yang saya hendak tekankan ialah berdasarkan soalan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memang saya bersetuju kesemua hujah yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan dalam Dewan Negara ini, rakan-rakan yang mewakili pihak Kerajaan Barisan Nasional mengatakan bahawa penerapan nilai Islam yang telah dimulakan penerapannya awal 80-an menandakan bahawa kerajaan amat bersungguh-sungguh dan komited dalam amalan Islam. Malah saya boleh kata bukan itu sahaja, malah kalau dikatakan di peringkat akar umbi, di bahagian saya sendiri sebagai contoh, yang mempunyai 20% setinggan dan 80% lagi rakan-rakan yang agaknya bukan setinggan.

Kita menjalankan program enam bulan yang kita panggil usrah '*Multaqa Qiadah*'. *Usrah* ini sembang-sembang percambahan fikiran dengan pemimpin-pemimpin berteraskan Islam. Inilah parti kita juga membuat ke arah ini, menunjukkan bukan setakat Kerajaan Persekutuan yang dipimpin oleh Perdana Menteri kita mengamalkan ini tetapi di akar umbi kita juga membuat persediaan ini.

Malah kalau sepintas lalu sebagai tokok tambah kepada bahan-bahan, *point* yang telah dikeluarkan oleh rakan-rakan tadi, saya berani memberi jaminan dan mengatakan bahawa sebenarnya negara Islam melihat kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai kepimpinan Melayu Islam yang boleh dijadikan contoh. Mereka sebenarnya mengharapkan kepimpinan kita, lebih-lebih lagi dalam dunia yang berteknologi moden, dunia ICT ini. Oleh kerana itulah saya pernah membuat petikan dalam Dewan yang mulia ini umpamanya tentang penubuhan Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor). Kata Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr.

Mahathir bin Mohamad, “*Kita mewujudkan Koridor Raya Multimedia ini untuk menyelamatkan umat Islam dalam menghadapi cabaran-cabaran masa kini.*”

Jadi, kita boleh melihat bahawa Koridor Raya Multimedia itupun bertujuan untuk menyelamatkan umat Islam. Jadi, segala-gala yang berikut asalkan berlandaskan Islam, itulah yang kita hendak buat. Inilah yang saya kaitkan di antara komponen Multimedia Super Corridor ialah *entertainment village (e-village)*, yang saya sebut dan dikaitkan pula dengan pakej produk yang saya sebutkan di akhir-akhir ini.

Untuk akhirnya, saya ingin membaca petikan Profesor Dr. Yusof Al-Qardhawi lagi sekali kerana tadi saya tidak sempat baca habis, ada minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan untuk memberkati usaha kita bercakap tentang budaya seni berteraskan Islam ini, kerana ini perkara universal yang semua patut sokong, patut buat, patut mengambil bahagian, untuk merealisasikan, menjadikan ia kenyataan selain daripada hanya mungkin ‘Mimpi disiang hari’ oleh seorang ahli Dewan Negara di sini, insya-Allah, dapat disokong oleh orang-orang lain.

Petikan saya daripada Profesor Dr. Yusof Al-Qardhawi atas bukunya ‘*Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan atas Landasan Koridor Raya Multimedia*’ yang dibuat oleh kerajaan kita, katanya begini, “*Jikalau riadah itu menjadi santapan jasmani, ibadah menjadi santapan rohani, ilmu menjadi santapan akal, maka seni pula menjadi santapan perasaan*”. Seni yang kita maksudkan ialah seni yang mengangkat martabat manusia, bukan yang menjatuhkannya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya ingin simpulkan bahawa saya menyokong benar Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini dan saya harap perkara-perkara yang hangat diperdebatkan oleh Ahli-ahli Dewan yang mulia ini akan dapat diambil kira oleh pihak kementerian yang berkenaan dan dijadikan satu program untuk kita laksanakan, kerana penglibatannya nampak menyeluruh. Terima kasih.

#### **2.41 ptg.**

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun pada petang ini bagi menyokong rang undang-undang ini. Saya cuba ringkaskan seberapa yang saya dapat lakukan agar sidang kali ini dapat memenuhi masa untuk meluluskan – ada lagi enam rang undang-undang, termasuk Rang Undang-undang

Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000 dan terakhir sekali Rang Undang-undang Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kewangan yang mengemukakan rang undang-undang ini meliputi Suruhanjaya Pilihanraya, Jabatan Perdana Menteri, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah juga Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak, Kementerian Pendidikan, Perkhidmatan Perbendaharaan, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan akhir sekali Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita dengar bahawa rakan-rakan kita dalam Dewan ini banyak memperkatakan dari segi akhlak anak-anak kita terutamanya mengenai Kementerian Pendidikan, pada pandangan saya kita tidak seharusnya hanya memberi tanggungjawab yang amat berat ini kepada Kementerian Pendidikan sahaja kerana tanggungjawab kita sebagai manusia, sebagai seorang ayah atau seorang ibu seharusnya mempunyai tanggungjawab yang lebih daripada Kementerian Pendidikan.

Di saat ini kita amat gerun dan kita amat sangsi dan takut sekali, terdapat anak-anak kita sudah mula liar, sudah mula berani membakar sekolah, sudah berani memberontak hati untuk membakar rumah guru dan pelbagai salah laku dilakukan.

Sering di kepala kita bertanya dan mempersoalkan, ini di mana silapnya. Kalau kita pandukan pada dahulu waktu masa kita kecil, kita juga demikian. Begitu juga orang tua kita sama ada ayah dan ibu kita amat bimbang dan sangsi dan takut pada kita, takut kita mempunyai salah laku. Ahli-ahli dalam Dewan ini yang pernah melalui masa kecil dan juga para pegawai-pegawai kerajaan. Kita lihat pada masa dahulu bahawa budi bicara anak-anak, tingkah laku mereka amat sopan dan santun. Saya tidak tahu mana salahnya waktu sekarang. Mungkin contoh-contoh yang dilakukan oleh ibu dan bapa, perangai-perangai, sikap-sikap dalam keluarga yang sering membuatkan mereka jadikan sebagai satu contoh yang mereka lakukan yang membuatkan mereka tidak menjadi baik.

Saya teringat kata-kata Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, kadang-kadang kita sebagai orang tua mempunyai sikap yang kurang sopan di hadapan anak-anak. Sebahagian merokok – saya bersetuju dengan

beliau bahawa kita, kalau merokok sendiri pun, tidak usahlah di depan anak-anak, kita merokok dasingkan daripada anak-anak supaya anak-anak tidak meniru sikap kita.

Dahulu saya waktu sekolah, menyerahkan saya ke sekolah waktu saya masuk Darjah 1, masa itu tidak ada tadika dan taska dan sebagainya, cuma kita terus ke Darjah 1, ibu saya bawa bag, ikut saya bersama sekali, di samping saya adalah datuk saya sendiri, di tangan datuk saya, terpegang satu rotan, panjangnya lebih kurang 1 kaki setengah. Rotan itu orang panggil rotan sega, yang buat bola jaring, dan rotan ini dibakar pula sikit, sudah ada warna pula, hitam-hitam sikit. Dan waktu menyerahkan, dia kata, "*Saya cikgu..*" dia kata, "*...Inilah cucu saya, hendak serahkan untuk masuk Darjah 1*".

Saya lihat datuk saya bawa rotan saya pun naik gerun, saya kata, "*Kenapalah orang tua ini tidak sayangkan cucu, bawa rotan*". Dia cakap pada cikgu saya, dia kata, "*Saya serahkan kamu hari ini pada cikgu ini*". Dan pada cikgu, dia kata, "*Ini cucu saya bukan baik, ini nakal sekali ini*". Barangkali saya nakal masa itu. Dia kata, "*Kalau dia silap, rotan. Saya minta tiga sahaja, jangan patah, jangan buta dan jangan mati.*" Tiga perkara. Tetapi adakah kita di dalam Dewan ini buat demikian. Saya nampak ibu bapa menyerahkan anak, kadang-kadang emak saudara dia itu, yang tidak kerja itu pergi hantar, "*Cikgu ini hendak daftar*", Saya hantar anak saudara saya. Emak kerja, bapa kerja.

Kita dahulu cuti. Mak tidak toreh getah masa tu, pergi hantar anak, serah rotan tetapi sekarang cuba kalau guru-guru kita pula merotan anak-anak, saya percaya dalam ramai-ramai ni kalau kena anaknya sepuluh, saya rasa sembilan akan 'jadi cikgu', takut satu sahaja yang fikir, "*Jagalah cikgu, hendak keluar sahaja dari pintu pagar itu, siap!*" Adalah yang menanti dan bertanya, bertanya secara kasar dan kurang sopan.

Kebetulan saya dalam sekolah saya nakal. Hari itu entah apa silap saya cikgu saya rotan tiga. Sebagai anak yang kecil, umur enam tahun, tujuh tahun ni, rasa manjalah dengan mak. Balik rumah menangis. Mak saya kata, "*Apa kena*". "*Cikgu pukul*". "*Berapa?*". "*Tiga*". "*Mari sini, mana kena*". Bukalah seluar, memanglah ada sedikit merah, mak saya balas lagi enam. Jadi enam rotan, enam campur tiga, jawapnya sembilan. Yang ke depan saya tidak cerita lagi, cikgu rotan saya tetapi saya percaya di

dalam Dewan ini, saya tidak mahu tuduh siapa, percaya, kalau guru rotan anak mesti ada yang datang.

Di zaman sekarang tidak macam zaman kami dahulu sekolah. Ada yang bawa parang. Di kariah saya ada yang tunggu, cikgu tidak boleh keluar pintu pagar, terpaksa panggil polis. Ini sikap kita dan daripada itu kita menuding kepada Menteri Pendidikan, kita tuding kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, kita tuding kepada guru-guru tetapi adakah kita berfikir pada diri kita sendiri? Tidak pernah kita fikir bagaimana mendidik anak.

Tahun 1985, ini pengalaman saya, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, bukan saya memuji dia kerana dia dahulu pernah jadi bos saya, tidak, akan tetapi di kata saya tanya macam mana Abang Haji hendak bela anak-anak ni. Dia kata waktu senja jangan bagi anak keluar, pukul 7.00 tutup, duduk rumah. Nasihatkan dia sembahyang, kalau dia tidak sembahyang pun tidak apa, tetapi dia mesti ada di rumah, Insya-Allah.

Alhamdulillah, anak saya mungkin 100% ke menara gading, telah terbukti pun. Kita kena buat kerja, kita kena lakukan perkara ini. Ini tidak, saya lihat ada juga ibu-ibu dan bapa-bapa hendak pergi kerja itu cepat sangat, seluar pun tak dan hendak sangkut, berlonggok atas itu. Anak pun melihat: “Hm, bilik emak dengan bilik bapa bersepah!” Ha, mulalah anak-anak kita ikut. Bila dia keluar sahaja pakai, orang kita kampung kadang-kadang, pakai sarung, pakai kain pelikat, dia keluar sahaja, gulung sahaja kain itu, elok macam ular sawa. Ha, inilah contoh yang kita hendak bawa mereka ke universiti ini, kain bergulung itu. Kerana apa, kerana bapa pun kadang-kadang perangai macam itu.

Cuba kita ajar lipat, ini kadang-kadang umur sepuluh tahun pun, emak: “Ha emak kasut adik ini tak boh kapur.” Ha emaklah. Saya beri arahan jangan kapur walaupun hitam, kena rotan – dia. Dan saya dalam hidup saya, report card saya baca apa dia *report card* ini ada merah, saya panggil, bunga raya: “Ada bunga raya tak ini adik?” “Ada satu!” Ha, ada satu minta maaf. Saya tak tandatangan, insya-Allah, saya tak tandatangan. Menangis, menangislah, emak dia tandatangan. Itulah. Kerana saya kata, tandatangan saya, satu beribu-ribu ringgit. Tak percaya, saya sain cek, saya kata. Nilai tandatangan saya itu beribu. Ini anak-anak. Tetapi dalam ramai itu, ramai jugalah menipu, ini anak-anak.

Saya ahli politik, kadang bila balik, lambat jam 3.00 pagi, jam 2.00 pagi, tidur, pukul 5.30 mandi sekejap sembahyang Subuh, lepas itu dia sambung balik, itu yang sedap itu. Ha, dia pandai, bila kita tengah tidur, baru tidur setengah jam, lepas Subuh, dia bawa, mata kita atas katil, dia bawa pen satu, dia bawa *report card* satu. Dia kata, pak sainlah, hari ini cikgu hendak juga jam 10.00 pagi. Yang kita dah tidak tengok dah bunga raya dia itu. Tandatangan sahaja, ha itu anak.

Jadi, sikap kita, sikap ibu bapa, ini yang perlu ditekankan kepada segenap ibu bapa supaya prihatin tentang anak-anak. Sekarang maha dahsyat, saya dahulu kalau cikgu saya ada di kedai, saya tak berani lewat di hadapan cikgu. Sekarang cik u ajak mereka main poker. Ada, cikgu senangkah, main daun cikgu. Bawa daun. Paling malang sekali, ada cikgu wanita yang dihantar kondom dalam *envelope*. Tulis pula di situ, I love you. Malang sekali cikgu ini ibu tunggal. Ini berlaku, sampai abang murid itu jumpa saya menangis, tolong nasihatkan adik saya, dia kata. Saya kata, kalau nasihat, lempang sahaja eloknya. Ha, ini berlaku. Mampu dia beli kondom pergi masuk dalam *envelope*, tulis surat cinta, hantar kepada cikgu. Apakah budaya-budaya ini yang kita ikut? Siapa yang ajar, bapa diaukah yang ajar atau emak dia yang ajar?

Dahulu saya masa kecil, saya dengan datuk bukan manja, tok saya kata, hari pukul 11.00 cuti, dia kata kamu beli rokok. Rokok masa dahulu, orang kampung tahulah rokok tembak – Ralph Rider. ‘Rahmah Rahmat’ pun dia masa itu orang panggil. Jadi, kata tok, masa itu 0.30 sen sebungkus, masa itu budak kecil boleh beli rokok lagi, bukan macam sekarang. Dia kata, kamu hendak ke kedaikah? Saya kata, dak. Dia kata, kamu tolong pergi ke kedai, atuk tak ada rokoklah, tengah hari ini waktu makan ini. Saya kasihan dengan atuk saya kan, dah tua, bongkok pula, baklah saya kata, pergilah.

Kebetulan pula cikgu besar duduk di kedai itu baca surat khabar. Hendak menghabiskan surat khabar ini bukannya senang, satu jam tak habis kadang-kadang. Kadang-kadang iklan pun dia baca cikgu ini. Jadi, saya pusing-pusing, sampai dekat pukul 2.00 petang, perut lapar saya balik. Tok saya dia lepas makan, dia marah, mana rokok? Tak ada, nah duit balik. Mengapa kamu tak beli? Saya kata, cikgu ada. Apa cikgu itu makan orangkah? Bukan maka orang, saya kata tok, saya hormatkan dia cikgu.

Dia cikgu besar saya. Ha, itu pak saudara engkau. Lantak dia pak saudara, tetapi dia cikgu, saya kata.

Kadang-kadang datuk ini pun kadang-kadang lebih juga. Benda yang tidak boleh suruh kita buat. Kita takut kepada cikgu. Kami dahulu sewaktu kami kecil-kecil menghormati guru ini, Tuhan yang tahu. Kata cikgu, sapu sampah, kami sapu sampah. Sekarang mana ada murid sapu sampah? Kami dahulu mencangkul tanam bunga. Sekarang mana ada murid tanam bunga? Kami tanam pisang, cikgu kata, cikgu tanam pisang, tanam. Tanam jagung, kami tanam jagung. Itulah sebabnya orang-orang dahulu banyak pandai, kokurikulumnya lebih. Sungguhpun kami tidak ada komputer, tidak ada apa, tetapi orang dahulu berani melangu? Tidak ada yang berani. Tetapi malang sekarang, sungguh sedih, anak-anak sekarang, saya tak tahulah, fasal ini, masalah suri rumah ini, kadang-kadang bekerja. Kerja ini dia beli susu *Lactogen*, S.26 semua ada, ini daripada lembu. Ha, S.26 - bunyi macam durian pula. Ha, berilah, ini hormon lembu. Bila masuk ke dalam darah anak-anak, saya tak tahulah, tetapi cerita kawan-kawanlah, dia kata hormon lembu dalam otak orang banyak sekarang, itu yang degil itu. Jadilah vandalisme dan sebagainya.

Kita nasihat kot ini, lihatlah lembu. Siapa yang tahu kepada lembu, dia tahu. Kita suruh jangan masuk tempat jagung, dia hendak pergi juga. Kita suruh dia keluar, dia hendak masuk. Ini lembu, tetapi saya tidak tuduh tuan-tuan lembu, tetapi ini sebagai satu kesimpulan. Jadi, saya rasa hormon lembu telah menyerap ke manusia-manusia sekarang di seluruh dunia.

Itulah sebabnya di negara Barat kalau kita lihat, orang pakai cantik-cantik dengan tali leher, depa merebeh, poket koyak, baju koyak, datang pula anak negara kita, anak Melayu, anak orang Malaysia dia tiru. Tak ada kaki seluar itu elok, dipotongnya, diguntingnya, bagi sekerat. Tanya kenapa ini, emak dia tanya, senang berjalan kata dia. Ha, itu jawabnya.

Jadi, di sini kalau kita menuding jari sahaja kepada Kementerian Pendidikan, saya rasa kita tidak adil dan tanggungjawab ini tidak sepenuhnya kepada guru, kepada kita sendiri. Kalau bagi yang Islam, kita ajar dia yang mana patut, fardu 'ain dan sebagainya. Kalau perlu fardu kifayah juga kita sematkan waktu masa yang sama, apa salahnya.

Saya rasa amat takut dan ngeri melihat keadaan anak-anak kita pada masa sekarang, saya tidak tahu pada cucu saya, cucu saya entah lebih hebat daripada anak orang lain besok, tetapi kita berusaha dan berdoa supaya anak-anak kita sebagai anak yang baik, soleh dan sebagainya, mengikut kata-kata ayah dan kita sebagai sebuah umat, kita kena bertanggungjawab, tidak melepaskan sewenang-wenangnya terutama kepada kita yang diamanahkan tugas kita yang amat berat, pegawai kerajaan, ahli-ahli politik, pemimpin-pemimpin politik mahupun peringkat bawah dan peringkat atas, pekalah terhadap anak-anak kerana walau pun anak saya ke luar negara, maklumlah perempuan kadang-kadang saya takut juga, takut yang dibawanya balik itu bukan ijazah, banyak berlaku biasiswa kita, kita keluarkan, kita ingat segulung ijazahlah yang dibawa, rupanya gulung lain yang dibawanya, berlaku, ada yang setengah kita beri biasiswa sampai sekarang tak mahu balik-balik pun ada – ada. Cek dengan kementerian - ada. Ada yang tak balik, bermastautin di sana.

Kita harus berterima kasih, kita juga menasihatkan supaya anak-anak, saya kepada anak-anak saya beritahu, ada setengah itu dapat biasiswa kerajaan, ada setengah itu bila gawat baru-baru ini tidak dapat biasiswa kerajaan. Saya tanggung sendiri, walaupun berat di luar negara, saya tanggung sendiri, tetapi saya nasihatkan kepada dia balik supaya jangan sombong, pertama kepada saudara mara, keduanya kepada bangsa sendiri dan ketiganya kepada orang ramai.

Saya kata, sungguhpun biasiswa awak tidak kerajaan bayar, saya yang bayar, tetapi tanpa Dasar Ekonomi Baru, bapa engkau ini tidak akan berdiri semacam ini, tidak mampu hantar engkau ke luar negeri, kerana ada Dasar Ekonomi Baru yang diperjuangkan oleh datuk nenek dahulu untuk membela nasib orang Melayu, mampu saya sebagai ayah menghantar engkau ke luar negara, sungguh. Dia boleh *act*, saya pandai, saya bijak, saya pergi universiti. Biasiswa pun bukan pinjam kerajaan, biasiswa bapanya sendiri, tetapi tidak boleh kerana wang ini dia dapat sumber daripada Dasar Ekonomi Baru.

Saya berniaga, saya buat perusahaan di bawah Dasar Ekonomi Baru, kita patut berterima kasih kepada pejuang-pejuang yang telah memperjuangkan negara, memperjuangkan bangsa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ya?

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Ya, rang undang-undang. Jadi, saya tidak ingin berucap pada petang ini, kali ini, kerana hari ini adalah hari terakhir bagi diri saya .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, cerita sedikit-sedikit ya!

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Saya mengucapkan ribuan terima kasih sebagai seorang Melayu yang beragama Islam, saya seharusnya memohon maaf kepada Tuan Yang di-Pertua dan ahli-ahli semua, mana kata-kata saya terkasar dan tersilap yang telah sudah dan juga kepada rakan semua yang tinggal di belakang ini nanti akan memelihara keharmonian Dewan ini. Hari ini kita ada pengalaman yang cukup baik, bahawa perbahasannya amat hebat antara kita dengan PAS, tetapi ini adalah satu pengalaman, pengalaman Dewan Negara kerana Dewan Negara ini tidak dianggotai oleh parti pembangkang yang ramai, empat wakil, tetapi empat pun sudah cukuplah, jangan ramai sangatlah, ramai pening kita. Cukup empat pun sudah cukuplah. Tetapi keharmonian tetap ada, kami daripada Barisan Nasional sentiasa menjaga keharmonian ini supaya integrasi setiap parti bersama-sama menjaga negara. Kita sayanglah negara kita, kita rasalah bagaimana penjajah dahulu, saya rasa bukanlah saya hendak mengusik Ustaz Hassan Haji Sukri, tetapi dia lebih tua dari saya dan telah mempunyai pengalaman hidup yang lama, bagaimana azabnya di waktu Jepun, British dan di era merdeka jauh berbeza, terlampau jauh.

Walau bagaimanapun kepada ustaz, saya harap PAS dapat memelihara keharmonian dalam negara kita dan kalau boleh lihat-lihatlah, masuklah Barisan Nasional semacam dahulu. Kita bersama-sama balik menjaga negara kita ini. Saya rasa itu kan lebih baik, dapat negara kita membangun dengan lebih baik kerana negara kita ini dapat pujian daripada seluruh dunia.

Dan kepada Ahli-ahli Dewan ini saya merakamkan ribuan terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat habis bila?

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Ha...besok!

**Tuan Yang di-Pertua:** Besok habis ya?

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Ya, besok!. Saya merakamkan ribuan terima kasih kepada Dewan ini yang memberikan pengalaman, macam-macam pengalaman, ada ahli yang masam sahaja. Kalau tengok Yang Berhormat Senator N. Marimuthu, dia bukan selalu senyum. Rupa macam hendak marah orang sahaja, Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]*

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Ha!...*[Ketawa]*

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, saya Ketua Bahagian MIC Gopeng, saya pun senator. Ketua Bahagian UMNO Gopeng pun senator. Terima kasih, diucapkan terima kasih kepada kerajaan. *[Ketawa]*

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Yang Berhormat Marimuthu sama setempat dengan saya, dia ketua bahagian, saya pun ketua bahagian. Begitu juga ada yang mengantuk, tidur pun ada. Bermacam-macam pengalaman. Ada sekali sebelah saya ini dia berdengkur, nasib baik pembesar suara tidak 'on', kalau 'on' satu Dewan ini huru-hara. Macam-macam sifat tetapi banyak yang baik, sebagai contoh, bercakap dengan bernas. Pengalaman yang tidak boleh saya lupakan bila tiap bil pertama hari pertama, bila sahaja bil yang pertama hari yang pertama, bila sahaja Setiausaha Dewan membacakan dan Tuan Yang di-Pertua membacakan, ".....dibuka untuk perbahasan", semua ahli tengok muka masing-masing, siapa hendak bangun. Mahu tidak mahu, pengalaman, memang saya sudah bersedia, saya terpaksa bangun kerana ini hendak menjaga maruah Dewan. Saya berharap kepada ahli-ahli semua jagalah maruah Dewan ini dengan sebaik-baiknya. Berbahaslah dengan cara yang sempurna, dengan waras, kita jangan ikut budaya Jepun dengan Taiwan. Jepun dengan Taiwan selipar pun jalan, jangan, kita minta kita jaga keharmonian Dewan ini supaya dapat Dewan ini sebagai satu contoh kepada anak cucu kita dengan baik. Kalau kita main selipar, besok anak-cucu kita datang dalam Dewan bawa pistol, hendak main pistol pula.

Jadi, itulah ucapan saya pada petang ini, dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak perasan kata sudah habis dah hari ini. [*Ketawa*] Tidak ada lagi dah yang hendak bercakap? Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

### **3.03 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian yang lain yang saya wakili pada petang ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada 24 orang Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan bil Perbekalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh secara khusus isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, ada beberapa isu umum yang disentuh. Misalannya, Yang Berhormat Datuk Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Tuan Karim bin Salleh, Yang Berhormat Datuk Tee Thiong Hock, Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan, Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak yang mengucapkan penghargaan kepada kerajaan kerana kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Allah, negara kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya melalui dugaan besar dalam bentuk kegawatan ekonomi ini kerana dalam tempoh yang singkat semenjak Julai 1997 kita telah berjaya mengembalikan kedudukan KDNK kepada 5.4% tahun 1999 yang telah mengecut sebanyak 6.7% tahun 1998 dan tahun 2000 ini, insya-Allah, kerajaan mengunjurkan kenaikan KDNK kepada 5.8% walaupun pihak-pihak lain lebih optimistik dengan unjuran yang lebih tinggi daripada unjuran konservatif kerajaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita lakukan ini tanpa perlu mempertaruhkan kemerdekaan dan kedaulatan negara kita. Kita lakukan kesemuanya ini dengan formula dan preskripsi kita sendiri. Tuan Yang di-Pertua, pemulihan ekonomi akan menjadi sia-sia apabila kestabilan politik, perpaduan dan keharmonian kaum serta keamanan dan keselamatan negara terganggu. Dengan sebab itu saya memahami kekecewaan beberapa Ahli Yang Berhormat misalnya Yang Berhormat Rosli bin Mat Hassan, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin, Datuk

Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan dan beberapa yang lain yang telah bercakap panjang lebar tentang gejala keganasan dan *terrorism* yang cuba dicetuskan oleh pihak-pihak tertentu seperti Al-Ma'unah baru-baru ini kerana kumpulan ini bukan sahaja menggugat kestabilan dan keselamatan negara, malah boleh menyebabkan dunia khususnya para pelabur hilang keyakinan terhadap negara kita dan ini akan menjejaskan segala usaha yang sedang rancak dilakukan oleh kerajaan ke arah meletakkan asas ekonomi negara di atas asas yang lebih kukuh dan mantap. Golongan ini sebenarnya telah meletakkan imej dan persepsi – tadi Dato' Ghazi ada menyentuh tentang imej dan persepsi – agama Islam kita kerana apabila tindakan-tindakan ganas dan tidak berperikemanusiaan mereka itu telah menyebabkan masyarakat dunia memandang serong terhadap Islam, malah sering mengaitkan Islam dengan keganasan, kekerasan dan *terrorism*.

Inilah beberapa contoh puak-puak pelampau yang kononnya hendak menegakkan Islam tetapi berakhir dengan satu lagi tamparan dan pencemaran terhadap Islam dan contoh satu tindakan melulu, tidak berhemah dan tindakan yang tidak disertakan dengan kewarasan dan kebijaksanaan akal fikiran yang akhirnya membawa kepada kerosakan terhadap Islam yang syumul itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang lebih khusus hendak saya tekankan pada petang ini, yang pertama ialah tentang isu yang dibangkitkan oleh Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Datuk Tee Thiong Hock yang menyentuh tentang peruntukan bagi Hal Ehwal Wanita (HAWA) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara yang disediakan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila kerajaan memutuskan supaya dua agensi ini iaitu HAWA dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara dipindahkan daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ke Jabatan Perdana Menteri selepas Pilihanraya Umum yang lalu, maka dua perkara perlu dilakukan serta-merta iaitu peruntukan asal sebagaimana dalam Belanjawan 2000 bagi dua agensi tersebut yang berjumlah RM39,780,000 perlu disekat serta-merta melalui satu kuasa yang diberikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang dipanggil waran sekatan. Maka, dengan waran sekatan tersebut jumlah peruntukan bagi keseluruhan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang boleh dibelanjakan telah

dikurangkan sebanyak jumlah yang disekat itu iaitu RM39,780,000 iaitu dari peruntukan asal RM239,226,100 kepada RM199,445,700. Jumlah yang telah disekat ini tidak boleh dibelanjakan untuk tujuan-tujuan selain daripada kedua-dua agensi tersebut dan untuk itu, satu peruntukan baru yang sama jumlahnya iaitu RM39,780.400 perlulah diberikan serta-merta di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk meneruskan aktiviti dan program kedua-dua agensi tersebut oleh kerana di bawah Jabatan Perdana Menteri peruntukan tidak ada bagi perbelanjaan mengurus kedua-dua agensi berkenaan. Oleh kerana itu peruntukan tambahan ini perlulah dibentangkan segera untuk makluman Dewan yang mulia ini. Jadi, itulah kedudukannya Yang Berhormat. Katanya kita memotong peruntukan yang ada di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan kita pindahkan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Hassan Shukri tentang kelemahan SPR berhubung dengan pendaftaran dan senarai pengundi. Untuk makluman Yang Berhormat, SPR telah menjalankan urusan pendaftaran dan penyemakan daftar pemilih pada tiap-tiap tahun. Tindakan yang diambil merangkumi urusan pembersihan daftar pemilih. SPR telah memotong nama-nama mereka yang telah meninggal dunia, hilang layak, nama berganda, bersara dari perkhidmatan polis dan tentera dan mereka yang namanya dibantah semasa urusan pameran daftar pemilih yang dibuka setiap tahun.

Ada kalanya nama-nama mereka yang dibantah terpaksa dikeluarkan oleh SPR dari daftar pemilih berdasarkan kepada siasatan awam yang menunjukkan bantahan itu adalah berasas. Ini mungkin disebabkan pemilih yang berkenaan tidak hadir semasa siasatan awam dijalankan. Begitu juga dengan pemilih pos yang terdiri daripada anggota polis dan tentera yang telah bersara, sekiranya mereka tidak mendaftarkan semula sebagai pemilih biasa, nama-nama mereka tidak akan wujud dalam daftar itu.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, SPR sedang mengkaji secara keseluruhan peraturan pendaftaran pemilih yang ada sekarang ini. Melalui kajian semula diharap segala kelemahan dan kaedah lama dapat diperbaiki dan diperbetul supaya pendaftaran pemilih yang akan datang dapat dilaksanakan dengan cara yang lebih teratur dan lebih cekap.

Isu seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah isu PKEN Perlis, Negeri Sembilan dan Melaka yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Untuk makluman Yang Berhormat, kegawatan ekonomi yang lalu telah memberikan satu pukulan yang teruk kepada semua pihak termasuk PKEN negeri-negeri dan PKEN Perlis, Negeri Sembilan dan Melaka adalah di antara yang terjejas lebih teruk daripada PKEN yang lain. Untuk tujuan itu, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, tambahan sebanyak RM167.8 juta di bawah Maksud B.29 ini adalah pinjaman yang akan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada PKEN negeri-negeri tersebut dalam usaha membantu mereka mengatasi masalah bayaran balik pinjaman bank dan defisit aliran tunai yang mereka hadapi.

Namun demikian, bantuan ini adalah dalam bentuk pinjaman yang bercagar. Sebagai contoh, pinjaman oleh Perlis RM41.0 juta, cagaran harta yang diletakkan ialah RM42.0 juta nilai semasa. Negeri Sembilan - pinjaman RM50 juta, jumlah saham sebagai cagaran adalah RM61,409,000. Melaka yang memohon pinjaman sebanyak RM76.75 juta, cagaran harta ialah RM124 juta. Ertinya bantuan ini ialah dalam bentuk yang bercagar dan sebagai memastikan bahawa pinjaman-pinjaman ini tidak hangus begitu sahaja.

Kerajaan perlu membantu PKEN ini kerana kerajaan masih menaruh harapan bahawa mereka masih boleh dicergaskan semula, lebih-lebih lagi dalam suasana ekonomi yang semakin rancak dan pulih dengan pesatnya ini agar matlamat kerajaan supaya PKEN ini dapat membantu menjana ekonomi di negeri masing-masing seperti matlamat asalnya akan dapat kita penuhi.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, beliau memohon supaya saya menggariskan ataupun mendedahkan hutang-hutang PKEN negeri-negeri, saya rasa sama ada saya perlu berbuat demikian Tuan Yang di-Pertua, kerana memakan masa yang agak panjang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa tidak payahlah.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tidak payah ya, saya akan berikan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara bertulis bolehlah.

**Tuan Hashim bin Ismail:** ...penjelasan ini secara bertulis kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Jadi, cadangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman supaya kerajaan mengkaji semula ataupun ada cadangan supaya kerajaan menutup terus PKEN-PKEN ini, maka saya rasa setakat ini cadangan itu tidak timbul kerana seperti yang saya sebutkan tadi kerajaan masih lagi menaruh harapan supaya PKEN-PKEN ini dapat terus menyumbangkan aktiviti-aktiviti dan untuk menjana ekonomi negeri masing-masing dan kita optimis bahawa dengan kerancakan ekonomi yang sedang berlaku sekarang ini dan dengan bantuan Kerajaan Persekutuan maka PKEN-PKEN ini akan dapat berdikari semula dan bernafas seperti sebelumnya dan insya-Allah, kita menaruh harapan yang tinggi mudah-mudahan PKEN-PKEN ini akan dapat memainkan peranan seperti matlamat asal penubuhan PKEN-PKEN ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya ialah tentang saudara-saudara kita Orang Asli. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga menyentuh tentang pendidikan bagi anak-anak Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan kita sentiasa mengambil berat tentang nasib dan kebajikan masyarakat Orang Asli khususnya anak-anak mereka di bidang pendidikan kerana kerajaan sedar martabat dan kedudukan Orang Asli dapat diangkat melalui kejayaan mereka di bidang pendidikan.

Dengan sebab itu peruntukan kewangan ini adalah untuk membantu mereka mendapatkan kelas-kelas bimbingan, kelas-kelas motivasi khususnya program '*Stay With The School*' itu supaya ini dapat merapatkan mereka dengan suasana sekolah dan supaya mereka mendapat pendidikan yang sempurna. Mudah-mudahan mereka akan dapat menjadi generasi Orang Asli yang berjaya kalau pun tidak berjaya seperti Yang Berhormat Datuk Long, tetapi sekurang-kurangnya mereka lebih baik daripada orang-orang tua mereka sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Chew Poh Thoi pula membangkitkan tentang masalah kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah sebenar di semua jenis sekolah rendah termasuk SRJKC bukanlah kerana tidak cukup guru tetapi kekurangan guru dalam opsyen mata pelajaran tertentu khususnya opsyen Bahasa Cina. Pelbagai langkah terus diambil iaitu dengan meningkatkan unjuran pengambilan guru opsyen untuk mata pelajaran tersebut.

Kementerian Pendidikan juga telah melonggarkan syarat bagi calon yang berminat. Masalahnya kementerian sukar mendapat calon yang mencukupi kerana ramai yang kurang berminat. Selain itu *walk-in interview* juga diadakan. Jadi, kalau Yang Berhormat ada calon-calon ataupun boleh kempen kepada calon-calon guru Bahasa Cina untuk mereka menyertai bidang perguruan ini dan sekali gus mengatasi masalah yang sedang kita hadapi iaitu masalah kekurangan guru-guru Cina di sekolah-sekolah SRJKC.

Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi juga dan Yang Berhormat Tuan Lim Eng Kok telah menimbulkan masalah kesesakan bilik darjah di sekolah-sekolah SRJKC. Masalah ini bukan hanya berlaku di SRJKC tetapi juga di semua jenis sekolah termasuk sekolah kebangsaan, khususnya sekolah di lokasi bandar-bandar besar yang padat penduduknya. Salah satu faktor ialah ibu bapa berminat menghantar anak-anak ke sekolah-sekolah tertentu walaupun terdapat sekolah-sekolah baru dibina. Walau bagaimanapun, masalah kesesakan bilik darjah akan cuba diatasi dengan pembinaan bilik-bilik darjah baru dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Yang Berhormat Puan Chew Poh Thoi juga menyentuh tentang tanah-tanah rizab untuk pendidikan di kawasan-kawasan perumahan dibina untuk pelbagai jenis sekolah. Dasar kerajaan dalam pembinaan sekolah-sekolah baru ialah keutamaan kepada sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan. Namun demikian, pembinaan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan terus dipertimbangkan berdasarkan kepada permintaan daripada masyarakat setempat.

Yang Berhormat juga menyentuh tentang memohon supaya Kementerian Pendidikan mengkaji balik beban tugas guru-guru yang telah terlalu banyak melakukan kerja-kerja *administrative* sehingga guru-guru tidak dapat memberi tumpuan yang sepenuhnya dalam proses pengajaran yang menyebabkan salah laku pelajar semakin bertambah. Untuk mengatasi masalah beban tugas guru yang semakin bertambah, Yang Berhormat, kementerian akan melantik lebih ramai lagi kakitangan sokongan khususnya dalam kerja-kerja perkeranian. Insya-Allah, dengan langkah ini akan dapat mengurangkan beban tugas guru-guru dan harapan kita mudah-mudahan mereka dapat memberikan tumpuan yang lebih untuk mendidik dan mendisiplinkan anak-anak kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu telah menyentuh tentang masalah ibu tunggal serta program-program supaya dapat membantu ibu-ibu tunggal dari segi mendidik anak-anak mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Wanita telah memperkenalkan program Ibu Tunggal Waja khususnya bagi membantu ibu-ibu tunggal. Program ini adalah bertujuan untuk memberi keupayaan kepada ibu-ibu tunggal melalui bidang-bidang ekonomi, undang-undang dan juga mereka diberikan motivasi supaya lebih gigih untuk menjalani hidup sebagai ibu. Selain daripada itu, program untuk pendidikan anak-anak ibu tunggal juga sering diadakan dari masa ke semasa. Selain daripada itu, Hawa sentiasa bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk mengadakan kursus-kursus keibubapaan khusus untuk ibu dan juga bapa bagi meningkatkan dan memberikan kemahiran keibubapaan kepada ibu-ibu tunggal ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu juga mencadangkan Kementerian Pendidikan menambah lagi sekolah menengah vokasional termasuk menyediakan pelbagai bidang pendidikan termasuk bidang seni. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun Sekolah Menengah Vokasional telah dinaiktarafkan kepada Sekolah Menengah Teknik (SMT), latihan aliran kemahiran masih lagi ditawarkan. Pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah atau tidak berminat untuk meneruskan pengajian di bidang akademik, digalakkan untuk meneruskan aliran tersebut yang memberi penekanan kepada kemahiran. Kementerian memang mempunyai rancangan untuk meluaskan pendidikan yang bercorak vokasional ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu juga mencadangkan Kementerian Pendidikan melibatkan komuniti setempat ataupun semalam disebutkan sebagai kemasyarakatan sekolah-sekolah. Kementerian Pendidikan memang mengalu-alukan dan menggalakkan penglibatan komuniti dalam memaju dan mengatasi masalah sekolah. Antaranya ialah memantapkan lagi peranan dan fungsi jawatankuasa pemuafakatan di peringkat negeri dan daerah supaya semua pihak turut sama membantu pihak sekolah menangani masalah-masalah dan anasir-anasir negatif di kalangan para pelajar kita.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu dan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri juga menyentuh tentang program keibubapaan untuk ibu tunggal di

bawah jabatan Hawa. Untuk membantu program Hawa bagi ibu-ibu tunggal seperti yang saya sebutkan tadi, program-program pembangunan keluarga dan aktiviti-aktiviti berbentuk pendidikan dan latihan juga diadakan oleh Hawa. LPPKN telah mengembangkan pakej modul kasih yang bertujuan memberi pengetahuan dan pendidikan keibubapaan yang memfokuskan kepada topik-topik isu kritikal semasa kini.

Pakej ini dibangunkan berasaskan kepada kitaran hidup keluarga, misalannya pakej modul kasih mengandungi lima modul –

- (i) Modul Pembangunan Remaja (Permata Kasih);
- (ii) Modul Keibubapaan/Anak Kecil (Belaian Kasih);
- (iii) Modul Persediaan Perkahwinan dan Pemantapan Keluarga (Bahtera Kasih);
- (iv) Modul Keibubapaan/Anak Remaja (Mutiara Kasih); dan
- (v) Modul Kebapaan (Pancaran Kasih).

Selain daripada modul tersebut, LPPKN juga telah menerbitkan beberapa buah buku berkaitan dengan pembangunan keluarga seperti Panduan Keibubapaan Anak Cemerlang, Buku Panduan Keibubapaan dan Remaja, Buku Nilai Murni Benteng Diri dan Buku Petua Keluarga atau *Family Tips* dan sebagainya. Maka, dengan usaha-usaha ini, insya-Allah, program ini akan dapat dilaksanakan secara berkesan dan memberi manfaat kepada sasaran kita.

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu dan Tuan Zainal bin Rampak juga ada menyentuh tentang sekolah-sekolah di luar bandar patut diberikan layanan yang sama dengan sekolah-sekolah di bandar. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak pernah membeza-bezakan layanan terhadap sekolah-sekolah luar bandar dengan sekolah bandar. Pembangunan dan peruntukan kepada sekolah-sekolah bukan berdasarkan lokasi sekolah tetapi lebih kepada keperluan. Pada masa ini terdapat juga sekolah-sekolah di bandar yang sudah tidak condusive lagi untuk pembelajaran disebabkan bangunan yang sudah lama dan tidak ada kawasan untuk meluaskan pembinaan fizikal. Adalah tidak adil untuk membandingkan sekolah-sekolah luar bandar dengan sekolah-sekolah bandar berasrama penuh.

Semalam juga Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak ada bertanya tentang komitmen Kementerian Kewangan dalam soal pendidikan. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi maksud membiayai program pendidikan dan menyediakan prasarana pendidikan berkualiti, sejumlah RM14.08 bilion bagi tahun 2000 iaitu sebanyak RM11.69 bilion bagi belanja mengurus dan RM2.39 bilion bagi belanja pembangunan diperuntukkan. Pada tahun 2000 sahaja, kerajaan akan melaksanakan persekolahan satu sesi dan bagi tujuan ini, langkah-langkah telah diambil untuk membina sebanyak 833 lagi buah sekolah yang terdiri daripada 371 buah sekolah baru dan 462 blok tambahan kepada sekolah-sekolah yang sedia ada dan 16,712 unit rumah guru di 558 lokasi akan dibina.

Untuk memperhebatkan program celik komputer bagi penuntut-penuntut di sekolah luar bandar selaras dengan era IT, kerajaan telah memperuntukkan satu kos bagi melaksanakan projek ini yang kesemuanya berjumlah RM8.8 bilion.

Jadi, Yang Berhormat yang disebutkan tadi kerajaan begitu komited dalam soal ini kerana kerajaan sentiasa sedar bahawa martabat sesuatu bangsa itu dapat kita angkat melalui program pendidikan dan kerana itulah maka komitmen kerajaan telah begitu serius berdasarkan kepada peruntukan yang telah saya sebutkan tadi diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan ini.

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri mencadangkan bahawa bantuan diberikan kepada sekolah-sekolah agama rakyat sama seperti bantuan yang diberikan kepada SRJK(C) dan sekolah jenis kebangsaan (Tamil). Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah agama rakyat (SAR) tidak termasuk dalam kategori sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan seperti dalam Akta Pendidikan 1996. Namun demikian, bantuan per kapita, bantuan buku teks dan bantuan pembangunan terus diberikan kepada sekolah-sekolah agama. Lebih-lebih lagi jikalau ada permohonan, permintaan daripada sekolah-sekolah tersebut maka kerajaan bersedia memberikan pertimbangan yang sewajarnya dan biasanya kerajaan tidak akan teragak-agak untuk memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri dan Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak juga mencadangkan Kementerian Pendidikan membina rumah-rumah guru di luar bandar dan juga kawasan bandar kerana kos sewa

rumah terlalu tinggi di kawasan-kawasan bandar. Untuk makluman kedua Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Ke-7 dan Rancangan Malaysia Ke-8, pembinaan rumah-rumah guru adalah menjadi keutamaan. Pembinaan rumah-rumah guru bukan sahaja tertumpu di kawasan luar bandar tetapi juga di kawasan bandar yang kos hidup lebih tinggi terutama sekali di kawasan-kawasan bandar besar. Sebagai contoh, untuk tempoh setahun ini Yang Berhormat, iaitu April 2000 hingga April 2001 sebanyak 1,900 unit rumah guru akan dilaksanakan dengan kos sebanyak RM190 juta dan dalam Rancangan Malaysia Ke-8, banyak lagi peruntukan akan dikeluarkan untuk membina rumah-rumah guru supaya guru-guru kita lebih selesa mengajar dan ini akan sekali gus mengangkat semangat mereka dan menaikkan semangat mereka untuk berkhidmat sama ada di bandar ataupun di luar bandar.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff meminta supaya program khas wanita dapat dimanfaatkan sebaiknya dan supaya dapat disediakan kaunseling kekeluargaan. Untuk makluman Yang Berhormat, program khas wanita adalah merupakan sejumlah peruntukan yang akan digunakan untuk menjalankan program-program mengikut bidang-bidang yang telah digariskan di dalam Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. Di antara bidang-bidang yang telah dikenal pasti termasuklah keusahawanan, perlindungan wanita, pembangunan keluarga, literasi undang-undang, penjagaan anak, keibubapaan, kesihatan, pendidikan dan lain-lain. Dan HAWA sememangnya menyedari pentingnya diadakan kaunseling kekeluargaan dan Jabatan Hal Ehwal Wanita dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita di setiap negeri telah menubuhkan pusat khidmat wanita di setiap negeri khusus untuk membantu wanita dan memberikan perkhidmatan kaunseling kepada wanita-wanita yang memerlukan khidmat kaunseling itu.

Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh membangkitkan isu tentang pelajar di luar negara yang menjalankan aktiviti menentang kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak kerajaan melalui Jabatan Penuntut Malaysia (MSD) berperanan memberikan maklumat sebenar apa yang berlaku di tanah air kepada pelajar di seberang laut dari semasa ke semasa. Sesi-sesi perjumpaan dan penerangan diberikan kepada

mereka agar mereka memahami keadaan yang sebenarnya dan tidak terpengaruh dengan hasutan-hasutan yang boleh menjejaskan taat setia kepada negara. Pelajar yang didapati menjatuhkan nama baik atau kepentingan negara, tindakan sewajarnya akan diambil berdasarkan kepada syarat-syarat biasiswa atau syarat-syarat pinjaman kepada mereka.

Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh juga mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan mengenakan syarat-syarat yang ketat dalam pemberian pinjaman PTPTN supaya mereka yang benar-benar layak sahaja yang akan diluluskan permohonan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat, tujuan pembiayaan pendidikan melalui pinjaman adalah bertujuan untuk memberi peluang lebih ramai kepada pelajar-pelajar melanjutkan pengajian di peringkat tinggi. Oleh yang demikian, kementerian tidak bercadang mengenakan syarat-syarat ketat. Ini berdasarkan kepada konsep pinjaman bahawa pelajar harus membayar kembali setelah mempunyai pendapatan agar dapat diwujudkan dana pusingan agar lebih ramai pelajar mendapat faedah dan manfaat daripada tabung pinjaman tersebut.

Yang Berhormat Tuan Haji Karim bin Salleh juga mencadangkan kerajaan menyediakan kemudahan komputer di sekolah-sekolah luar bandar termasuk prasarana dan kemudahan *Internet*. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan dengan usaha sama Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah merancang untuk menyediakan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi di semua 8,000 buah sekolah rendah dan menengah. Pada peringkat pertama sebanyak 1,500 sekolah akan dibekalkan dengan infrastruktur IT merangkumi makmal komputer termasuk sistem rangkaian komputer dan perkakasan sokongan.

Yang Berhormat Tuan Parasuraman memohon agar Kementerian Pendidikan memberi perhatian kepada sekolah-sekolah luar bandar terutama di kawasan ladang yang masih berkurangan kemudahan prasarana pendidikan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan menyediakan kemudahan pendidikan merupakan tanggungjawab sosial kerajaan. Adalah tidak adil menyatakan kerajaan sengaja meminggirkan sekolah-sekolah luar bandar khususnya di kawasan-kawasan ladang. Bekalan elektrik dapat dibekalkan di sekolah-sekolah sekiranya kawasan tersebut disediakan bekalan elektrik. Untuk tujuan tersebut Kementerian Pendidikan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi lain

khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menyediakan bekalan elektrik termasuk di kawasan-kawasan ladang.

Yang Berhormat Puan Hajah Melati binti Ali mencadangkan supaya wanita atau ibu tunggal diberikan latihan kemahiran bagi membantu ibu bapa tunggal dan berjaya dalam hidup. Untuk makluman Yang Berhormat, melalui panel ekonomi di bawah Program Ibu Tunggal Waja, ibu-ibu tunggal telah diberikan latihan kemahiran seperti membuat kek, membuat bunga himpit, potpourri, membuat bunga kering atau awet, bengkel-bengkel jahitan, membuat bakul rotan untuk eksport dan lain-lain. Selain memberikan latihan kemahiran Amanah Ikhtiar Malaysia telah memperkenalkan skim khas ibu tunggal bagi membantu wanita dan ibu tunggal yang ingin memulakan perniagaan mereka. Pinjaman yang disediakan adalah tanpa cagaran dan faedah. Ibu-ibu tunggal ini juga dibantu untuk memasarkan barangan mereka.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Melati Ali juga memohon Kementerian Pendidikan menyediakan sekurang-kurangnya seorang guru al-Qur'an dan Fardu Ain di setiap sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat pendidikan al-Qur'an dan Fardu Ain telah pun dimasukkan ke dalam kurikulum Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah. Sehubungan itu setakat ini sekolah-sekolah telah mempunyai guru Pendidikan Islam yang mencukupi untuk mengajar mata pelajaran-mata pelajaran tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Melati Ali juga menimbulkan isu tenaga pengajar bagi anak-anak cacat. Perkara ini diambil maklum oleh pihak Kementerian Pendidikan dan salah satu agenda Kementerian Pendidikan dalam alaf baru ini ialah untuk memberikan tumpuan kepada kanak-kanak cacat agar mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara kita.

Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman meminta Kementerian Pendidikan mengeluarkan satu laporan iaitu 'Laporan Tan Sri Musa' mengenai pendekatan terhadap pendidikan negara. Untuk makluman Yang Berhormat Dato', sistem pendidikan negara diakui sebagai antara yang terbaik di kalangan negara-negara membangun. Namun demikian dari masa ke semasa kementerian mengkaji semula dasar-dasar dan kurikulum agar selaras dengan keperluan semasa di samping memberikan

penekanan kepada sains dan teknologi, unsur-unsur agama dan moral juga diberikan penekanan untuk melahirkan generasi yang mempunyai jati diri yang kukuh serta mempunyai semangat patriotik yang kental supaya mereka menjadi generasi harapan negara kita.

Yang Berhormat Dato' Aziz juga menyentuh tentang isu mengenai kos pengajian IPTS yang tinggi berbanding IPTA, meminta kerajaan membuat audit yang rapi terhadap kos di IPTS. Untuk makluman Yang Berhormat Dato', IPTS tidak mendapat subsidi dan bantuan dari kerajaan seperti IPTA. Pihak pengusaha IPTS terpaksa mengeluarkan modal sendiri seperti menyediakan premis bangunan, kemudahan fizikal dan gaji tenaga pengajar dan perlu dijelaskan, pihak IPTS perlu memohon dan mendapat persetujuan dari pihak Kementerian Pendidikan sekiranya mahu menaikkan yuran dengan memberi sebab-sebab yang munasabah. Kenaikan yuran hanya boleh dipohon oleh IPTS selepas tiga tahun dari kadar bayaran yang terakhir. Kerajaan sentiasa memantau supaya IPTS tidak menaikkan yuran secara sewenang-wenang sebab ini adalah jaminan kerajaan Yang Berhormat Dato' dan seterusnya Yang Berhormat Dato' Aziz menyentuh tentang mengapa pinjaman pendidikan PTPTN tidak mengikut nisbah 60:40 - Sains dan Sastera. Pemberian pinjaman PTPTN tidak ada kena mengena dengan dasar 60:40 - Sains dan Sastera. Ianya lebih untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelajar melanjutkan pengajian di peringkat tinggi. Pada masa ini setiap pelajar yang mendapat tempat di IPTA, IPTS dan memenuhi syarat akan diberikan pinjaman. Ini adalah hasrat kerajaan untuk meramaikan lagi golongan yang berpendidikan tinggi di negara ini bagi membolehkan kita menuju ke Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negeri yang maju.

Yang Berhormat Dato' Aziz juga menyentuh tentang syarikat-syarikat kerajaan ada mempunyai *golden share* seperti MAS tidak mengemukakan laporan tahunan ke Dewan yang mulia ini. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' syarikat-syarikat kerajaan sama ada milikan penuh ataupun hanya memiliki satu saham khas ataupun kita panggil *golden share* itu dikehendaki mengemukakan laporan tahunan mereka kepada pemegang saham berdaftar sahaja selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965. Perkara

ini berbeza dengan badan-badan berkanun yang perlu mengemukakan laporan tahunannya ke Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman:** Sikit Tuan Yang di-Pertua, minta jelas sikit. Kalau sekiranya syarikat-syarikat ini ada kepentingan kerajaan di mana mohon izin, Kementerian Kewangan Incorporated misalnya, ini bererti kerajaan. Jadi saya hendak tanya, adakah pihak kementerian menerima laporan-laporan ini setiap tahun dan selepas menerimanya, adakah meneliti bagaimana kepentingan kerajaan dapat dijaga dan dipelihara oleh syarikat-syarikat ini.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Soalan Yang Berhormat tadi bahawa memang sebenarnya kerajaan sentiasa menerima laporan-laporan daripada syarikat tersebut kerana melalui laporan-laporan inilah kerajaan memantau syarikat-syarikat itu dan mengikuti prestasi syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Mazlan, Datuk Long Jidin menyentuh tentang masalah kemiskinan di kalangan Orang-orang Asli. Untuk makluman kedua Yang Berhormat, kerajaan memang sedar akan masalah kemiskinan yang membelenggu Orang-orang Asli. Kerajaan sedang berusaha untuk membantu mereka melalui projek-projek pembangunan ekonomi, pertanian dan peningkatan kemudahan asas. Sebagai contoh Yang Berhormat Dato', bagi menggalakkan mereka berniaga kerajaan telah membina sebanyak 137 unit bangunan kedai dengan kos lebih kurang RM10,000 se unit untuk membolehkan mereka menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Dan untuk menggalakkan Orang Asli menabung, mencarum dan menyimpan untuk tujuan ini, seramai 15422 orang ketua-ketua keluarga Orang Asli telah mendapat faedah daripada skim caruman ASB dan PPRT melibatkan jumlah caruman sebanyak RM77.1 juta dan tabung ataupun Akaun Amanah Orang Asli juga telah diwujudkan dan sekarang ini dalam proses untuk diperkemas.

Contoh yang lain, dalam usaha meningkatkan pembangunan sosial dan kualiti hidup mereka pula kini terdapat sebanyak 286 kampung telah mendapat bekalan elektrik luar bandar yang memberi faedah kepada 9586 keluarga Orang Asli ataupun 34% daripada jumlah keseluruhannya.

Dan contoh seterusnya bekalan air pula, 40% kampung telah menerima bekalan air bersih dan memberikan faedah kepada 8913 keluarga Orang Asli di seluruh negara dan ini merupakan contoh-contoh yang jelas menunjukkan bahawa kerajaan tidak mengabaikan nasib saudara-saudara kita, Orang-orang Asli malah sentiasa gigih memperjuangkan nasib mereka supaya kualiti hidup mereka akan meningkat dan mereka akan menjadi golongan yang maju sama majunya dengan golongan-golongan yang lain di negara kita ini.

Yang Berhormat Dato' Haji Mazlan Abu juga menyentuh tentang ketiadaan pakaian seragam dan kasut untuk pelajar-pelajar Orang Asli di kawasan Endau-Rompin. Untuk makluman Yang Berhormat Dato'... [*Melihat ke tempat duduk Yang Berhormat Dato' Haji Mazlan*] Dato' tidak ada di sini. Pada setiap tahun, Jabatan Orang Asli memang memperuntukkan untuk membeli pakaian seragam dan kasut kepada pelajar-pelajar. Walau bagaimanapun pihak jabatan akan menyiasat mengapa bekalan pakaian seragam ini tidak sampai ke kawasan Yang Berhormat Dato' maksudkan itu..

Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin juga ada memohon supaya diwujudkan satu jawatan JKK di kampung Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, usaha memang dibuat bagi mewujudkan JKKK di kampung-kampung Orang Asli. Pada masa ini sebanyak 32 JKKK telah berjaya ditubuhkan di perkampungan Orang Asli. Jabatan akan terus mengembangkan JKKK ini ke kampung-kampung lain selaras dengan hasrat jabatan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin Orang Asli yang berjaya.

Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin juga menyentuh tentang adakah kajian keberkesanan terhadap program '*Stay With The School*'. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, pihak KPNPN dan JHEOA memang menyediakan kajian keberkesanan program ini untuk memantau kejayaannya. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, sebagai permulaan program ini akan dijalankan di enam buah sekolah sebagai projek perintis selama lima tahun. Sekiranya projek ini membawa kesan positif maka program atau projek ini akan diperluaskan ke semua sekolah Orang-orang Asli.

Yang Berhormat Dato' Tee Tiong Hock menyentuh tentang Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa, Jabatan Perdana Menteri memiliki facility

penterjemahan segera. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, Bahagian Istiadat Jabatan Perdana Menteri memang memiliki facility tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Perbendaharaan telah menetapkan dasar bahawa jabatan kerajaan boleh menggunakan facility tersebut dengan percuma sementara badan-badan bukan kerajaan atau NGO boleh menggunakan facility tersebut dengan dikenakan sewa.

Yang Berhormat Datuk T. Marimuthu menyentuh tentang kajian mengenai faktor-faktor yang menyebabkan keciciran pelajar-pelajar Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, pihak kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah pun menjalankan kajian berhubung faktor-faktor keciciran pelajar-pelajar Orang Asli. Di samping masalah kemiskinan. Faktor-faktor lain yang dikenal pasti ialah takut dimarahi guru, mengikut keluarga bekerja dan mudah jemu terhadap pelajaran. Oleh yang demikian satu program '*Stay With The School*' telah dirancang untuk menarik minat pelajar-pelajar Orang Asli untuk ke sekolah.

Yang Berhormat Datuk T. Marimuthu juga ada menggesa supaya kemahiran dan pengetahuan wanita perlu dipertingkatkan supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam pembangunan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Wanita dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan atau NGOs mengendalikan kursus-kursus kemahiran bagi wanita seperti kursus pemasangan komputer, bengkel mekanik, jahitan dan latihan-latihan vokasional dan lain-lain.

Datuk Dr. T. Marimuthu juga menyentuh supaya Kementerian Pendidikan memberikan perhatian yang lebih kepada pelajar-pelajar yang lemah akademik bagi mengurangkan berlakunya masalah disiplin di sekolah-sekolah. Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada memberi bimbingan dan kaunseling terhadap pelajar-pelajar yang bermasalah, Kementerian Pendidikan juga memulakan program sekolah kerjaya. Tujuannya agar pelajar-pelajar yang lemah pencapaian akademik dan tidak begitu berminat untuk belajar didedahkan dengan alam pekerjaan. Di samping itu, kelas-kelas pemulihan bagi pelajar-pelajar yang lemah ini juga diadakan dan ini menunjukkan pelajar-pelajar lemah juga tidak diabaikan oleh kerajaan.

Datuk Dr. T. Marimuthu juga menyentuh supaya disemak semula kurikulum pendidikan guru, masukkan unsur-unsur *sociology* dan *social psychology* dan

sebagainya. Kurikulum pendidikan guru memang disemak dari masa ke semasa untuk disesuaikan kepada keperluan semasa. Selain daripada aspek pedagogi dan latihan mengajar berdasarkan opsyen, unsur-unsur *sociology* dan *psychology* pendidikan juga diterapkan dalam pendidikan itu.

Yang Berhormat Datuk T. Marimuthu juga menyentuh tentang kepentingan pembangunan keluarga untuk mengurangkan penyakit sosial yang melanda masyarakat. Proses perubahan sosial ekonomi dan demografi yang sedang berlaku dengan pesat di Malaysia telah mempengaruhi corak pembentukan keluarga dan cara hidup keluarga. Pihak LPPKN sebagai agensi pelaksana program pembangunan keluarga memberikan perhatian dan keprihatinan kepada usaha-usaha memperkukuhkan institusi keluarga.

LPPKN banyak menumpukan kepada program aktiviti seperti program Hari Keluarga Kebangsaan dan kempen Keluarga Bahagia tahun 1999, latihan dan pendidikan kepada masyarakat mengenai penerapan nilai-nilai murni, kemahiran keibubapaan, membangunkan modul-modul pembangunan keluarga dan keibubapaan, pelbagai penerbitan seperti buku-buku yang telah saya sebutkan tadi. Kesemuanya itu adalah untuk memastikan bahawa program keibubapaan dapat dilaksanakan secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani memohon supaya kerajaan menukar pinjaman kepada biasiswa sekiranya pelajar-pelajar tersebut menunjukkan prestasi cemerlang. Untuk makluman Yang Berhormat, pembiayaan pendidikan melalui biasiswa masih diwujudkan walaupun Tabung Pinjaman Pendidikan Nasional ditubuhkan. Biasiswa diberikan kepada pelajar-pelajar cemerlang dan mengikuti kursus-kursus pengajian kritikal sama ada oleh kerajaan, agensi-agensi kerajaan atau pihak swasta. Tujuan pinjaman ialah agar kerajaan dapat mewujudkan dana pusingan dan dengan itu lebih ramai lagi pelajar-pelajar akan berpeluang mendapatkan pembiayaan pendidikan tinggi mereka.

Yang Berhormat Tuan Haji Karim Ghani juga menimbulkan isu memudahkan kelulusan pinjaman pendidikan PTPTN bagi pelajar di Sabah dan Sarawak. Pada masa ini PTPTN telah mempercepatkan pembayaran pinjaman iaitu dua minggu selepas pelajar-pelajar mendaftar dan dimasukkan terus ke akaun pelajar kita. Sebelum itu,

seminggu sebelum pelajar mendaftar, mereka diberikan wang pendahuluan sebanyak RM1,000 sehingga RM1,500.

Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani mencadangkan supaya Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Sabah dipaste out supaya anggapan bahawa kehadiran kedua-dua pejabat berkenaan sebagai kolonial.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Sabah adalah sebuah pejabat untuk menyelaraskan fungsi dan tugas jabatan, agensi Persekutuan di kedua-dua negeri khususnya, sekiranya ada kaitan dengan dasar-dasar kerajaan.

Di samping itu, kedua-dua pejabat merupakan pejabat *liaison*, perhubungan di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri-negeri tersebut, bukannya merupakan sebagai satu unsur kolonial dalam hubungan kedua-dua pihak ini. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan kerja-kerja Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani juga menyentuh tentang memohon penjelasan sama ada pelajar-pelajar cemerlang dibenarkan membuat pilihan sendiri, bidang yang akan diikuti di IPT atau ditentukan oleh Kementerian Pendidikan. Untuk makluman Yang Berhormat, pelajar yang cemerlang mempunyai banyak pilihan untuk mengikuti kursus-kursus yang diminati. Biasanya pihak penaja memberi pilihan kepada pelajar-pelajar untuk menentukan kursus-kursus yang akan diikuti.

Kerajaan dan agensi-agensi kerajaan masih menghantar – ini mengenai soalan kedua Yang Berhormat ialah adakah pelajar-pelajar tersebut nanti, berpeluang untuk dihantar ke luar negara. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan dan agensi-agensi kerajaan masih menghantar pelajar ke luar negara dalam bidang-bidang kritikal serta tidak ditawarkan di universiti-universiti tempatan. Antaranya pelajar dihantar mengikuti ke universiti-universiti terkemuka iaitu *American top universities* dan *British top universities*.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani juga memohon penjelasan sejauh manakah unjuran tenaga pakar dilaksanakan oleh Kementerian

Pendidikan. Untuk makluman Yang Berhormat, menubuhkan fakulti baru dalam bidang-bidang kritikal seperti perubatan, dahulu hanya di Universiti Malaya tetapi kemudian di UKM, USM, UPM, UIA dan UNIMAS. Kerajaan juga menggalakkan IPTS menawarkan kursus-kursus yang mendapat permintaan yang tinggi dalam pasaran pekerjaan. Yang ketiga, mendapatkan pandangan dari pihak swasta tentang bidang-bidang yang diperlukan sebelum membuka sesuatu fakulti baru.

Yang Berhormat Datuk Tee Thiong Hock menanyakan sebab-sebab mengapa SPR memerlukan peruntukan tambahan yang begitu tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk dan Dewan yang mulia ini, SPR telah diluluskan peruntukan sebanyak RM65.49 juta untuk menjalankan Pilihan Raya Nasional Ke-10 pada 29 November yang lalu. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM31.96 juta telah diperuntukkan dan dibelanjakan pada tahun yang lalu. Apabila semua perbelanjaan berhubung dengan pilihan raya yang lalu telah dimuktamadkan pada akhir tahun 1999 yang lalu, kita dapati semuanya berjumlah RM60.95 juta. Oleh kerana RM31.96 juta telah diluluskan dan dibelanjakan, maka peruntukan tambahan sebanyak RM28.99 juta pada tahun ini diperlukan untuk menjelaskan perbelanjaan-perbelanjaan tersebut.

Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak memohon kerajaan mengkaji semula tangga gaji guru supaya lebih ramai berminat untuk menyertai profesion ini. Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi gaji guru adalah setara dengan gaji kakitangan pegawai kerajaan yang lain. Kurang minat kaum lelaki untuk menjadi guru kemungkinan disebabkan oleh cabaran-cabaran masa kini dan peluang pekerjaan lain khususnya di sektor swasta. Kerajaan telah pun menaikkan skim gaji guru yang berkelulusan Sijil Perguruan kepada Diploma Perguruan Malaysia. Ertinya, gaji guru-guru setara dengan pegawai-pegawai yang lain, oleh itu kerajaan pada masa ini merasakan kedudukan gaji guru-guru ini adalah wajar.

Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak juga memohon Kementerian Pendidikan memberi perhatian kepada sekolah-sekolah luar bandar yang serba kekurangan, termasuk dari aspek infrastruktur, prasarana, pendidikan dan kekurangan guru terlatih. Sebahagian daripada soalan ini telah pun saya jawab sebelum ini tetapi kerajaan juga memberikan kemudahan yang sama di antara sekolah bandar dengan luar

bandar, namun demikian sesetengah sekolah di kawasan bandar bernasib baik kerana mendapat sumbangan dari komuniti setempat, khususnya di sekolah-sekolah di kawasan penduduk yang sosioekonominya tinggi dan sederhana serta berpendidikan tinggi.

Yang Berhormat Datuk Tee Thiong Hock dan Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim ada menyentuh tentang memohon Kementerian Pendidikan menjaga kebajikan guru-guru bagi meningkatkan prestasi kerja guru dan lebih bermotivasi dalam melaksanakan tugas mereka. Untuk makluman kedua-dua Yang Berhormat, sebagai pegawai kerajaan, guru juga mendapat kemudahan pinjaman kereta, hanya kadang-kadang mengambil masa kerana wang yang diperuntukkan terhad dan yang memohon agak begitu ramai.

Kerajaan juga telah mewujudkan peluang kenaikan pangkat, 'time base' dan juga kategori guru cemerlang. Kerajaan juga menyediakan kemudahan-kemudahan rumah guru sama ada di bandar ataupun di luar bandar secara berperingkat-peringkat. Ini sudah pun saya jelaskan sebelum ini.

Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli mencadangkan kolej komuniti dipromosikan secara positif, bukan dengan memberikan fokus kepada pelajar-pelajar yang lemah. Penubuhan kolej komuniti merupakan satu lagi alternatif bagi pelajar melanjutkan pengajian selain IPTA dan IPTS. Ini tidak bermaksud kolej komuniti untuk pelajar yang lemah akademik atau sudah tidak diterima oleh mana-mana IPT. Dengan adanya kolej komuniti, pelajar yang tidak berminat kepada akademik boleh memilih dalam bidang yang lebih menjurus kepada kemahiran bagi penyediaan ke arah kerjaya.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, masalah disiplin di sekolah-sekolah juga banyak disentuh oleh Ahli Yang Berhormat, boleh dikatakan hampir kesemua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini menyentuh soal disiplin. Seperti yang sering diperbahaskan bahawa masalah disiplin walaupun agak serius dan kritikal tetapi seperti yang kita dimaklumkan salah laku itu hanya berlaku di kalangan kurang daripada 1% jumlah pelajar-pelajar di seluruh negara.

Namun demikian, kerajaan tidak mengambil ini sebagai suatu yang remeh, kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang serius kepada soal disiplin dan mudah-

mudahan kerjasama dari semua pihak, ibu bapa, guru-guru, masyarakat, pemimpin-pemimpin politik, kita menyemaikan rasa mesra, rasa lembut hati, lunak hati, di kalangan masyarakat, di kalangan masyarakat pelajar dan kita kurangkan budaya membenci di antara satu dengan yang lain, insya-Allah, kita akan dapat membentuk satu generasi yang berakhlak, berbudi pekerti yang sentiasa berkasih-kasih di antara satu dengan yang lain dan berdisiplin. Mudah-mudahan kerjasama semua pihak ini, insya-Allah, masalah disiplin ini akan dapat kita atasi dan kita tangani.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menamatkan penggulungan ini dan mana-mana perbahasan yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak dapat saya sentuh secara terperinci, secara khusus saya mohon maaf dan perkara-perkara ini dicatat oleh para pegawai kita yang mewakili kementerian masing-masing dan akan diberikan perhatian oleh pihak kerajaan dan akan diambil tindakan sewajarnya. Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Tiada perbahasan]*

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PENGURUSAN DANAHARTA NASIONAL BERHAD (PINDAAN) 2000**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.15 pagi.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad atau Danaharta telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 20 Jun 1998. Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 (Akta Danaharta) yang mula berkuatkuasa pada 1 September 1998 memperuntukkan undang-undang khas bagi pemerolehan, pengurusan pembiayaan dan pelupusan aset dan tanggungan oleh Danaharta. Danaharta ditubuhkan dengan dua objektif utama iaitu untuk mengalihkan pinjaman tidak berbayar *non-performing loans* (NPL) daripada institusi-institusi kewangan dan mendapatkan nilai-nilai pemulihan semaksimum mungkin daripada NPL yang diperolehi.

Pindaan yang dicadangkan adalah bertujuan untuk membolehkan Danaharta untuk terus beroperasi secara efisien di dalam mencapai objektif penubuhannya. Di samping itu, ianya akan membenarkan Danaharta melaksanakan pemerolehan pengurusan dan pelupusan aset secara tepat, cekap dan berhemah. Pindaan Akta Danaharta juga adalah perlu untuk menjelaskan dengan lebih lanjut beberapa peruntukan akta itu dan juga untuk menyelesaikan masalah-masalah praktikal berkenaan dengan Akta Danaharta yang telah hadapi sepanjang tahun pertama Danaharta beroperasi.

Pindaan-pindaan penting yang dicadangkan adalah seperti berikut:

(i) **Proses Perletakhakkan - Pindaan kepada seksyen 14(8), 14A, 19 dan 19(a)**

Akta Danaharta tidak mengandungi peruntukkan tentang pengeluaran sebarang perakuan, perletakhakkan, gantian, pindaan yang dicadangkan akan menjelaskan bahawa Danaharta mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perakuan gantian untuk perletakhakkan dan pindah milik seksyen-seksyen 14(A) dan 19(A) dan menjelaskan jangka masa untuk mengeluarkan perakuan peletakhakkan dan perakuan pindah milik seksyen-seksyen 14(8) dan 19(5). Perakuan peletakkan gantian contohnya akan dikeluarkan jika sekiranya terdapat perubahan kepada butir-butir dokumen cagaran.

(ii) **Pendedahan Maklumat ‘(disclosure) - Pendedahan kepada seksyen 20.**

Akta Danaharta mengandungi peruntukan yang membenarkan pendedahan maklumat berhubung dengan perolehan dan pelupusan NPL. Pindaan kepada Akta Danaharta akan membenarkan pendedahan maklumat dibuat contohnya bagi tujuan pengurusan pinjaman. Bagaimanapun, pendedahan maklumat yang dibenarkan tidak bermakna maklumat yang telah didedahkan boleh dianggap sebagai satu maklumat awam. Pindaan ini adalah perlu untuk menarik minat pihak-pihak yang berpotensi sebagai pelabur atau penyelamat korporat ‘*the white knight*’, dengan izin, untuk memulihkan perniagaan berdaya maju.

(iii) **Jawatankuasa Selia – Pindaan kepada Seksyen 22.**

Fungsi Jawatankuasa Selia akan diperluaskan dengan memasukkan fungsi memberi kelulusan untuk penamatan moratorium dan pentadbiran khas apabila skim penyusunan semula diselesaikan. Selanjutnya, pindaan akan menjelaskan bahawa sebarang keputusan Jawatankuasa Selia adalah muktamad dan tidak terjejas oleh keperluan prosedur. Pengesahan daripada Setiausaha Jawatankuasa Selia mengenai sebarang keputusan Jawatankuasa Selia adalah bukti yang muktamad.

(iv) **Pelantikan Pentadbir Khas – Pindaan kepada Seksyen-seksyen 21 (Takrif), 25(a) dan 28.**

Melalui pindaan yang dicadangkan, Danaharta akan mempunyai kuasa untuk melantik Pentadbiran Khas ke atas:

- (a) sebarang penghutang dan anak syarikatnya;
- (b) sebarang syarikat yang telah memberikan cagaran kepada Danaharta;

- (c) sebarang syarikat yang mana sekurang-kurangnya 2% daripada modal sahamnya telah dicagarkan kepada Danaharta iaitu mengikut Seksyen 21; dan
- (d) pindaan ini mengambil kira cagaran yang diberikan oleh pihak ketiga serta syarikat-syarikat di dalam satu kumpulan yang sering beroperasi sebagai satu unit ekonomi. Pindaan ini adalah perlu kerana di dalam keadaan tertentu, Danaharta mungkin perlu melantik Pentadbir Khas untuk mengekalkan nilai cagaran yang dipegang. Pindaan ini juga memperuntukkan bahawa Danaharta mempunyai kuasa untuk melantik Pentadbir Khas tambahan atau menggantikan Pentadbir Khas mengikut Seksyen 25(a). Pindaan juga menjelaskan bahawa pentadbir yang terjejas akan berterusan jika Pentadbir Khas tambahan atau gantian dilantik (Seksyen 28).
- (v) **Fungsi-fungsi Pentadbir Khas – Pindaan kepada Seksyen-seksyen 33, 36, 37 dan 39(a).**

Pindaan kepada seksyen-seksyen ini bertujuan memastikan Pentadbir Khas boleh melaksanakan tugasnya dengan sempurna dan secepat mungkin. Pindaan kepada Seksyen 33, 37 dan 39(a) bertujuan mencegah sesiapa pun daripada menjalankan fungsi sebagai pegawai orang terjejas tanpa kebenaran Pentadbir Khas, memberi maklumat palsu kepada Pentadbir Khas atau menghalang Pentadbir Khas menjalankan tugas.

Pindaan kepada Seksyen 36 membenarkan Pentadbir Khas menghendaki pekerja dan pengarah orang terjejas termasuk pengarah bayangan (*shadow directors*) membantu Pentadbiran Khas dan memberi maklumat mengenai hal-ehwal orang yang terjejas.

(vi) **Pemiutang Bercagar – Pindaan kepada Seksyen 21 (Takrif)**

Pindaan kepada Akta Danaharta akan menjelaskan secara terperinci pihak-pihak yang layak dikelaskan sebagai pemiutang bercagar untuk tujuan akta tersebut. Secara ringkasnya, pihak-pihak tersebut adalah pemiutang yang memegang aset ketara seperti tanah, saham dan simpanan tetap.

(vii) **Moratorium – Pindaan kepada Seksyen 41 (Takrif)**

Menurut Akta Danaharta, selepas pelantikan Pentadbir Khas, suatu moratorium akan berkuat kuasa untuk tempoh 12 bulan. Pindaan akan membenarkan Jawatankuasa Selia untuk meluluskan penamatan awal tempoh moratorium tersebut setelah penyusunan semula diselesaikan. Pindaan juga bertujuan menjadikan pelanggaran sesuatu moratorium sebagai satu kesalahan.

(viii) **Cadangan penyelesaian (*workout proposal*) - pindaan kepada Seksyen-seksyen 44, 46, 47, 48 dan 49.**

Pindaan kepada Seksyen 44 akan menjelaskan cadangan penyelesaian boleh termasuk apa-apa peruntukan yang difikirkan wajar oleh Pentadbir Khas. Pindaan juga akan menjelaskan bahawa Danaharta boleh meluluskan cadangan penyelesaian dan pengubahsuaian di mana tidak ada pemiutang bercagar dan menjelaskan kesan mengikat (*binding effect*), cadangan penyelesaian dan pengubahsuaian yang diluluskan (Seksyen-seksyen 46, 47, 48 dan 49). Ianya juga akan menjelaskan bahawa sebarang cagar yang sedia ada adalah dikekalkan kesahannya [(Seksyen 46(5A))].

(ix) **Pelupusan aset melalui Triti Persendirian – Pindaan kepada Seksyen 57.**

Pindaan kepada seksyen 57 akan menjelaskan bahawa:

- (a) cara penjualan melalui triti persendirian termasuk kontrak persendirian, lelong dan tender;

- (b) Danaharta dibenarkan untuk menawar dan memperoleh sebarang aset yang dilupuskan dan seterusnya mengurangkan tanggungan yang terhutang kepadanya; dan
  - (c) Danaharta dibenarkan mengambil tindakan sewajarnya untuk memelihara nilai aset dan memudahkan penjualan melalui triti persendirian. Peruntukan ini bertujuan untuk mengatasi masalah praktikal berkenaan dengan perbuatan laku musnah (*acts of vandalism*) dan kerosakan niat jahat (*malicious damage*) dan juga membolehkan pemeriksaan tapak diadakan untuk membantu mendapatkan nilai pemulihan yang tertinggi.
- (x) **Injunksi - Seksyen 72 yang baru.**  
Seksyen 72 yang baru menghalang injunksi mandatori dan prohibitori dikeluarkan terhadap Danaharta, Jawatankuasa Selia, Pentadbiran Khas atau Penasihat Bebas. Ini membolehkan Danaharta melaksanakan tanggungjawabnya tanpa dibebani oleh tindakan litigasi yang remeh dan memakan masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Datuk Nor Azah.

**4.28 ptg.**

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Izinkan saya turut serta dalam perbahasan menyokong Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000 ini.

Pertama sekali, saya menyokong usaha kerajaan untuk membuat beberapa pindaan kepada Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang bertujuan untuk menjelaskan dengan lebih lanjut beberapa peruntukan Akta Danaharta tersebut dan juga untuk menyelesaikan masalah-masalah praktikal yang telah dihadapi oleh Danaharta sejak penubuhannya pada tahun 1998. Danaharta ditubuhkan pada tahun 1998 sebagai syarikat pengurusan aset nasional. Ada dua matlamat penubuhannya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Pertama, untuk mengalihkan pinjaman tidak berbayar atau *non performing loans* (NPL), dengan izin, dari sistem perbankan di Malaysia kerana pada waktu negara sedang dilanda krisis kewangan, bank-bank kita terjejas teruk akibat kadar NPL yang melambung. Sekiranya masalah NPL itu tidak ditangani segera, maka besar kemungkinan sistem perbankan kita akan runtuh, seterusnya menghancurkan ekonomi negara.

Yang kedua, untuk mendapatkan nilai pemulihan tertinggi daripada NPL yang diambil alih, adalah tidak memadai sekiranya Danaharta hanya mengambil alih NPL tetapi tidak pula mengambil sebarang langkah mengutip balik pinjaman tersebut. Pada masa yang sama, harus kita akui bahawa agar matlamat kedua ini dapat dicapai Danaharta perlu diberi beberapa kuasa tambahan untuk menjamin bahawa ia mampu menjalankan tugas dengan berkesan, bukannya untuk disalahgunakan atau menafikan hak mana-mana.

Oleh yang demikian, perbahasan tentang pindaan kepada Akta Danaharta ini perlu mengambil kira kedua-dua matlamat tersebut, bukannya sekadar memilih satu dua fasal pindaan tanpa melihat gambaran keseluruhan berkenaan matlamat, tugas dan pencapaian Danaharta. Danaharta yang ditubuhkan atas Akta Danaharta 1998 digubal sebagai satu tindakan segera mencegah krisis daripada membinasakan ekonomi negara. Akta Danaharta membolehkan Danaharta mengambil alih NPL daripada bank-bank

dengan pantas, seterusnya menguruskan NPL tersebut. Danaharta diberi kuasa melantik pentadbir khas ke atas peminjam sekiranya memenuhi kriteria pelantikan di bawah Akta Danaharta serta menerima kelulusan jawatankuasa selia. Pentadbir khas akan mengkaji apakah jalan terbaik bagi menyelesaikan beban NPL peminjam agar Danaharta dapat mengutip balik pinjaman tersebut sebanyak mungkin.

Berbekalkan kuasa-kuasa tersebut, Danaharta telah berjaya mengambil alih NPL bernilai lebih RM45 bilion dalam tempoh 18 bulan dan kini sedang menumpukan perhatian kepada usaha pengurusan NPL tersebut. Kesannya NPL dalam sistem perbankan kita sudah menurun dan bank-bank telah cergas kembali dalam memberi pinjaman. Ini semua menjana pertumbuhan ekonomi negara selepas krisis. Bagaimanapun adalah wajar kita memahami bahawa bagi Danaharta menguruskan NPL tidaklah semudah mengambil alih NPL tersebut daripada bank-bank. Selepas dua tahun beroperasi, mungkin didapati bahawa beberapa bahagian dan peruntukan dalam Akta Danaharta perlu dikemaskinikan agar tidak menjejaskan kelancaran operasi sementara memelihara atau mengekalkan nilai aset yang menjadi cagaran kepada sesuatu NPL.

Sebagai contoh, Seksyen 57(1)(b) rang undang-undang pindaan ini menjelaskan bahawa Danaharta boleh mengambil langkah-langkah wajar bagi mengekalkan nilai hartanah, cagaran serta memudahkan penjualan hartanah termasuk melindungi dan mengawal hartanah cagaran daripada perbuatan khianat. Telah diketahui umum bahawa sekiranya sesuatu NPL benar-benar tidak dapat dipulihkan, antara langkah yang boleh diambil oleh Danaharta ialah secara menghalang tebus, dengan izin, *foreclosure*, hartanah yang menjadi cagaran NPL itu. Hartanah itu seterusnya akan ditawarkan untuk dijual kepada awam dan hasil kutipan jualan itu akan digunakan untuk membayar balik pinjaman yang tertunggak kepada Danaharta.

Semasa Danaharta menghalang tebus, dengan izin, *foreclose* dan menjual hartanah tersebut, Danaharta hanya menguat kuasanya sebagai pemegang gadaian, dengan izin, *chargee* ke atas hartanah tersebut. Danaharta bukan pemilik hartanah. Keadaan ini sama seperti apabila sesebuah bank menghalang tebus hartanah cagaran. Oleh yang demikian, Danaharta tidak mempunyai kuasa untuk memasuki hartanah atau membuat sebarang kerja baik-pulih ke atas hartanah.

Adalah dikhuatiri bahawa selepas sesebuah hartanah itu dihalang tebus akan ada pihak yang melakukan kerja-kerja pemusnahan, dengan izin, *vandalism* atau merosakkan hartanah tersebut semata-mata untuk melepas geram terhadap Danaharta. Jika ini berlaku maka nilai pasaran hartanah itu akan merosot dan peluang Danaharta untuk mendapatkan nilai pemulihan yang tinggi daripada NPL akan turut terjejas. Ini akan turut menjejaskan kita semua sebagai pembayar cukai.

Operasi Danaharta dibiayai oleh kerajaan menggunakan dana pembayar-pembayar cukai. Bagi memastikan para pembayar cukai tidak menanggung beban kos yang tinggi Danaharta akan sentiasa dan harus sentiasa memastikan sebarang penyelesaian NPL termasuk melalui penjualan hartanah yang dihalang tebus memberikan nilai pemulihan yang terbaik.

Usaha memelihara nilai cagaran pinjaman ini turut dicerminkan dalam pindaan seksyen 21(1) yang menjelaskan bahawa Danaharta boleh melantik Pentadbir Khas ke atas:

- (i) syarikat yang menjadi peminjam;
- (ii) mana-mana subsidiari peminjam;
- (iii) mana-mana syarikat yang telah memberi cagaran kepada Danaharta; dan
- (iv) mana-mana syarikat yang mana sekurang-kurangnya 2% daripada modal syernya telah dicagarkan kepada Danaharta.

Kita sedia maklum bahawa syarikat-syarikat dalam kumpulan sesuatu syarikat yang sama selalunya beroperasi sebagai satu unit ekonomi atau unit perniagaan yang dipanggil, dengan izin, SBU (Strategic Business Unit). Oleh yang demikian, dengan melantik pentadbir ke atas syarikat-syarikat tersebut, Danaharta dapat mencegah sebarang usaha menyusutkan nilai cagaran seperti penjualan aset atau tindakan khianat.

Perlu juga diingatkan bahawa pindaan ini tidak bermakna bahawa Danaharta boleh melantik Pentadbir Khas dengan sewenang-wenangnya. Dalam melantik Pentadbir Khas, Danaharta haruslah memenuhi kriteria-kriteria pelantikan seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 25 Akta Danaharta 1998. Pelantikan tersebut mestilah berguna bagi kepentingan awam dan pihak peminjam dan dapat memastikan peminjam atau aset

peminjam dapat terus wujud sebagai usaha berterusan, dengan izin, *on-going entity*, atau aset syarikat boleh direalisasikan dengan lebih berfaedah berbanding dengan penggulungan syarikat.

Seterusnya, Danaharta mesti mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Selia yang bebas. Dalam setengah-setengah keadaan, Pentadbir Khas mungkin akan menawarkan perniagaan syarikat peminjam untuk dijual. Rang undang-undang pindaan ini mengambil kira hakikat bahawa pelabur-pelabur yang berpotensi memerlukan maklumat yang mencukupi tentang sesuatu perniagaan sebelum menawarkan harga.

Pindaan kepada seksyen 20 Akta Danaharta membolehkan maklumat sedemikian didedahkan bagi tujuan pengurusan dan pelupusan aset. Ini juga merupakan satu usaha pemuliharaan nilai aset di bawah portfolio Danaharta. Sementara itu kuasa-kuasa baru yang diberikan kepada Danaharta adalah demi memastikan usaha Danaharta tidak dihalang oleh litigasi yang remeh dan bersifat mengganggu semata-mata.

Contohnya, seksyen 72 yang menghalang apa-apa injuksi daripada dikeluarkan terhadap Danaharta, Jawatankuasa Selia, Pentadbir Khas dan Penasihat Bebas perlu dilihat dari konteks bahawa Danaharta perlu diberi peluang menyelesaikan tugas mereka secepat mungkin. Tindakan undang-undang yang berlarutan hanya akan melengahkan usaha Danaharta menyelesaikan masalah NPL serta akan menambah beban kos pemulihan yang ditanggung oleh pembayar-pembayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, sementara diakui bahawa kebanyakan pindaan yang dikemukakan adalah semata-mata untuk membantu Danaharta mencapai matlamat-matlamatnya dengan lebih pantas, lebih berkesan, pihak kerajaan harus juga berwaspada supaya Danaharta tidak dijadikan sebuah badan yang bukan di luar kawalan undang-undang seperti digembar-gemburkan oleh pihak-pihak tertentu. Jelas Danaharta memerlukan kuasa meluas kerana matlamat mereka berupa kepentingan nasional, dengan izin, *national interest* tetapi dengan kuasa sebegitu ia harus diselaraskan juga dengan pertanggungjawaban, dengan izin, *accountability*.

Jika kita meneliti perkara mengenai pelantikan dan kuasa-kuasa Pentadbir Khas, pelantikan mereka bertujuan mengekalkan aset-aset syarikat peminjam serta memberikan

peluang untuk menyediakan cadangan penyelesaian atau penyusunan semula, dengan izin, *corporate restructuring* bagi peminjam-peminjam tersebut.

Sementara langkah ini dialu-alukan, tidak dapat dinafikan juga bahawa ada kalanya prestasi pentadbiran Pentadbir Khas ini kurang memuaskan seperti rungutan-rungutan yang saya dengar di kalangan sektor perniagaan kerana mereka menguruskan syarikat yang terjejas tersebut secara sambilan. Dengan itu, dalam tanggungjawab yang diamanahkan untuk mengekalkan dan melindungi nilai sesuatu syarikat, ada kalanya syarikat tersebut akan mengalami susutan nilai apabila sampai ketika sesuatu cadangan penyusunan semula atau cadangan penyelesaian dapat dilaksanakan.

Pengalaman menunjukkan bahawa selalunya situasi ini berlaku dengan firma-firma Pentadbir Khas yang kecil, yang tidak lengkap dengan kakitangan yang cukup dari segi bilangannya dan kadangkala kepincangan kemahiran dalam sesuatu industri. Dalam konteks ini terdapat beberapa pindaan yang mengandungi mekanisme, kawalan danimbangan, dengan izin, *check and balance*, agar kuasa-kuasa yang dimiliki oleh pentadbir khas tidak disalahgunakan.

Soalan saya ialah apakah jaminan yang diberi oleh Danaharta dalam situasi sebegini. Pemantauan secara berkesan harus dijalankan oleh Danaharta bukan sahaja dalam konteks ini tetapi juga dalam apa-apa perkara yang mungkin dipersalahkan oleh pihak-pihak seperti Pentadbir Khas atau badan-badan lain yang bekerjasama dengan Danaharta dalam operasinya.

Isu seterusnya yang masih menjadi perkara yang dirungutkan oleh sektor korporat, sektor perniagaan ialah keengganan pihak perbankan membantu perniagaan. Jika pihak kerajaan telah memulakan usaha pemulihan dengan membeli portfolio pinjaman yang bermasalah (NPL) dari sistem perbankan, di manakah pula tanggungjawab institusi kewangan dalam memainkan peranan mereka dalam memulihkan ekonomi negara. Penyuntikan pelaburan melalui pinjaman atau ekuiti akan meningkatkan pengeluaran di mana kekesanan yang akan dicapai adalah pelbagai.

Dengan meningkatnya pengeluaran, lebih pekerjaan akan dijanakan yang seterusnya menambahkan perbelanjaan dan seterusnya membantu negara dengan lebih pungutan cukai dan pendapatan mata wang asing dari tahap eksport yang lebih tinggi.

Sebagai kesimpulan, pindaan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini harus disokong kerana secepatnya syarikat-syarikat yang terjejas dipulihkan, secepat itulah sektor swasta dapat dibaikpulihkan dan ini akan membawa ekonomi kita kepada tahap yang lebih mantap. Tidak dinafikan bahawa ekonomi sesebuah negara berpaksikan juga kepada pertumbuhan sektor swasta untuk mencapai pertumbuhan yang *sustain*, dengan izin, atau *sustain economic growth*. Kita telah menyaksikan kadar pertumbuhan negara kita yang telah meningkat dengan begitu impresif dan sekiranya sektor korporat atau swasta dapat dibaikpulihkan bersama dengan secepat mungkin kesemua indikator pertumbuhan negara akan kembali kepada tahap sebelum krisis ekonomi melanda negara ini malahan berpotensi merakamkan kadar yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang di hadapan kita ialah sama ada untuk menyokong pindaan kepada Akta Danaharta 2000 ini yang mana terasnya adalah memberikan kuasa yang lebih meluas agar kekesanan tugas Danaharta dapat direalisasikan. Dalam erti kata yang ringkas, adakah pengurusan Danaharta telah menunjukkan atau membuktikan prestasi yang cemerlang selama dua tahun beroperasi dan soalan saya yang kedua, pernahkah Danaharta menyalahgunakan apa-apa kuasa yang telah diberikan selama ini. Untuk menjawab soalan-soalan tersebut marilah kita tinjau pengiktirafan yang telah dirakamkan oleh pihak dalam dan luar negara tentang Danaharta.

Pertama, ia mencapai pengiktirafan antarabangsa. Anugerah Agensi Penyusunan Semula Terbaik 2000 oleh majalah kewangan bernama *Asia Money* edisi Mei 2000 atau dengan izin, *The Restructuring Agency of The Year*.

Kedua, ia berjaya menghalang kegagalan sistem perbankan. Sesuatu yang paling kritikal kerana nadi ekonomi sesuatu negara adalah bergantung kepada sistem perbankan yang stabil dan sihat.

Ketiga, sikap ketelusan Danaharta dalam operasinya terbukti yang kita semua ketahui dan akui.

Keempat, ia telah mencapai kadar pemulihan yang tinggi dengan prestasi kemajuan yang baik. Ini memanfaatkan pihak peminjam dengan pulangan yang optima.

Yang akhir, Danaharta telah menjadi model sebagai rujukan kepada agensi-agensi luar negara seperti:

- (i) Badan Penyehatan Perbankan Nasional Indonesia (IBRA).
- (ii) Agensi pengurusan aset di negeri China bernama China Huarong.
- (iii) Syarikat pengurusan aset di negeri Thai iaitu Bank Prom Thai.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

#### **4.44 ptg.**

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000.

Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang mula berkuat kuasa pada 1 September 1998 merupakan di antara usaha kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara. Selepas kegawatan ekonomi melanda seluruh Asia lewat abad yang ke-20 yang lepas, kita juga sedar betapa kestabilan, kekuatan dan kemantapan sektor kewangan dan sistem perbankan merupakan faktor terpenting dalam usaha untuk memulihkan ekonomi negara. Oleh itu, penubuhan Danaharta adalah bersesuaian dan tepat pada masanya. Tambahan pula objektif utama iaitu mengambil alih hutang lapuk atau NPL, dengan izin, supaya bank-bank dapat terus beroperasi dan mengembangkan perniagaan mereka. Selain daripada itu, ia juga adalah untuk mendapat nilai perolehan yang maksimum supaya dengan itu ekonomi negara dapat segera dipulihkan.

Persoalan yang saya ingin timbulkan di sini ialah berdasarkan kepada realiti semasa Danaharta yang sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah di kalangan syarikat-syarikat yang mempunyai NPL yang lebih daripada RM30 juta. Ini menunjukkan seolah-olah bantuan penyelesaian ini hanya tertumpu kepada syarikat-syarikat besar atau terpilih. Jadi, persoalannya bolehkah dijelaskan di sini apakah kriteria-kriteria pemilihan syarikat yang layak untuk diambil alih oleh Perbadanan Danaharta ini. Mengapa juga syarikat-syarikat yang ramai peminatnya, contohnya

Renong, MAS, UEM yang kita ketahui tenat dari sudut perniagaannya tetapi tidak dimasukkan di bawah Danaharta.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Danaharta sewajarnya memainkan peranan yang lebih fleksibel dan saksama pada semua pihak serta benar-benar berhasrat untuk membantu mana-mana syarikat yang sedang menghadapi krisis. Danaharta tidak sewajarnya berorientasikan keuntungan semata-mata seperti institusi perbankan yang lain, ini perlu untuk sama-sama kita mempertingkatkan kepesatan pemulihan semula ekonomi negara kita secara menyeluruh.

Setakat ini sahaja dan saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Rosli.

**4.46 ptg.**

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara ringkasnya saya ingin terlibat dengan rakan-rakan yang lain untuk sama-sama membahas untuk meminda Akta Pengurusan Danaharta Nasional yang sama-sama Dewan yang mulia ini telah luluskan pada peringkat awalnya pada tahun 1998 dan Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Pindaan) 2000 sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Azah Awin tadi telah mencakupi sebahagian daripada kehendak dan tuntutan daripada penjelmaan ataupun definisi ataupun huraian kepada pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

Tuan Yang di-Pertua, NPL yang dijadikan sebagai asas ataupun paksi kepada penubuhan Danaharta ini telah banyak membantu menyelesaikan kegawatan ekonomi yang melanda negara kita pada Julai 1997 dan pemilikan tempoh NPL dari enam hingga tiga bulan sebelum pewujudan sebagai satu daripada pendekatan yang telah menambahkan lagi masalah ketika kita menghadapi kegawatan ekonomi sebelum ini, maka strategi kerajaan dengan langkah fizikal dan kewangan kita yang bermiripkan kepada bentuk yang lebih '*spentry*' ataupun selepas penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan apatah lagi kita mempunyai satu organisasi badan seperti Danaharta ini telah ditubuhkan dalam masa yang begitu singkat yang diluluskan oleh Dewan ini sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita membicarakan banyak masalah yang berkaitan dengan ekuiti kewangan yang dimiliki oleh beberapa perkara yang terlibat sama dengan usahawan dan ahli-ahli korporat kita di seluruh negara dan kita berterima kasih kepada kerajaan kerana melihat isu penubuhan Danaharta ini sebagai satu daripada gerakan untuk sama-sama memulihkan ekonomi bukan saja di peringkat negara tetapi untuk memberi satu nafas baru kepada usahawan dan ahli-ahli korporat dan peniaga-peniaga kita khususnya yang sedang melanda permasalahan NPL dengan bank-bank tempatan dan di dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, secara strukturnya kita telah memberi pertambahan kuasa sebagaimana dijelaskan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi dalam huraian yang telah dibentangkan tadi telah memberi kuasa yang lebih kepada Danaharta. Saya hanya ada beberapa perkara sahaja untuk memberi sedikit pandangan tambahan kepada Danaharta ini. Secara pengurusan yang telus kita amat berkeyakinan dengan profesionalisme yang ada pada pengurusan Danaharta ini telah sedikit sebanyak membantu kita menyelesaikan pengambilan harta ataupun aset daripada bank-bank sebagaimana tertanggung oleh usahawan dan peminjam-peminjam kita kerana perkara-perkara yang berkaitan dengan NPL.

Dalam masalah ini, kita jangan lupa juga satu dasar utama negara kita supaya perjuangan kita bersama di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional supaya pendekatan ekonomi kita untuk merapatkan jurang perbezaan di antara kaum khususnya bumiputera dan bukan bumiputera. Maka saya mencadangkan pada hari ini kepada Kementerian Kewangan khususnya, supaya Danaharta dapat membuat satu peraturan yang khusus supaya mana-mana aset ataupun harta yang dimiliki oleh syarikat-syarikat bumiputera, walaupun aset berkenaan berorientasikan kepada harta yang boleh dijual kepada siapa melebihi ataupun bukan yang di bawah kawalan bumiputera, umpamanya, tanah yang bukan rizab Melayu.

Aset yang dulunya dimiliki oleh syarikat bumiputera, kita berharap ianya melalui proses tender ataupun proses penjualan ataupun lelong oleh Danaharta ini dapat ditetapkan supaya hanya bumiputera sahaja juga untuk memiliki harta yang telah diasaskan oleh syarikat-syarikat bumiputera, kerana dari segi jangka panjangnya, hasrat

dasar ekonomi negara, kita tidak mahu, maknanya selepas kita menghadapi kegawatan ekonomi, ekuiti bumiputera secara totalnya dalam k-ekonomi negara terhakis kerana kelemahan-kelemahan kegawatan ekonomi dan juga cara kita menguruskan aset bumiputera dan aset bukan bumiputera.

Secara tidak sentimennya saya beranggapan Danaharta mempunyai kemampuan untuk melihat perkara ini supaya bukan sahaja melihat dalam bentuk aset kerana mutakhir ini kita nampak dalam iklan-iklan surat khabar secara terbukanya (*open*) kita telah melelong ataupun memberi satu offer, dengan izin, kepada masyarakat kita supaya aset-aset yang di bawah tanggungan atau bidang kuasa Danaharta ini terbuka begitu luas. Kita tahu banyak cabaran yang perlu diurus oleh Danaharta di dalam menyelesaikan masalah ini supaya ianya menjadi satu dasar yang penting kepada Danaharta supaya aturan dan peraturan ini dapat kita wujudkan kerana tidak ada gunanya kita menyelesaikan masalah NPL, masalah aset diuruskan oleh Danaharta tetapi penggembengan tenaga yang diterjemahkan melalui Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Nasional kita supaya kita merapatkan kedudukan ekuiti bumiputera di negara akan terjejas kerana salah pengurusan kita di peringkat *secondary* iaitu peringkat kedua yang diuruskan oleh Danaharta.

Mungkin di peringkat *primary*nya, kita telah berjaya menubuhkan Danaharta tetapi di peringkat *secondary*nya, harus dilihat juga bagaimanakah bentuk kita dapat mengawal aset dan harta yang dimiliki oleh syarikat-syarikat bumiputera, walaupun harta berkenaan boleh dijual kepada bukan bumiputera, tetapi sekiranya ia dimiliki oleh syarikat bumiputera, maka ianya harus dibuat satu klausa baru supaya hanya pemilik-pemilik ataupun dengan izin, pembeli potensi bumiputera sahaja patut memiliki aset ataupun harta yang hendak dijual atau dilelong oleh Danaharta ini.

Keduanya, Danaharta diberi tugas begitu rupa – saya ingin mencadangkan juga supaya kalau dahulu apabila kita berlaku satu kegawatan ekonomi dalam tahun 1984, 1985 dahulu, untuk menyelesaikan masalah bumiputera yang bermasalah, kita ada beberapa tabung untuk diselesaikan kerana dari segi pembangunan usahawan bumiputera harus dilihat dalam dua bentuk. Pertamanya, keusahawanan dalam bentuk luaran iaitu dalam bentuk sebanyak manakah dia dapat mengumpulkan keuntungan dan sebagainya.

Keduanya, sejauh manakah usahawan bumiputera itu dapat mengumpulkan dengan izin, *accumulated experience*, pengalaman yang terkumpul oleh seseorang usahawan.

Jadi, kita tidak hendaklah apabila berlaku kegawatan ekonomi yang merupakan *beyond our control*, dengan izin, akhirnya matlamat DEB, matlamat dasar induk kita terhakis kerana kegagalan kita menyelesaikan masalah usahawan-usahawan yang begitu banyak pengalaman tetapi kerana mempunyai masalah-masalah tertentu yang mana faktor-faktor kejatuhannya bukan semata-mata kerana usahawan itu sendiri tetapi adalah kerana faktor-faktor tambahan luaran yang di luar bidang kuasanya.

Jadi, dalam hal ini, walaupun kita tahu kerajaan telah banyak menubuhkan tabung-tabung, tetapi adalah juga baik Danaharta ini diberi satu tugas yang lebih supaya ianya tidak dilihat sebagai pengurusan Danaharta itu sahaja tetapi harus dilihat dalam bentuk pembangunan usahawan. Maknanya, kalau Danaharta hanya diberi tugas sebagai untuk memulihkan aset kerana hendak menyelesaikan NPL semata-mata adalah ianya satu kedudukan yang akan berdepan dengan masalah usahawan itu sendiri. Kita tidak mahu usahawan kita terjatoh kerana masalah yang kita sama-sama hendak menyelesaikan perkara utama iaitu menyelesaikan masalah NPL di bank, masalah usahawan kita yang tidak dapat menyelesaikan kes-kes tertentu di bank-bank tetapi dalam masa yang sama, kita dapat mengambil aset tetapi dalam masa yang sama kita meminggirkan usahawan khususnya bumiputera yang tidak mempunyai kekuatan baru, walaupun kita tahu ada pendekatan mekanisme lain di luar daripada ini.

Jadi, saya berharap Danaharta juga memikirkan masalah sebagai tugas tambahannya dalam pemulihan usahawan itu sendiri selain daripada melihat Danaharta. Mungkin ini sebagai satu *annexure* atau sebagai satu tambahan tugas Danaharta ataupun Danaharta perlu *affiliate*, dengan izin, dengan organisasi-organisasi penting dalam Kementerian Kewangan ataupun organisasi-organisasi lain supaya dapat memberi satu pendekatan pemulihan kepada usahawan yang berdepan dengan masalah ini.

Keduanya, harus juga melihat bagaimanakah harus memberi satu pendekatan dalam pembangunan usahawan itu dan akhirnya saya rasa Danaharta harus terus diberi tanggungjawab untuk memberi kemantapan dan pemerintisan kepada usahawan yang dipulihkan ataupun dilihat dalam program pemulihan itu. Jadi, dalam dua keadaan ini,

saya berharap sekurang-kurangnya Danaharta bukan sahaja mendapat cabaran-cabaran baru tetapi kita berharap Danaharta akan lebih menjadi sebuah organisasi yang bukan melihat sebagai penubuhan asasnya tetapi lebih kepada perkara-perkara *expansionary*, berkembang supaya kita melihat dalam bentuk yang lebih saksama kerana kita berharap Danaharta akan terus menjalankan tugas dan tanggungjawab dalam pengurusannya. Moga-moga ianya tidak menidakkan dasar yang sama-sama kita bina begitu lama sehingga terjejas kedudukan bumiputera dalam ekuiti ekonomi negara.

Dengan kata-kata itu, saya turut menyokong akta yang dibentangkan tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**4.58 ptg.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Akta 587 ini, tetapi saya tidak akan menyatakan bahawa semua pindaan itu adalah begitu baik seperti yang telah disarankan oleh rakan-rakan saya tadi. Bagi saya, pindaan-pindaan ini akan memberi banyak kuasa kepada Pentadbir Khas (PK) kepada Jawatankuasa Selia ataupun *oversight committee* dan seperti kita pernah mendengar orang kata, dengan izin, "*Power corrupts and absolute power corrupts absolutely*". Dengan kata-kata demikian, kita harus memikirkan bahawa dalam pindaan-pindaan ini, maka kuasa yang begitu luas dan begitu besar telah dicadangkan untuk Pentadbir Khas dan untuk Jawatankuasa Selia.

Dalam pindaan-pindaan yang dicadangkan, ada dikatakan bahawa semua perbuatan ini dalam seksyen 72, tiada sesiapa boleh melarang pergantungan tindakan tidak boleh mengambil injunksi terhadap sebarang perbuatan, penasihat bebas, Pentadbir Khas atau Jawatankuasa Selia.

Bagi saya ini adalah satu kuasa yang begitu penting dan begitu besar yang telah dipertaruhkan kepada beberapa orang. Dan kalau kita tidak ada kawal selia maka salah guna kuasa ini mungkin timbul. Oleh kerana itu saya minta bahawa pihak yang berkenaan mengambil serius tentang pelantikan Pentadbir Khas. Dan dalam peruntukan ini, di bawah Seksyen 25(a) ada dikatakan pelantikan Pentadbir Khas itu oleh Jawatankuasa Selia tidak perlu dalam tulisan. Pada interpretasi saya secara lisan boleh melantik

seseorang itu tanpa *in writing*, dengan izin. Kenapa ini harus dibuat. Kenapa pelantikan itu tidak boleh dibuat dengan cara yang lebih formal supaya semua dapat ditunjuk, supaya orang yang dilantik itu memang ada kemahiran-kemahiran tertentu yang membolehkan orang ini menjalankan tugasnya dengan cemerlang, dengan baik dan menjaga kepentingan semua pihak.

Ini kerana disebutkan di bawah Seksyen 25(a) itu bahawa pelantikan seperti saya baca tadi yang demikian. Saya juga baca dalam bahagian baru iaitu 39A bahawa tidak ada siapalah yang boleh menghalang Pentadbir Khas ini daripada menjalankan tugas.

So, contoh-contoh yang saya sebutkan tadi menunjukkan bahawa begitu banyak kuasa telah diberikan dan apa yang saya kawatir ialah dengan izin, *check and balance*. Kita mesti pastikan dalam prosedur itu bahawa apa yang telah dibuat itu dibuat dengan niat baik kerana juga ada disebutkan, kalau sesuatu perbuatan itu dibuat dengan hati suci maka tidak ada apa tindakan yang boleh diambil dan dari segi interpretasi hati suci ini kita buat sesuatu, kita boleh kata dengan hasrat baik. Tetapi kalau dianggap tidak demikian kita tidak adalah saluran untuk mencabar keputusan itu. Dari segi itu kita mintalah bahawa pelantikan seseorang Pentadbir Khas itu dengan begitu banyak kuasa diberi kepada beliau maka itu dibuat dengan secara mendalam supaya pelantikan itu tidaklah menjadi satu perkara yang dipersoalkan.

Satu bahagian yang saya sangat bersetuju dan menarik perhatian saya ialah Seksyen 42A. Pada saya ini adalah satu seksyen yang begitu baik dan begitu penting. Di bawah seksyen ini, seseorang Pentadbir Khas itu dalam masa dua tahun pelantikan beliau itu, beliau boleh melihat harga-harga yang telah dibayar atau kalau aset itu dijual sama ada harga yang telah dijual itu berpatutan atau tidak. Dan kalau beliau mendapati sudah *undervalue* dengan izin, iaitu kalau sudah dibeli dengan satu harga yang terlalu murah, kalau aset itu begitu banyak tetapi apabila dibeli, hanya beri sedikit sahaja atau aset itu begitu banyak tetapi apabila dijual, dijual dengan harga murah, maka kuasa dipertaruhkan kepada Pentadbir Khas ini untuk mengubahsuaikan harga itu dan kemudian dituntut balik perbezaan harga setelah dikira oleh beliau ini. Bagi saya ini adalah satu cadangan yang sangat baik dan saya amat menyokongnya.

Dari segi pentadbiran bahagian ini, bagaimana ia dilaksanakan, bagaimana sesuatu kajian itu dibuat, bagaimana kita tetapkan satu harga berpatutan, ini adalah fakta-fakta yang kena diambil kira oleh Pentadbir Khas (PK). Oleh kerana itu saya telah katakan Pentadbir Khas ini mempunyai satu tugas yang begitu penting dan kalau tidak dijalankan dengan baiknya maka ada banyak persoalan yang akan timbul dan akhirnya ini akan menjejaskan kekesanannya akta ini dan juga harapan orang ramai.

Saya juga ingin menyentuh tentang pemiutang bercagar. Dalam pindaan kepada Seksyen 46 ini ada dicadangkan bahawa PK hanya menghantar kepada mereka yang diketahui beliau. Bagaimana kalau ada pemiutang yang bercagar tetapi tidak diketahui oleh beliau sama ada Pentadbir Khas ini, akan selain daripada tahu atau tidak tahu kita boleh juga ada satu saluran yang mana pihak-pihak yang menjadi pemiutang bercagar ini ada peluang untuk keluar, untuk mendaftarkan kepentingan mereka. Kalau pihak Pentadbir Khas ini tidak tahu tentang pihak pemiutang bercagar itu, bagaimana? Ini kerana bahagian ini telah melepaskan beliau daripada tanggungjawab mencari orang ini.

Jadi kalau kita ada satu prosedur tambahan di mana melalui pengiklanan atau lain-lain cara maka pihak-pihak ini juga diberi peluang, datang mendaftarkan kepentingan mereka supaya kepentingan mereka itu dapat diambil kira. Kalau kita kata hanya kalau Pentadbir Khas ini tahu tentang perkara ini dan kalau yang lain itu tidak tahu maka saya risaulah ada pihak-pihak yang penting mungkin ketinggalan. Dan ini telah berlaku ketidakadilan kepada pihak ini.

Saya juga sangat tertarik tentang pindaan kepada Seksyen 65 dengan memasukkan nama Jawatankuasa Penyelia dalam pindaan ini. Dahulu kalau rahsia itu dibocorkan oleh pegawai atau oleh kakitangan dan sebagainya maka ini menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 65 ini tetapi sekarang ada dicadangkan bahawa juga masuk Jawatankuasa Selia atau *oversight committee*. So, kalau ada melanggar sebarang kewajipan dari segi kerahsiaan sesuatu keputusan maka bukan sahaja pegawai-pegawai itu terlibat tetapi Jawatankuasa Selia kerana Jawatankuasa Selia pun mungkin menjadi sumber kebocoran rahsia itu. So, ini juga satu pindaan yang saya sangat alu-alukan.

Berkait dengan pindaan kepada Seksyen 65, saya juga ingin menyentuh tentang pindaan kepada Jadual Pertama. Di dalam pindaan kepada Jadual Pertama ini ada

diperkatakan bahawa sebarang keputusan Lembaga itu sah sungguhpun adalah ketinggalan-ketinggalan, sungguhpun ada kecacatan, sungguhpun ada ketidakaturan dalam prosiding itu, sungguhpun demikian keputusan itu adalah sah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ini adalah juga satu kuasa, kalau ada ketinggalan, kalau ada kecacatan, kalau tidak diputuskan dengan baik maka keputusan itu masih boleh dikekalkan bagaimana kita boleh mempertahankan keputusan itu. Tetapi apa yang disebutkan ini alasannya ialah kerana seorang atau dua orang atau siapa dalam Lembaga itu telah melanggar peraturan seksyen 65.

Dengan pindaan-pindaan kepada Jadual Pertama ini, maka saya dapati seolah-olah banyak daripada perbuatan kita itu direstui oleh undang-undang dan sama ada itu dibuat dengan baik atau tidak tetapi dilindungi. Ini adalah satu perkara yang kita harus memikirkan sama ada sesuai atau tidak.

Pindaan kepada Schedule Pertama ini juga ada disebutkan Lembaga, sama ada Lembaga atau Jawatankuasa Penyelia sama maksudnya atau apa Lembaga yang dimaksudkan, saya minta penjelasan kerana saya lihat perkataan 'Lembaga' tetapi dalam pindaan kepada seksyen 65 saya lihat 'Jawatankuasa Penyelia', sama ada kedua-dua ini adalah sama atau kedua-dua ini tidak sama.

Tuan Yang di-Pertua, itulah pandangan-pandangan saya dari segi pindaan-pindaan yang dicadangkan. Saya telah sebutkan bahawa ada banyak kebaikan tetapi juga ada banyak kuasa yang telah diberikan dan kita harus mengadakan satu mekanisme *check and balance*, dengan izin, supaya apa yang dibuat di atas nama Akta 587 ini boleh diterima oleh semua pihak dan boleh dikira sebagai satu daripada tindakan yang boleh membantu kita memulihkan keadaan.

Saya juga minta kalau semua ini diluluskan nanti maka satu kajian dibuat dari segi pelaksanaan supaya bahagian-bahagian yang tidak sesuai itu kalau selepas dikaji didapati ada bahagian-bahagian yang telah memberikan terlalu banyak kuasa kepada pihak-pihak tertentu, maka pindaan-pindaan yang sewajarnya dibawa balik untuk dipinda.

Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan kepada Akta 587 terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

**5.15 ptg.**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan bukan sahaja setakat ini telah berjaya menyelesaikan masalah besar dari segi proses *corporate cleansing* atau penyucian korporat di mana hutang tidak berbayar yang menular begitu tinggi selepas krisis dan *contagion effect*, dengan izin yang berlaku di negara kita pada Julai 1997 maka tertubuhnyalah tiga organisasi yang saya anggap sebagai *corporate troika* atau *tripartite* iaitu Danaharta, CDRC dan Danamodal.

Ketiga-tiga ini yang ditubuhkan semata-mata hendak menyelamatkan dari segi sektor swasta dan sistem perbankan yang dilanda oleh kedudukan hutang yang begitu tinggi dan pada masa yang sama nilai terutama nilai harta dan juga nilai saham di mana ianya merupakan sandaran kepada pemiutang-pemiutang ini menjunam begitu jauh ke bawah pada waktu indeks BSKL kita menjunam kepada 219 mata dan kita dapati Danaharta berjaya setakat ini mengambil alih, tadi saya beritahu RM45.521 bilion daripada hutang-hutang itu dan mengurangkan NPL hutang lapuk, hutang tidak berbayar ini kepada tahap yang begitu membanggakan itu.

Saya difahamkan institusi kewangan kini amat kukuh kerana NPLnya kini hanya ke tahap 6.6% kalau dibandingkan pada September 1999 misalnya kepada 11.4%. Yang lebih penting lagi, mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, *the risk-weighted capital ratio* pun sudah meningkat baik kepada 13% daripada 11.8% pada tahun 1998 dan ini lebih tinggi daripada piawai yang ditetapkan oleh Basel Standard iaitu lebih kurang 8%.

Semuanya ini adalah usaha kerajaan di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir menerusi MTEN dengan Tun Daim dan ahli-ahlinya untuk memastikan kita terselamat daripada terikat terutama sekali dengan Dana Antarabangsa (IMF) dan boleh menjalankan usaha sendiri. Ini kita patut beri tahniah sehinggakan kalau kita bandingkan daripada hutang-hutang peminjam-peminjam lebih kurang 2,345 mengikut laporan yang diambil alih oleh Danaharta ini sungguhpun hanya 3% atau RM1.56 bilion sahaja yang diselesaikan daripada rm45 bilion ini tetapi usaha-usaha untuk penyelesaian berjalan dengan telus, ini penting. Tidak ada *hanky panky*, mohon izin, ianya telus dan

kita mahu perkara ini diumumkan di Dewan yang mulia ini dan tidak ada *cronyism*, banyak orang yang memberikan pandangan yang sinis terhadap apa yang kita buat tetapi setakat ini syukur alhamdulillah, ianya berjalan dengan baik.

Sungguhpun kita dapati memang masalah hutang ini boleh juga dikaitkan dengan kemungkinan wujudnya satu masalah pentadbiran pengurusan syarikat ataupun mungkin juga kerana wujudnya satu penyalahgunaan kuasa dalam syarikat-syarikat yang berhutang itu ataupun budaya kita sendiri,. sungguhpun kita ada duit tetapi segan hendak membayar, kata kita gunakan wang itu untuk membuat perkara-perkara lain.

Saya tidak tahulah pengalaman Danaharta, kita hendak tahu juga, pengambilalihan hutang-hutang daripada 2,345 ini berapa ramai yang bermasalah kerana wujudnya masalah dalaman dari segi Lembaga Pengarahnya, dari segi salah guna hutang-hutang, selepas *decision* dibuat baru kita tahu wujudnya masalah-masalah ini. Saya hendak tahu kerana daripada 2,345 peminjam-peminjam ini yang berjumlah RM45.5 bilion ini mungkin ada yang bermasalah menular dari kesilapan-kesilapan pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan ataupun *fraud* perkara-perkara yang sebegini rupa, saya hendak tahu daripada senarai ini.

Saya memang menyokong sahabat saya Yang Berhormat Senator Rosli jangan sekali-kali kita melupakan Dasar Ekonomi Baru kerana pencapaian Dasar Ekonomi baru setakat ini tidak lebih daripada 19.4% dari segi ekuiti, dari segi pemegang saham dan kita punya matlamat apabila wujud Dasar Ekonomi Baru 30% sekurang-kurangnya. Jadi apabila kita mengambil alih hutang-hutang ini dan lepas itu kita lelong terutama harta. Soalnya sekarang ini kalau sekiranya harta itu harta bumiputera, kalau sekiranya saham-saham itu saham-saham bumiputera. Sekarang ini *open bidding* kita buka seluas-luasnya. Jadi sebanyak mana terhakisnya ekuiti bumiputera selepas Danaharta memproses membayar balik penyelesaian hutang-hutang ini. Ini penting kerana ianya akan menjejaskan tahap pencapaian ekuiti bumiputera yang kita harapkan dapat mencapai 30% tetapi setakat ini hanya mencapai 19.4%.

Saya dapati juga, Tuan Yang di-Pertua, antara hutang-hutang yang diambil alih ini portfolio dia yang berasaskan kepada hartanah 29.7% tetapi yang berasaskan

kepada saham-saham yang menjadi sandarannya 17.5 % atau lebih kurang 4 bilion lebih dari segi nilai asalnya. Nilai yang terhakis saya tidak tahu, nilai susut.

Soalnya sekarang cara macam mana terutama saham kerana BSKL dengan indeksinya yang kini meningkat 888 satu ketika dahulu, sekarang turun 818 terumbang-ambing tidak bermaya. Soalnya sekarang bagaimana Danaharta menguruskan penjualan saham-saham atau *disposal of* saham-saham ini yang akan memberi *impact* kepada harga saham pasaran. Saya tidak tahu cara-cara metodologi dia adakah ia merupakan *private treaty* kah, saya tidak tahu. Jadi, bagaimana saham-saham yang begitu banyak menjadi sandaran ini lebih kurang 17.5% kalau ikut nilai seluruhnya, ini *equivalent* 4.8 %.

Tuan Yang di-Pertua, perkara semacam ini kena ambil kira, ini tidak ada formula kalau kita buat secara *laissez-faire*, secara terbuka sahaja ianya akan menjejaskan dan memburukkan lagi pencapaian Dasar Ekonomi Baru dan juga pencapaian peningkatan indeks Bursa Saham Kuala Lumpur kita. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, siapa yang bertanggungjawab dari segi menentukan perkara ini. Adakah Lembaga Pengarah, adakah jawatankuasa selia, adakah Kementerian Kewangan, siapa dia yang bertanggungjawab bagi menentukan arah tuju Danaharta mengambil kira unsur-unsur dasar ekonomi kita yang memangnya mementingkan dari segi unsur-unsur Dasar Ekonomi Baru atau yang pernah kita panggil sekarang ini Dasar Pembangunan Negara yang masih lagi menggunakan unsur-unsur Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengetahui kalau sekiranya kita dapat mengambil iktibar daripada apa yang telah berlaku kepada syarikat-syarikat ini supaya badan-badan yang menentukan *corporate governance*, dengan izin, dapat membuatkan etika yang lebih kemas lagi kerana, Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kalau sekiranya Danaharta ingin mewujudkan peningkatan nilai adakah ianya nilai saham ataupun nilai harta daripada pemiutang-pemiutang itu, mereka mesti juga memikirkan cara bagaimana dari segi pengurusan syarikat-syarikat ini etika dan kodnya dapat diperbaiki sehinggakan ketelusannya meningkatkan premium kepada harganya itu.

Saya diberitahu mengikut laporan Bank Dunia dan juga *institutional investor* bahawasanya pelabur membayar 30% premium pada saham-saham syarikat yang

mempunyai dan mengikuti kod-kod etika tertentu. Jadi kualiti pengurusan dan Lembaga Pengarah yang melindungi hak-hak pemegang saham merupakan premium kepada pelabur-pelabur. Di Amerika dan juga di UK misalnya, mereka membayar 18% premium kepada syarikat-syarikat yang mempunyai struktur Lembaga Pengarah yang mantap, yang tersusun, yang mempunyai ketelusan.

Begitu juga mengikut laporan ini, premium-premium yang dibayar kepada syarikat-syarikat yang sebegitu rupa 27% di Indonesia, Venezuela dan Colombia dan di Malaysia, Thailand mereka akan membayar lebih kurang 25% premium. Jadi premium ini perlu kerana ianya akan meningkatkan nilai saham-saham atau nilai khazanah harta yang kini mempunyai masalah. Jadi perkara semacam ini perlu kita ambil kira dan juga saya mengharapkan juga Danaharta dapat menggubal apa yang dikatakan *global investment performance standard* sekarang ini dipakai oleh peringkat antarabangsa dengan tujuan yang sama. Maknanya piawaian global prestasi pelaburan ini digunakan juga di Malaysia di syarikat-syarikat di mana Danaharta terlibat supaya dapat meningkatkan nilai daripada harta ataupun aset yang ada dalam syarikat-syarikat itu.

Saya pun tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya 2,345 peminjam-peminjam dengan tahap penilaian RM45 bilion diambil alih ini siapa yang hendak mengelolakan dari segi Danaharta. Adakah kepakarannya begitu ramai di situ atau bijak. Saya difahamkan jikalau kita tengok dari segi nilai management asset corporation yang dibawa oleh dana tadi ianya jatuh nombor dua daripada Malayan Banking, dari segi nilai besar. Jadi soalnya sekarang saya hendak tahu berapa orang-orang yang mempunyai kepakaran di dalam Danaharta itu sendiri yang boleh menentukan supaya hutang-hutang peminjam-peminjam 2,345 dengan nilai yang setinggi itu dapat diusahakan dengan baik, dibaik pulih dengan baik untuk menentukan nilai.

Ini mungkin peringkat pertama, fasa pertama dia dapat 80% - mungkin *recovery* 80% tetapi yang lama-lama lagi teruk hutang-hutang ini. Jadi kemungkinan nilai itu merosot. Kalau dahulu 80% fasa pertama dia dapat *recovery* dia, pulangan dia, mungkin penghujung dalam masa dua tiga tahun kemudian kalau ekonomi kita meningkat baik tidak apa, tetapi kalau ekonomi kita dengan paras 818 atau 800 mata sahaja BSKL

berkemungkinan pulangan daripada hutang-hutang kemudian ini mungkin sampai 50% sahaja daripada nilai.

Jadi soalnya sekarang untuk meningkatkan nilai ini penting. Kepakaran yang wujud di dalam Danaharta mungkin perlu dipertingkatkan kerana rasionya sekarang ini kalau saya tengok 2,345 saya difahamkan, tidak tahulah adakah dia pakar atau tidak pakar, mungkin kakitangan ada lebih kurang 250 orang Danaharta ada dan daripada situ tidak tahu berapa orang profesional, jadi ini diambil kira kerana amatlah besar harapan negara terletak di bahu Danaharta bagi menentukan program penyelesaian atau *corporate cleansing* yang saya sebutkan tadi dapat berjaya. Dalam masa yang sesingkatnya dia telah berjaya, dalam dua setengah tahun ini saya kagum kalau dibandingkan NPL di Thailand dekat 500 ribu misalnya atau di Indonesia masih lagi teruk keadaannya. Tetapi di Malaysia sungguhpun parti-parti lawan tidak mengakuinya tetapi Barisan Nasional di bawah kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir dengan Tun Daim sebagai Menteri Kewangannya berjaya dan syabas.

Danaharta memang betul kata Senator Datuk Nor Azah tadi, Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa sudah cukup, boleh menyambung lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 10.00 pagi, 31 Julai iaitu hari Isnin minggu hadapan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*

25 Julai 2000

#### **AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,  
D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)

“ Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato’ Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Michael Chen Wing Sum  
(Dilantik)

“ Timbalan Menteri Pendidikan,  
Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Dato’ Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun  
(Dilantik)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)

“ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

“ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)

“ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)

“ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)

“ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)

“ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

“ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.  
(Selangor)

“ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

“ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)

- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
  - “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
  - “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
  - “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
  - “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
  - “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
  - “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
  - “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
  - “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
  - “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
  - “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
  - “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
  - “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
  - “ Tuan N. Marimuthu A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
  - “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
  - “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
  - “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
  - “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
  - “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
  - “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
  - “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
  - “ Tuan S. Parasuraman (Kedah)
  - “ Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
  - “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)

- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato' V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara**  
Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Zamani bin Haji Sulaiman  
Haji Mustakin bin Selamat  
Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**  
Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor  
Ramlah binti Mohd. Yusuff  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Khairul Azila binti Haji Khairuddin  
Noor Effarizan binti Mat Satib  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Haji Latif bin Ismail  
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH**

**PENGGAL KEDUA**

MESYUARAT KEDUA

---

**Bil. 19**

**Khamis**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2000) 2000

(Halaman 22)

Rang Undang-undang Pengurusan Danaharta Nasional  
Berhad (Pindaan)2000

(Halaman 94)

